



**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGGAL PERTAMA  
MESYUARAT KEDUA**

---

---

**Bil. 21**

**Isnin**

**15 Oktober 2018**

---

**K A N D U N G A N**

<b>MENGANGKAT SUMPAH</b>	(Halaman	1)
<b>PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:</b>		
- Mengalu-alukan Ahli Baru	(Halaman	1)
- Memperkenankan Akta-akta	(Halaman	2)
- Perutusan Daripada Dewan Negara	(Halaman	2)
<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman	4)
<b>RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT</b>	(Halaman	30)
<b>USUL:</b>		
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman	31)
<b>USUL MENTERI LUAR NEGERI DI BAWAH P.M. 27(3):</b>		
- Kerangka Asas Dasar Luar Malaysia Baharu	(Halaman	32)
<b>USUL MENTERI KEWANGAN:</b>		
- Akta Pendanaan Kerajaan 1983	(Halaman	140)

**MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGKAL PERTAMA  
MESYUARAT KEDUA  
Isnin, 15 Oktober 2018**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

***[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]***

---

**MENGANGKAT SUMPAAH**

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat sumpah:

- Yang Berhormat Datuk Seri Anwar Ibrahim [Port Dickson]

**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA**

**MENGALU-ALUKAN AHLI BARU**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim, Ahli Parlimen Port Dickson yang telah mengangkat sumpah sebentar tadi. Saya juga mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Seri yang telah memenangi Pilihan Raya Kecil Port Dickson pada Sabtu 13 Oktober 2018 lalu.

Seperti yang telah saya ungkapkan pada hari pertama persidangan Dewan Rakyat, pada Isnin 16 Julai 2018, Dewan Rakyat ini mempunyai kedudukan yang tertinggi dalam menentukan undang-undang negara dengan bertujuan memberikan manfaat terbesar kepada seluruh rakyat Malaysia. Ia mempunyai wibawanya sendiri dan melengkapkan cabang-cabang pemerintahan yang lain. Justeru, peranan Parlimen sebagai medan perbahasan dan perdebatan yang bebas mesti dihayati sebaiknya. Usaha-usaha menambahbaikkan proses penggubalan undang-undang mesti berterusan supaya Parlimen ini terus dihormati dan disegani segenap lapisan masyarakat.

Saya yakin Ahli Yang Berhormat akan melaksanakan tugas sebagai wakil rakyat dengan terhormat seperti yang dituntut keluhuran institusi ini terutama dalam usaha membawa perubahan-perubahan untuk meningkatkan kewibawaan Parlimen. Oleh yang demikian, saya berharap semoga Ahli Yang Berhormat dapat memberi sumbangan yang berguna dan berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya dan semoga dapat berkhidmat dengan cemerlangnya. Tahniah sekali lagi.

### **MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah memperkenankan akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam Mesyuarat Penggal yang lalu seperti berikut:

1. Akta Cukai Jualan 2018;
2. Akta Cukai Perkhidmatan 2018;
3. Akta Cukai Barangan dan Perkhidmatan (Pemansuhan) 2018;
4. Akta Kastam (Pindaan) 2018;
5. Akta Zon Bebas (Pindaan) 2018;
6. Akta Perbekalan (Penguntungan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2018;

### **PERUTUSAN DARIPADA DEWAN NEGARA**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima dua perutusan daripada Yang di-Pertua Dewan Negara yang menyatakan keputusan Dewan itu kepada rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dalam sidang Parlimen

Penggal yang lalu.

*[Setiausaha membacakan Perutusan]*

“20 Ogos 2018

### **Perutusan Daripada Dewan Negara kepada Dewan Rakyat**

Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat,

Dewan Negara telah meluluskan rang undang-undang yang berikut tanpa pindaan:

1. Rang Undang-undang Cukai Jualan 2018;

2. Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan 2018;
3. Rang Undang-undang Cukai Barangan dan Perkhidmatan (Pemansuhan) 2018;
4. Rang Undang-undang Kastam (Pindaan) 2018;
5. Rang Undang-undang Zon Bebas (Pindaan) 2018;

Yang Ikhlas,

*t.t*

(Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara)

“12 September 2018

**Perutusan daripada Dewan Negara kepada Dewan Rakyat**

Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat,

Dewan Negara telah meluluskan rang undang-undang yang berikut tanpa pindaan:

1. Rang Undang-undang Perbekalan (Penguntungan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2018;
2. Rang Undang-undang Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (Pembubaran) 2018;
3. Rang Undang-undang Pengangkutan Awam Darat (Pindaan) 2018

Dewan Negara tidak meluluskan rang undang-undang seperti berikut:

1. Rang Undang-undang Anti Berita Tidak Benar (Pemansuhan) 2018

Yang Ikhlas,

*t.t*

(Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara)

■1010

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]** minta Perdana Menteri menyatakan hasil lawatan rasmi beliau dan rombongan ke negara Republik Rakyat China, perkara-perkara yang dibincangkan dan dipersetujui dan langkah-langkah yang diambil untuk meningkatkan hubungan dua hala dari segi perdagangan dan kerjasama ekonomi.

**Perdana Menteri [Tun Dr. Mahathir bin Mohamad]:** Tuan Yang di-Pertua, seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, saya dan delegasi telah mengadakan lawatan rasmi ke negara Republik Rakyat China pada 17 hingga 21 Ogos 2018 atas jemputan daripada Tuan Yang Terutama Li Keqiang, Perdana Menteri China. Tujuan utama lawatan rasmi ini ialah untuk meningkatkan persefahaman hubungan dua hala antara Malaysia dan China dari segi perdagangan dan kerjasama ekonomi berikutan perubahan landskap politik di Malaysia. Penjelasan tentang prinsip serta pendirian kerajaan baharu Pakatan Harapan yang mengalu-alukan kemasukan pelaburan asing yang tulen serta bermanfaat untuk kedua-dua buah negara turut dibincang dan diterima baik.

Ia menjadi asas bagi perbincangan lanjut di peringkat pegawai dan mencari penyelesaian berkenaan dengan hutang pentadbiran terdahulu berjumlah berbilion ringgit yang didapati terlalu tinggi, membebankan dan tidak bermanfaat kepada negara pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, di samping pertemuan dengan pemimpin-pemimpin Kerajaan Republik Rakyat China, saya dan delegasi juga mengadakan lawatan ke syarikat-syarikat terkemuka China dan pertemuan dengan ahli-ahli perniagaan. Kita dapati China telah mencapai kemajuan, China telah mencapai kemajuan yang pesat dalam pelbagai bidang. Antaranya dalam bidang pertanian, automotif, teknologi pembuatan pesawat tanpa pemandu ataupun *drone* dan teknologi maklumat.

Lawatan ini memberi banyak idea kepada kita yang mana hasil penyelidikan dan pengalaman mereka boleh digunakan untuk memperbaiki lagi cara-cara kita mengadakan perusahaan di Malaysia. Kumpulan Alibaba telah bersetuju untuk berkongsi dan memberikan latihan kepada sektor industri kecil dan sederhana Malaysia terutama dalam bidang e-dagang dan pengusahaan teknologi. Proton Holding Berhad dan Zhejiang Geely Holding Group pula telah memeterai *head of agreement* yang merupakan perjanjian persefahaman pemindahan teknologi daripada *Geely* kepada

Proton dalam teknologi tenaga boleh diperbaharui yang akan dapat meningkatkan mutu industri automotif negara di samping peluasan pasaran ke negara berkenaan.

Saya juga berkesempatan mengadakan satu sesi dialog bersama pemimpin-pemimpin perniagaan dari Malaysia yang berada di Beijing yang disertai seramai 93 orang pemimpin korporat dan satu sesi pertemuan tertutup dengan sembilan orang ahli perniagaan dari China yang mewakili syarikat-syarikat ternama yang juga merupakan ahli kepada *China Entrepreneurs Club*. Pertemuan selanjutnya diadakan dengan ahli-ahli perniagaan Malaysia yang berada di negara China. Semasa bertemu dengan seramai 400 orang ahli perniagaan berkenaan, saya telah memberi jaminan bahawa hubungan dua hala antara Malaysia dan China akan bertambah kukuh di bawah pentadbiran kerajaan semasa. Saya turut meyakinkan dan menggalakkan komuniti perniagaan China untuk melabur di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pertemuan saya bersama komuniti perniagaan serta pemimpin-pemimpin Kerajaan China, saya telah menegaskan bahawa kerajaan Malaysia menyokong pelaksanaan inisiatif *belt and road*. Bagi Malaysia ialah kapal-kapal dapat menggunakan Selat Melaka dan Laut China Selatan tanpa gangguan. Malaysia sebagai negara dagangan bergantung kepada laut untuk kebanyakan import dan eksportnya.

Kita menggalakkan pelaburan daripada China, namun pelaburan-pelaburan ini perlulah memberikan peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia menggunakan bahan-bahan tempatan dan peluang pemindahan teknologi kepada industri tempatan. Pelaburan tidak termasuk membawa orang asing bermastautin di negara ini. Sebagai permulaan sukacita dimaklumkan bahawa pihak China telah menyatakan kesediaan untuk mengimport 500,000 tan minyak kelapa sawit tambahan dari Malaysia dengan syarat harga yang kompetitif ditawarkan.

Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhan lima buah *memorandum of understanding* dan perjanjian antara agensi-agensi kerajaan telah ditandatangani semasa lawatan tersebut. Saya juga turut menyaksikan pemeteraian dua perjanjian antara syarikat Malaysia dan China. Selain itu, Malaysia dan China yang telah mempunyai hubungan dua hala yang kukuh sejak terjalannya hubungan diplomatik lebih 40 tahun dahulu turut bersetuju untuk terus mewujudkan hubungan yang lebih dinamik serta saling bekerjasama meneroka bidang-bidang baru yang bakal mendatangkan manfaat bersama dalam bidang teknologi, industri dan inovasi. Sekian terima kasih.

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas jawapan

yang diberi. Jumlah perdagangan yang direkod antara Malaysia dan China pada tahun 2017 adalah RM96.3 bilion dan pada tahun ini. Selepas Pilihan Raya ke-14, kita tidak tahu kedudukannya.

#### ■1020

Akan tetapi baru-baru ini, selepas cuti Hari Kebangsaan China dari 1 Oktober hingga 7 Oktober, *the 'Golden Week' holiday* dengan izin, sektor pelancongan melaporkan bahawa ketibaan pelancong dari negeri China merosot sebanyak 30 peratus berbanding dengan tahun yang lepas. Adakah ia berpunca dari tindakan kerajaan mengkaji semula konsesi perjanjian yang telah dimeterai termasuk membatalkan kontrak yang dibuat oleh kerajaan terdahulu yang menyebabkan sentimen tidak puas hati pihak China dan apakah sektor lain-lain yang terjejas dengan langkah baharu kerajaan ini? Apakah langkah yang kerajaan akan ambil untuk mengatasi masalah yang terbaharu ini? Terima kasih.

**Tun Dr. Mahathir bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, pelancong daripada negara China memang berkurangan bukan sahaja bagi Malaysia tetapi juga ke negara-negara yang lain. Pada masa cuti nasional day mereka, memang ramai daripada rakyat China akan melancong ke luar negara tetapi mereka juga melancong ke dalam negara mereka. Oleh kerana ini, kita dapati untuk jangka masa 1 Oktober hingga 7 Oktober ini, bilangan telah berkurangan. Akan tetapi kita yakin selepas ini, maka pelancong daripada China akan bertambah seperti biasa. Sekian.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Terima kasih Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Seperti mana Yang Amat Berhormat katakan tadi, *Belt and Road Initiative* adalah satu agenda penting melibatkan 65 buah negara dan juga 44 bilion populasi dan nampaknya dukungan, sokongan yang diberikan kepada BRI selama ini telah membawa hasil kepada Malaysia. Atas sebab itulah, FDI datang ke Malaysia begitu banyak sekali.

Selain daripada pelaburan, ada empat perkara yang sangat penting. Apakah dalam pertemuan Yang Amat Berhormat bersama dengan pemimpin China— ada empat perkara yang menjadi fokus utama bagi rakyat Malaysia.

Pertama ialah tentang pengeluaran durian dari Malaysia yang mana harga agak tinggi, permintaan agak tinggi di China. Apakah tindakan yang telah diambil oleh kerajaan ini?

Kedua dari segi kelapa sawit. Kita lihat kelapa sawit di Malaysia berbanding dengan harga di Indonesia, RM50 lebih murah kalau di Indonesia. Apakah tindakan Malaysia untuk kita menawarkan satu pakej yang lebih baik?

Ketiga, kita lihat sarang burung walet, itu juga pasaran yang sangat besar di negara China. Tiga perkara ini ia adalah satu punca pencarian rakyat Malaysia.

Keempat, seperti yang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata tadi iaitu tentang pelancong asing yang masuk. Nampaknya, ramai yang pergi ke Thailand. Sepuluh juta setahun ke sana dan penurunan yang secara mendadak ke Malaysia. Apakah cara yang akan digunakan oleh Yang Amat Berhormat supaya apa yang telah dibincangkan di *social media* di China yang mana mereka mempunyai persepsi yang tidak baik terhadap Malaysia? Bagaimana kita hendak menangkis tanggapan yang salah ini? Terima kasih.

**Tun Dr. Mahathir bin Mohamad:** Memang pelancong perlu membayar untuk visa dan sebagainya. Pengeluaran visa ini dibuat di negara China sendiri dan ada kekurangan khidmat ini yang perlu diperbaiki. Kita akan tentukan supaya harga yang dibayar tidaklah terlalu tinggi dan kita juga akan menentukan supaya pengeluaran visa ini dilakukan dengan lebih pantas dan lebih cepat.

Berkenaan dengan kelapa sawit pula, kita dapat persetujuan daripada pemimpin negara China bahawa mereka akan menambah import minyak kelapa sawit sebanyak 500,000 tan jika harganya adalah berpatutan.

Saya telah jawab berkenaan dengan pelancong tadi iaitu ada kalanya jumlah pelancong dari satu-satu negara berkurangan dan ada kalanya ia meningkat. Kita sedang berusaha untuk menentukan sebab-sebab ia berkurangan dan kita akan atasi masalah-masalah ini supaya lebih ramai pelancong daripada negara China akan datang ke Malaysia.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tahniah atas lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sewaktu berucap di Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu juga turut menyebutkan tentang kebimbangan Malaysia berkaitan dengan perang dagangan antara dua kuasa besar. Saya percaya salah satu daripada kuasa besar itu adalah negara China sendiri.

Jadi dalam situasi ini, apakah sewaktu lawatan Yang Amat Berhormat telah timbul perbincangan daripada sudut pentingnya Malaysia mengamalkan dasar yang lebih condong kepada negara yang lebih dekat, ekonomi yang lebih dekat iaitu Republik Rakyat China memandangkan baru-baru ini beberapa institusi dan pelobi di Amerika seperti IRI, NED telah membuat pengakuan yang mereka telah melabur dengan memberi sokongan kepada pembangkang ketika itu untuk mengambil alih kerajaan dan melakukan *regime change*? Jadi dalam situasi ini, adakah Malaysia terikat dan



terdorong sama ada dengan Amerika ataupun dengan China walaupun kita tahu kita mengamalkan dasar berkecuali?

**Tun Dr. Mahathir bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, Malaysia melalui Kerajaan Pakatan Harapan ini mempunyai dasar tidak campur tangan dalam apa jenis peperangan sama sekali. [*Tepuk*] Atas sebab itu, kita tidak menyertai peperangan ini.

Namun demikian, kita sedar bahawa peperangan dagangan ini mungkin mempunyai kesan ke atas kita. Sehingga kini belum terdapat kesan yang ketara di negara kita. Dagangan kita masih terus bersama dengan negara China dan negara Amerika. Jika pun ada kesan, kita harap ia adalah dengan cara pemindahan pelaburan Amerika Syarikat di negara China ke negara Malaysia. Jadi ada kemungkinan kita mendapat sedikit kebaikan daripada perang dagangan antara China dengan US.

**2. Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim [Batang Lupar]** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan berdasarkan trend kes-kes tekanan jiwa/mental yang semakin meningkat pada masa kini, apakah peranan dan tindakan serta program-program yang dilaksanakan oleh Lembaga Kaunselor di dalam menghadapi perkara ini.

**Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Batang Lupar. Soalan yang saya kira sepatutnya Yang Berhormat mengetahui juga dengan mendalam kerana ini adalah peranan kaunselor dan perkhidmatan kaunseling ini dilihat sebagai keperluan yang penting terutamanya dalam situasi masyarakat yang semakin berhadapan dengan pelbagai tekanan hidup.

Lembaga Kaunselor merupakan pertubuhan perbadanan yang ditubuhkan di bawah Akta Kaunselor 1998 [Akta 580]. Bagi menguatkuasakan akta ini, Lembaga Kaunselor berperanan memastikan perkhidmatan kaunseling profesional dilaksanakan berdasarkan standard yang telah ditetapkan dan latihan kepada kaunselor di institut pengajian tinggi (IPT) sama ada awam atau swasta adalah mengikut piawaian oleh Lembaga Kaunselor. Lembaga Kaunselor telah mengambil pendekatan proaktif dengan menguatkuasakan fungsinya sebagaimana diperuntukkan dalam akta dengan mengadakan program kepada kaunselor berdaftar bagi mempertingkatkan lagi kompetensi kaunselor dalam menghadapi kes-kes sebegini.

Sepanjang tahun 2018, Lembaga Kaunselor telah menganjurkan lima bengkel berbentuk teori dan amali untuk mempertingkatkan lagi kemahiran kaunselor dan menganjurkan dua seminar tentang kesedaran masalah kesihatan mental di peringkat

kebangsaan iaitu di Sabah dan di Putrajaya pada September dan Oktober tahun ini. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama rakan strategik, antaranya institusi pengajian tinggi awam, Jabatan Pendidikan Negeri dan NGO.

■1030

Bulan ini merupakan bulan Kaunseling Kebangsaan Tahun 2018 bertemakan 'Perkhidmatan Kaunseling Profesional Pemangkin Kesejahteraan Masyarakat' bagi hasrat kerajaan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kewujudan kaunselor dan kepentingan perkhidmatan kaunseling profesional kepada masyarakat.

Pada 1 Oktober 2018 juga, saya telah melancarkan Garis Panduan Perkhidmatan Kaunseling Keluarga dan Perkahwinan yang telah dibangunkan oleh Lembaga Kaunselor. Garis panduan ini boleh dijadikan rujukan untuk mengendalikan isu dalam keluarga seperti penderaan, keganasan rumah tangga, penceraian, pengabaian dan sebagainya. Terima kasih.

**Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim [Batang Lupar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih juga kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang sama-sama memberi jawapan tentang peranan Lembaga Kaunselor dan tentang bulan ini sebagai bulan kaunseling.

Soalan tambahan saya. Kes tekanan jiwa dan juga mental berlaku juga di kalangan pelajar-pelajar di sekolah dan universiti-universiti. Jadi saya ingin tahu daripada Yang Amat Berhormat, apakah peranan yang dimainkan oleh guru-guru kaunselor di sekolah-sekolah dan juga di universiti-universiti untuk membanteras dan memulihkan pelajar-pelajar yang mengalami tekanan jiwa ini? Bagaimana Lembaga Kaunselor memantau guru-guru kaunselor di sekolah-sekolah dan juga di universiti-universiti? Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail:** Terima kasih Yang Berhormat Batang Lupar, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Memang ada masalah juga merangkumi pelajar-pelajar di institut dan juga di sekolah. Saya kira bukan saja masalah-masalah tekanan jiwa untuk terutamanya mangsa-mangsa buli dan penderaan tetapi juga mereka yang membuli itu pun mesti diberikan kaunseling.

Saya baru saja melancarkan satu program yang dibawa oleh NGO tentang *bullying* dan bagaimana kita nak menanganinya untuk mengurangkannya. Kita juga ada para-para kaunselor anjuran Institut Sosial Malaysia memberi pendedahan asas mengenai apakah kaunseling dan psikologi pada masyarakat dan juga para-para

kaunselor dan *lay* kaunselor inilah yang boleh dirangkumkan dan diberikan latihan untuk menangani masalah.

Memang betul masalah di negara kita ini dengan masyarakat yang sekarang *urbanization* dan juga masalah tekanan hidup ini, didapati bahawa *mental illness* ataupun masalah mental, sakit jiwa itu meningkat. Kita memang memerlukan lagi banyak kaunselor-kaunselor dan ini saya kira bahawa juga masalah kerana tidak ramai yang mengambil jurusan kaunselor, keluar menjadi kaunselor sebab kerja-kerjanya mungkin tidak menarik ataupun tidak ada glamor dalam pekerjaan itu. Terima kasih.

**Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Wangsa Maju]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada pandangan saya, kesedaran terhadap keperluan dan kebaikan kaunseling ini amat diperlukan lagi-lagi golongan yang mengalami pelbagai tekanan hidup. Soalan saya, Yang Amat Berhormat, adakah kementerian melaksanakan program-program yang menggunakan sistem sokongan sosial dalam komuniti untuk menghadapi trend peningkatan masalah mental ini? Sekian.

**Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Wangsa Maju.

Memang kita ada, terutamanya dalam LPPKN apabila kita ada program-program kaunseling ini Bahagian Bimbingan dan Kaunseling, Jabatan Pembangunan Wanita. Kita ada juga dua pegawai psikologi yang bertugas dan juga disediakan bagaimana talian untuk mendapat *information* tentang ini.

Kita juga memang nak mengalu-alukan NGO-NGO dalam mengendalikan, memberikan latihan lebih kepada mereka-mereka sebab apa Yang Berhormat kata itu memang kita perlu meningkatkan kesedaran. Masalah yang sekarang ini makin meruncing apabila kita ada *lay* kaunselor yang boleh menangani masalah seramai mungkin dalam masyarakat. Terima kasih.

**3. Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]** minta Menteri Hal Ehwal Ekonomi menyatakan apakah benar aliran tunai (*cash flow*) FELDA hampir kosong. Apakah langkah-langkah yang kerajaan akan ambil untuk memastikan nasib peneroka-peneroka FELDA terbela.

**Menteri Hal Ehwal Ekonomi [Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Pasir Gudang ingin mengetahui tentang kedudukan aliran tunai FELDA pada ketika ini dan juga bertanyakan apakah langkah-langkah untuk kerajaan membela nasib peneroka FELDA.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini FELDA sedang mengalami masalah kedudukan aliran tunai yang amat kritikal berikutan terdapat pinjaman dengan institusi kewangan yang berbaki sebanyak RM8 bilion sehingga Jun 2018. Selain itu, harga minyak sawit mentah ataupun CPO yang rendah juga merupakan salah satu faktor yang memberi kesan kepada kedudukan aliran tunai FELDA yang semakin berkurangan.

Maka, pelan pemulihan kedudukan aliran tunai FELDA merupakan salah satu pelan jangka panjang yang sedang diberikan tumpuan oleh Lembaga Pengarah dan Pengurusan FELDA yang baharu dilantik pada bulan Julai 2018 dan perkara ini telah pun dimulakan dengan mengadakan perjumpaan dengan beberapa institusi kewangan untuk menstrukturkan semula pinjaman FELDA dengan institusi kewangan yang berkenaan. Dengan kaedah ini, FELDA dijangka dapat mengurangkan 15 peratus baki pinjaman kepada RM6.8 bilion pada akhir tahun 2018.

Selain itu, FELDA juga sedang dalam rangka untuk melihat keperluan menjual aset-aset yang bukan strategik seperti hartanah di London, Sarawak, dan juga Sabah yang dibeli dengan kos sebanyak RM2.2 bilion. Kaedah ini dapat menampung sebahagian daripada komitmen FELDA kepada 112,635 peneroka dan dengan kaedah yang dilaksanakan seperti di atas, FELDA dijangka dapat memulihkan kedudukan aliran tunai dalam tempoh dua tahun yang akan datang.

Dalam Dewan yang mulia ini, kerajaan ingin memberikan komitmen untuk memulihkan FELDA secepat mungkin demi kesejahteraan peneroka-peneroka FELDA selaras dengan matlamat penubuhan FELDA di bawah Akta Kemajuan Tanah 1956. Isu dan langkah dalam pemulihan pengurusan kewangan dan tadbir urus FELDA akan dibentangkan secara terperinci dalam Kertas Putih FELDA yang pada peringkat akhir dan akan dibentangkan dalam sidang kali ini. Dengan langkah ini, kerajaan percaya kedudukan sebenar agensi ini dan langkah pemulihannya akan dapat dikenal pasti dan dapat diambil perhatian oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Seterusnya, kita juga sedang dalam merangka pelan tindakan pemulihan menyeluruh yang bersesuaian untuk memberikan manfaat langsung kepada FELDA dan juga warga peneroka FELDA. Terima kasih.

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah apakah langkah-langkah kerajaan untuk mengurangkan beban hutang peneroka-peneroka FELDA yang membebani mereka sekarang ini?

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali:** Terima kasih Yang Berhormat Pasir Gudang.

**■1040**

Saya kira perkara ini telah pun kita bincang dan bahaskan dalam sesi yang lalu, di mana kerajaan mengambil maklum antara komponen terbesar hutang peneroka FELDA adalah pinjaman sara hidup untuk tempoh tanam semula, di antara satu tahun hingga tiga tahun dan juga pinjaman pendahuluan hasil sawit di antara tempoh empat tahun hingga sembilan tahun.

Antara komponen lain yang membebaskan peneroka-peneroka FELDA dalam konteks hutang yang diwarisi ini adalah kadar faedah yang dikenakan, yang kita sedia maklum ketika perjanjian ditandatangani, kadar faedah yang dikenakan adalah 6.25 peratus. Akan tetapi berdasarkan kaedah *reducing balance*, akhirnya pada tahun yang kesembilan, peneroka hanya dikenakan pada kadar 3.8 peratus.

Komponen seterusnya ialah tentang penyelenggaraan jalan-jalan pertanian dan jalan-jalan kebun yang di selenggara oleh FELDA dan terpaksa dipindah kos ini kepada peneroka-peneroka FELDA yang pastinya juga akan meningkatkan bebanan hutang peneroka-peneroka FELDA. Maka sekali lagi, kerajaan sedang melihat bagaimana kita dapat menjamin kesejahteraan peneroka-peneroka FELDA dan pada masa yang sama, mengurangkan bebanan sara hidup yang terpaksa ditanggung oleh mereka.

Justeru itu, pengurusan baru FELDA telah mengambil ketetapan bahawa pinjaman sara hidup dan juga pinjaman pendahuluan hasil akan terus diberikan kepada lebih 32,000 orang peneroka FELDA yang mengambil opsyen dan pilihan ini dan tidak akan berlaku kelewatan seperti pada bulan pertama apabila kita mengambil alih kerajaan.

Komponen yang lain seperti penggunaan baja tempatan, penyelenggaraan jalan dan juga kadar faedah, ini sedang diteliti oleh kerajaan berdasarkan kedudukan kewangan FELDA dan juga kedudukan kewangan kerajaan pada hari ini. Terima kasih.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kita tidak boleh meletakkan orang-orang FELDA ini, ekonominya bergantung semata-mata kepada hasil sawit. *They will never get anywhere*. Perlu ada pendekatan baru mempelbagaikan sumber-sumber pendapatan mereka.

Jadi saya ingin bertanya, adakah usaha pihak kerajaan hari ini untuk melihat kepada peluang-peluang bagi peneroka FELDA mendapatkan pendapatan dari sumber-sumber yang lain?

Soal kerugian dialami, itu bukan masalah perniagaan yang hendak dilakukan. Masalah pengurusan. Kalau pengurusannya elok, cekap, tidak ada masalah walau apa sekalipun jenis perniagaan yang boleh diterokai oleh pihak FELDA, koperasi-koperasi

FELDA, FGV dan sebagainya. Perkara yang menyebabkan kerugian dan *cash flow problem* ini disebabkan pengurusan. Buang pengurusan itu, ambil pengurusan yang lebih cekap. Kita sokong. Apa tunggu lagi? Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali:** Terima kasih Yang Berhormat Pasir Salak. Oleh sebab itu saya nyatakan tadi, Kerajaan Pakatan Harapan telah mengambil ketetapan untuk meletakkan pengurusan baru FELDA mulai Julai 2018. [*Dewan tepuk*]

Masalah yang dihadapi ialah kita mewarisi legasi pentadbiran UMNO dan Barisan Nasional yang apabila diberikan amanah, mereka curang, melakukan rasuah dan penyelewengan.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Itu sudahlah. Saya ingat sesi ini, penggal ini, *we are not going to talk*, berbahas cara macam itu lagi. Malu pada Dato' Seri Anwar Ibrahim ini. Malulah sedikit, *future of Prime Minister*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, beri kesempatan kepada Yang Berhormat Menteri untuk menjawab. Silakan, silakan.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Cakap eloklah. Apa dibangkitkan soal-soal itu lagi. *Do it better now. All the best to you.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Okay, *point's taken*. Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali:** Sebenarnya, saya menyokong kenyataan Yang Berhormat Pasir Salak bahawa pengurusan yang tidak cekap harus dipecat dan dibuang. [*Dewan tepuk*] Itulah yang kita telah lakukan tetapi itu pun hendak jadi calon di Parlimen Port Dickson, yang disokong oleh anggota UMNO dan juga UMNO Bahagian.

Jadi saya harap Yang Berhormat Pasir Salak boleh memberikan kuliah ini kepada mereka mengapa kita mengambil tindakan. Kita mahu membela peneroka-peneroka FELDA dengan meletakkan pengurusan yang cekap, profesional, yang dapat membela nasib peneroka-peneroka FELDA.

Kedua, kita juga setuju bahawa kita ada pendekatan baru untuk *diversify activity* peneroka-peneroka FELDA ini khususnya di kalangan generasi yang kedua. Mereka juga harus diberikan peluang dan *opportunity* untuk *reskilling, upskilling* supaya mereka ada kemahiran baru dan dapat menceburkan diri dalam aktiviti-aktiviti baru yang dapat meningkatkan pendapatan keluarga masing-masing. Terima kasih Yang Berhormat Pasir Salak.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Soalan tambahan.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya benarkan satu. Soalan tambahan yang ketiga ini. Silakan.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Terima kasih. *Bismillahir Rahmanir Rahim*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin...

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kota Melaka kah?

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Kubang Kerian, Kubang Kerian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kubang Kerian.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Terima kasih. Pertama sekali saya ucapkan tahniah kepada pihak kerajaan yang membuang mana-mana yang bermasalah dan ganti yang baru. Akan tetapi apa yang jelas bahawa kita berdepan dengan isu pendapatan sawit yang sangat teruk sekarang ini iaitu RM410 setan dan ia di bawah daripada kos. Kita tahu kos sekarang ini lebih kurang RM400 satu tan, baja, racun dan sebagainya. Akan tetapi harga sekarang RM410.

Isunya ialah peneroka sekarang ini lambat dibayar hasil mereka hampir dua bulan baru dibayar oleh pihak FELDA. Ini menimbulkan satu masalah tentang penggunaan *cash flow* peneroka-peneroka FELDA.

Kedua ialah mereka dikenakan potongan wang pendahuluan sara hidup dan sebagainya. Saya mencadangkan dan minta pandangan Yang Berhormat Menteri ialah soal bagaimana kalau sekiranya kita perlu meletakkan suatu garis pendapatan yang di bawah RM1,000 tidak dipotong kepada peneroka bagi menampung kos. Kalau pendapatan sekarang ini lebih kurang RM500 terus dipotong sara hidup mereka, jadi mereka dapat lebih kurang RM400, RM500 sebulan. Saya fikir ini satu jumlah yang perlu diletakkan oleh pihak kerajaan, di bawah daripada kos tersebut, pemotongan tidak dibuat sehingga ekonomi, kedudukan kewangan stabil. Minta pandangan.

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali:** Terima kasih Yang Berhormat Kubang Kerian. Seperti yang saya tegaskan tadi, apabila kerajaan mendapat maklumat bahawa pinjaman sara hidup dan juga pinjaman pendahuluan hasil itu lewat dilakukan pada bulan pertama dan kedua apabila kerajaan baharu diberikan tugas dan tanggungjawab ini, saya telah mengambil keputusan segera untuk tidak mengulangi kelewatan ini supaya peneroka-peneroka FELDA mendapat pembelaan mengikut jadual yang telah ditetapkan. Ini telah pun selesai. *Alhamdulillah*, mulai bulan yang ketiga sehingga hari ini, pinjaman-pinjaman ini telah diberikan pada tarikh dan tempoh yang ditetapkan.

Maklumat yang diberikan oleh Yang Berhormat Kubang Kerian tentang hasil lewat dibayar oleh pihak FELDA, saya akan siasat dan sudah tentulah saya bersetuju supaya

perkara ini tidak boleh dilakukan kerana ia akan menjejaskan pengurusan kewangan bagi keluarga peneroka FELDA yang berkenaan.

Perkara yang kedua tentang bagaimana— tentang apa tadi Yang Berhormat Kubang Kerian?

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali:** Pemetongan. Ya pemetongan ini kita telah ada persetujuan di antara pihak FELDA dan juga peneroka yang mengambil pilihan tersebut. Oleh sebab kalau pinjaman ini tidak dipotong mengikut jadual, ia akan membebankan peneroka FELDA di saat-saat akhir, di mana jumlah tanggungan itu lebih besar. Akan tetapi kalau kita ada jadual pemetongan mengikut keupayaan peneroka FELDA, ia akan meringankan bebanan keluarga FELDA yang berkenaan.

Namun oleh kerana harga minyak sawit mentah ini juga pada tahap yang agak rendah pada ketika ini, pada 12 Oktober yang lalu telah jatuh kepada RM2,082.50 sahaja per metrik tan. Ini pastinya akan menjejaskan BTS ataupun CPO bagi setiap peneroka-peneroka FELDA. Maka, kita akan mencari kaedah bagaimana harga minyak sawit mentah yang merudum ini tidak akan menjejaskan pendapatan ataupun kedudukan kewangan peneroka-peneroka FELDA.

#### ■1050

Namun, pinjaman kita perlu bayar. Namun, kita boleh *reschedule* balik atau pun menjadualkan semula supaya jumlah potongan itu tidak membebankan keluarga peneroka FELDA. Terima kasih.

**4. Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]** minta Menteri Kewangan menyatakan berapakah jumlah pengurangan hasil pendapatan kerajaan apabila GST dihapuskan dan apakah strategi kerajaan untuk menampung semula kekurangan hasil pendapatan tersebut.

**Menteri Kewangan [Tuan Lim Guan Eng]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Port Dickson kerana kembalinya ke Parlimen dengan memenangi majoriti yang lebih besar. [*Tepuk*] Sungguhpun peratusan undi yang keluar undi telah turun dan menghadapi parti pembangkang yang bersatu di bawah satu calon tetapi mendapat majoriti 25,360 undi. Tahniah, syabas kepada beliau dan juga Pakatan Harapan.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Persekutuan telah melaksanakan kembali sistem cukai jualan dan cukai perkhidmatan (SST) pada 1 September 2018 bagi menggantikan



cukai barang dan perkhidmatan (GST). Sehubungan itu, hasil kerajaan dianggar berkurangan sebanyak RM21 bilion bagi tahun 2018. Anggaran kutipan SST bagi tahun ini untuk tempoh September sehingga Disember 2018 adalah sebanyak RM4 bilion.

Oleh itu, kehilangan hasil cukai berasaskan kepenggunaan bersih adalah berjumlah RM17 bilion bagi tahun 2018. Sebahagian daripada pengurangan kutipan GST tersebut akan diimbangi oleh tambah hasil daripada petroleum dan juga dividen daripada GLC-GLC tertentu. Di samping itu antara langkah-langkah lain bagi meningkatkan hasil Kerajaan Persekutuan adalah menerusi aktiviti audit dan siasatan yang berterusan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia bagi meningkatkan pematuhan cukai dan mengurangkan jurang cukai.

Kerajaan juga akan meneroka sumber hasil baru terutama daripada aktiviti transaksi atas talian dan menyemak semula insentif cukai bagi memastikan impak yang minimum kepada pengurangan hasil namun menjana aktiviti ekonomi. Kerajaan juga telah melaksanakan langkah rasionalisasi perbelanjaan dengan menyusun semula keutamaan perbelanjaan serta mengkaji, menangguhkan dan merunding semula projek-projek berkos tinggi. Selain itu, kerajaan terus merasionalisasikan fungsi jabatan, program dan projek bagi mengelakkan pertindihan serta meningkatkan tadbir urus perolehan supaya lebih cekap dan telus.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan akan memastikan pertumbuhan ekonomi terus kukuh dalam mengimbangi kedudukan kewangan dan paras hutang adalah dalam keadaan yang dapat dikawal. Di sini, perkara ini telah pun dijawab secara panjang lebar pada sesi Parlimen yang lepas dan saya tidak ada apa-apa yang ingin ditambah. Tentu mungkin ada soalan tambahan daripada Yang Berhormat daripada Bera. Sekian, terima kasih.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Terima kasih Yang Berhormat. Daripada jawapan Yang Berhormat jelas menunjukkan bahawa selepas GST dihapuskan, kerajaan kekurangan net sebanyak RM17 bilion. Dari segi bebanan kepada rakyat tidak ada bezanya. Malah harga barang terus meningkat, kos sara hidup terus meningkat dan sebagainya. Mungkin itu merupakan kesilapan kepada kerajaan apabila menghapuskan GST dan menggantikan dengan SST.

Soalan saya, baru-baru ini kerajaan telah pun mengumumkan akan memperkenalkan cukai baru yang saya percaya juga untuk menambahkan pendapatan kepada negara. Soalan saya adalah apakah jenis cukai yang akan diperkenalkan tersebut? Berapakah jangkauan pendapatan negara melalui cukai yang akan

diperkenalkan dan apakah impak kepada rakyat? Terutamanya rakyat di bawah B40 dan sebagainya.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya rasa Yang Berhormat mungkin tidak mendapat maklumat yang tepat. Kalau kita merujuk kepada Jabatan Perangkaan, kadar inflasi adalah 0.8 peratus pada bulan Julai dan terus menurun kepada 0.2 peratus pada bulan Ogos iaitu yang kedua rendah dalam sejarah Malaysia. Hanya satu bulan sebelum pelaksanaan GST pada 1 April 2015, di mana kadar inflasi pada tahap 0.1 peratus menunjukkan bahawa sememangnya benar bahawa GST mempunyai kesan secara langsung menaikkan kadar inflasi. Akan tetapi apabila GST dikurangkan, kita yakin bahawa kadar inflasi akan berkurangan kalau dibandingkan dengan GST.

Di sini saya ingin tegaskan sekali lagi seperti yang saya sebut dalam sesi Parlimen sebelum ini bahawa kerajaan tidak pernah menjamin bahawa harga barang tidak akan naik. [*Dewan riuh*] Akan tetapi yang kita jamin selama ini ialah bahawa sekiranya ada kenaikan harga maka...

**Tuan Yang di-Pertua:** Benarkan Yang Berhormat menjawab terlebih dahulu.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Bagi Anwar Ibrahim ambil alih lah.

**Tuan Lim Guan Eng:** Perkara ini saya telah jawab berulang-ulang. Sekiranya Yang Berhormat boleh tunjuk di mana saya ada sebut bahawa SST akan melibatkan kekurangan itu harga, saya rasa tolonglah berikan petunjuk kepada saya. Akan tetapi sekiranya tidak boleh tunjuk bukti, jangan lah cuba untuk melayangkan atau pun menyebarkan fitnah jahat yang tidak berasas ini. [*Dewan riuh*]

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Perdana Menteri sebut.

**Tuan Lim Guan Eng:** Keputusan pilihan raya kecil Port Dickson telah membuktikan bahawa menyebarkan fitnah jahat tidak laku lagi. [*Dewan ketawa*] Rakyat telah memberikan keputusan. Fitnah adalah perkara lapuk, tidak ada modal lagi. Biar kita tujukan kepada fakta angka yang sebenarnya, baru lah ini akan dapat sokongan daripada rakyat. Sekian, terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Sudah lah, jawab, jawab. Jawab soalan.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Soalan tambahan, soalan tambahan.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Yang Berhormat, soalan belum jawab lagi.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Soalan, soalan lah. Belum jawab soalan.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Cukai baru, cukai baru.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Bagi Anwar Ibrahim ambil alih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini sesi jawapan lisan ya, bukan debat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya, ya saya hanya hendak tambah lagi kerana atas permintaan Yang Berhormat Bera, kita hormat sebagai sungguhpun parti lawan tetapi hormat. So, tentang kadar cukai baru yang akan dikenakan, tinggal dua minggu lagi sebelum belanjawan akan dibentangkan. Saya harap Yang Berhormat Bera boleh lah sabar sedikit. Tunggu lah dua minggu seperti mana yang ditunggu oleh rakyat Malaysia. Sekian, terima kasih.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan kedua di sebelah kanan.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Soalan tambahan, soalan tambahan.  
Kota Melaka.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak ada?

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Kota Melaka.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kota Melaka.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** Rantau Panjang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jauh ke sana, ya Kota Melaka.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, saya ingin tanya dari segi penjimatan. Berapakah anggaran penjimatan dalam masa lima bulan ini yang telah di - apa kita boleh katakan pembaziran yang dapat diselamatkan apabila kita batalkan banyak projek-projek mega. Berapakah penjimatannya? Terima kasih.

**Tuan Lim Guan Eng:** Terima kasih Yang Berhormat dari Kota Melaka. Sebenarnya projek yang kita batalkan Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan adalah ke atas projek-projek mega yang tidak mampu ditanggung oleh pihak kerajaan. Untuk projek-projek yang bukan lah mempunyai nilai yang besar kita kebanyakan akan teruskannya. Akan tetapi mengikut kaedah yang bersih dan telus iaitu tender terbuka. Sebagai satu contoh untuk projek-projek mega yang kita telah batalkan, penjimatannya kita boleh perolehi contohnya projek LRT3. Di mana kos asalnya sebanyak RM31.5 bilion kita pun telah berjaya mengurangkannya kepada RM16.5 bilion iaitu penjimatan RM15 bilion.

Satu lagi ialah projek berkaitan dengan MRT2 di mana untuk bahagian atas tanah, kita telah berjaya mengurangkan kos sebanyak RM5.2 bilion atau 23 peratus. Itulah di antara projek-projek di mana kita boleh lihat penjimatan secara langsung. Tentu untuk projek-projek yang bakal ataupun sudah dibatalkan, kita pun akan menjimatkan

kos dalam aspek ini. Akan tetapi seperti yang saya sebut tadi untuk makluman Yang Berhormat, ini adalah untuk projek mega. Untuk projek biasa, kebanyakannya akan diteruskan tetapi mengikut kaedah baru iaitu sistem tender terbuka ataupun di mana projek diteruskan tetapi pengurangan kos kita akan minta daripada pihak kontraktor. Ini kerana memang diketahui bahawa banyak kontrak ataupun projek-projek sebelum ini dijalankan menerusi rundingan terus yang melibatkan banyak kroni pihak tertentu. Sekian, terima kasih.

**5. Tuan Ahmad Faizal bin Dato' Azumu [Tambun]** minta Menteri Kewangan menyatakan adakah Kerajaan Pusat akan memperkenalkan insentif-insentif cukai bagi pemaju-pemaju kawasan perindustrian bagi merencanakan semula pembangunan ekonomi dan kemasukan pelaburan baru.

**Menteri Kewangan [Tuan Lim Guan Eng]:** Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Tambun yang hadir dalam sesi Dewan Rakyat ini dan amat terima kasih atas soalan daripada beliau berkaitan dengan insentif-insentif cukai bagi pemaju-pemaju kawasan perindustrian.

Melalui pengumuman Bajet 2015 sebelum ini, kerajaan telah memperkenalkan insentif pengurusan kawasan perindustrian bertujuan untuk membentuk ekosistem yang menyokong pembangunan industri di Malaysia. Bagi memastikan infrastruktur dapat di selenggara dengan sistematik oleh pihak pengurus kawasan perindustrian, kerajaan telah menyediakan pengecualian cukai pendapatan sebanyak 100 peratus untuk tempoh lima tahun kepada syarikat yang menjalankan aktiviti yang layak dalam taman perindustrian. Insentif ini diberi kepada syarikat yang membuat permohonan kepada MIDA bagi tempoh 1 Januari 2015 hingga 31 Disember 2017.

Walau bagaimanapun sehingga tarikh tamat permohonan pengecualian cukai tersebut, tiada sebarang permohonan yang diterima oleh pihak MIDA untuk diberi pertimbangan walaupun kriteria kelayakan insentif ini telah dilonggarkan kepada pemohon-pemohon insentif. Sekian, terima kasih.

**Tuan Ahmad Faizal bin Azumu [Tambun]:** Terima kasih atas jawapan tersebut Yang Berhormat Menteri. Sejurus Kerajaan Pakatan Harapan ditubuhkan di negeri Perak, dalam sesi-sesi perjumpaan dengan para pelabur kita menerima aduan dan pandangan betapa kawasan-kawasan perindustrian ini yang mereka duduki tidak diselenggara dengan baik. Buat masa ini kerja-kerja penyelenggaraan ini dibuat oleh PBT dan tentunya pihak PBT ini mempunyai kekangan kewangan untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik.

Maka kita mempunyai hasrat dan apakah pandangan Kerajaan Persekutuan jika kerja-kerja penyelenggaraan ini dibuat oleh pengurus taman industri ataupun *park operators* agar ianya lebih fokus dan juga terurus mengikut kehendak para pelabur. Maka itulah yang maksudnya bukan kepada para pelabur itu sendiri tetapi kepada *park operators* yang untuk menyelenggara kawasan taman itu supaya ianya menjadi lebih menarik dan juga para pelabur tidak berasa tidak teruruslah kawasan industri berkenaan agar *park operators* ini dapat memberikan perkhidmatan yang lebih menyeluruh dan bertanggungjawab. Terima kasih.

**Tuan Lim Guan Eng:** Terima kasih atas soalan tambahan oleh Yang Amat Berhormat daripada Tambun ini. Di sini saya hendak maklumkan kepada Yang Berhormat Tambun dan juga Yang Berhormat Menteri Besar Perak bahawa taman perindustrian perlu diwartakan oleh pihak berkuasa negeri sebagai sebuah tanah perindustrian dan memang ia diselenggarakan oleh pihak berkuasa tempatan. Akan tetapi sekiranya ada permohonan untuk ia ditambah baik ataupun dinaiktarafkan ataupun di-*maintain*, diselenggarakan sahaja oleh pihak Kerajaan Persekutuan, ia adalah di bawah MITI iaitu Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Dalam aspek ini, saya akan merujuk kepada MITI kerana ini bukan di bawah naungan Kementerian Kewangan sebaliknya di bawah kementerian MITI. Terima kasih.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kawasan perindustrian yang dikecualikan cukai ini di antaranya ialah kawasan yang kurang maju, *less develop areas (LDA's)* dan satu lagi ialah kawasan taman perindustrian halal. Saya kira insentif cukai perlu diteruskan di kawasan-kawasan yang kurang maju supaya kilang-kilang dan pelabur boleh pergi ke kawasan yang bukan maju, bukan hanya di kawasan-kawasan bandar tetapi juga termasuk di kawasan luar bandar. Bahagian cukai di Kementerian Kewangan memainkan peranan penting untuk memberikan pengecualian pembayaran cukai, bukan hanya oleh MITI yang saya kira langkah-langkah untuk membangunkan kawasan perindustrian halal dan kawasan kampung untuk dijadikan tapak industri perlu dilakukan dan apakah peranan Kementerian Kewangan untuk meneruskan perkara ini. Terima kasih.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih soalan tambahan daripada Yang Berhormat Pontian. Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya jawab dalam soalan asal kepada Yang Berhormat Tambun, saya sudah sebut sungguhpun tempoh insentif pengecualian cukai sebanyak 100 peratus, pendapatan sebanyak 100 peratus telah tamat pada 31 Disember 2017. Sehingga tarikh tamat permohonan pengecualian cukai tersebut, tiada sebarang permohonan yang diterima oleh MIDA untuk perkara ini.

Mungkin kalau sekiranya Yang Berhormat Pontian ada apa-apa maklumat tambahan, saya minta Yang Berhormat boleh rujuk kepada MIDA. Terima kasih.

**7. Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]** minta Menteri Pendidikan menyatakan perancangan kerajaan untuk memastikan Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) mempunyai dana yang mencukupi untuk terus memberi perkhidmatan terbaik terutama kepada golongan miskin bandar di Lembah Pantai dan sekitarnya.

**Menteri Pendidikan [Dr. Maszlee bin Malik]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, objektif utama hospital pengajar universiti ataupun HPU adalah untuk menyediakan latihan klinikal, pengajaran dan pembelajaran serta penyelidikan bagi memastikan pelajar dilatih memberi perkhidmatan perubatan yang terbaik di samping menyediakan ruang untuk mereka menjadi pakar. HPU juga turut memberikan perkhidmatan kesihatan kepada rakyat. Fungsi utama hospital pengajar ini menjadikan mereka berbeza dengan hospital-hospital kerajaan yang lain di bawah Kementerian Kesihatan.

Untuk rekod, berbeza dengan hospital-hospital di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia, hospital pengajar ditubuhkan di bawah perlembagaan universiti dan menerima pakai pekeliling kerajaan tertakluk kepada persetujuan lembaga pengarah universiti ataupun LPU. Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) adalah sebahagian daripada empat buah hospital pengajar universiti di Malaysia. Sebagai sebuah HPU, PPUM merupakan makmal pembelajaran bagi pelajar perubatan dan program yang berkaitan. Selain itu, PPUM juga mewujudkan hospital latihan siswazah bagi tujuan latihan pegawai perubatan. Bagi tahun 2018, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM400 juta bagi membiayai perbelanjaan mengurus PPUM. Selain itu juga, PPUM turut menerima peruntukan tambahan bagi perolehan ubat-ubatan dan alat guna habis pada 2018 sebanyak RM29,349,900.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia turut menggariskan beberapa strategi dalam memantapkan kedudukan kewangan hospital pengajar bagi mengurangkan kebergantungan kepada sumber kerajaan. Salah satu strategi yang diperkenalkan adalah menggalakkan hospital pengajar untuk memperkukuhkan kewangan mereka sendiri dengan mempelbagaikan sumber pendapatan dalaman tanpa menjejaskan kualiti perkhidmatan sedia ada di samping mengoptimumkan perbelanjaan operasi dan penambahbaikan proses kerja.

## ■1110

Justeru, PPUM telah menggariskan beberapa strategi untuk menjana pendapatan sendiri merangkumi :

- (i) penjualan sistem yang dibangunkan sendiri oleh PPUM kepada pihak luar. Setakat ini, Pusat Perubatan UIAM telah membeli sistem i-Pesakit daripada PPUM;
- (ii) meningkatkan pendapatan melalui hasil sewaan dengan memaksimumkan ruang niaga dan ruang pengiklanan;
- (iii) menawarkan perkhidmatan makmal kepada pihak-pihak yang memerlukan seperti hospital swasta dan lain-lain pihak yang berkenaan. Antara hospital swasta yang menggunakan perkhidmatan makmal PPUM adalah KPJ dan Mahkota Medical Centre; dan
- (iv) menganjurkan program latihan yang berteraskan klinikal dan separa klinikal yang amat diperlukan oleh agensi luar.

Sehubungan itu, walaupun dalam keadaan pengurangan dana awam PPUM mampu menjana sumber pendapatan tambahan dan terus memberikan perkhidmatan kepada bilangan pesakit yang dijangka akan meningkat sebanyak tiga peratus pada 2018 berbanding tahun 2017.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang sama juga PPUM tetap memberikan khidmat komuniti kepada golongan miskin bandar, khususnya di kawasan Lembah Pantai iaitu kawasan Yang Berhormat yang bertanya. Terima kasih saya ucapkan kerana amat prihatin terhadap keadaan penduduk di Lembah Pantai. Di antaranya, menjalankan program CSR bersama komuniti Lembah Pantai, termasuk program derma darah, khidmat rawatan susulan, program kesedaran mengenai kepentingan kesihatan, khususnya tahap kesihatan mental dan rawatan seperti diabetes, TB, denggi dan kawalan jangkitan penyakit.

PPUM juga sedang merancang untuk mewujudkan sistem rawatan satelit untuk memudahkan pesakit golongan berpendapatan rendah mendapat rawatan di komuniti tanpa perlu pergi ke PPUM. Buat permulaan, kawasan yang telah dikenal pasti untuk menerima kemudahan ini ialah komuniti di Lembah Pantai dan juga di Taman Medan. Inisiatif ini *insya-Allah* akan dimulakan pada tahun 2019. Terima kasih.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih di atas jawapan yang lengkap ini. Saya bangkitkan soalan ini Yang Berhormat Menteri dan

Tuan Yang di-Pertua, akibat daripada sedikit masalah yang dihadapi oleh pihak Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) baru-baru ini. Mereka telah membangkitkan kepada saya dan saya hendak ucapkan terima kasih kepada pihak Yang Berhormat Menteri kerana berusaha untuk menyelesaikan masalah kewangan yang timbul akibat daripada isu geran pengurusan. *Alhamdulillah*, saya percaya perkara tersebut telah diselesaikan.

Akan tetapi persoalan yang kini timbul adalah saya mendapat sedikit maklum balas daripada pihak PPUM. Memandangkan wujud satu persepsi yang saya rasa kurang sihat, memandangkan PPUM ini, Pusat Perubatan Universiti Malaya, mereka mempunyai jumlah pesakit luar dan juga pesakit dalam pada tahun 2016 seramai 1.08 juta pesakit. Ini bukan saja merangkumi kawasan-kawasan di Lembah Pantai dan juga Petaling Jaya tetapi jauh sehingga ke kawasan Shah Alam, di Bukit Jelutong. Maka, ramai yang pergi.

Persoalannya, adakah boleh diusahakan agar status hospital pengajar universiti ini di harmonikan, di-*harmonize*, dengan izin, agar PPUM tidak dilihat sebagai badan berkanun tetapi dilihat sebagai sebuah hospital kerajaan, *public hospital*, dengan izin. Ini kerana pihak pengurusan memaklumkan kepada saya, wujud satu stigma ataupun salah faham, terutama dengan Kementerian Kesihatan. Ini saya mohon pandangan daripada Yang Berhormat Menteri sama ada boleh diselaraskan, diharmonikan agar tidak wujud sebarang salah faham. Terima kasih.

**Dr. Maszlee bin Malik:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya terlupa tadi, sepatutnya soalan ke enam, kita lompat soalan ketujuh. Lupa hendak mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Port Dickson di atas kembalinya ke Dewan Rakyat. *[Dewan tepuk]* Lewat, tidak apa. Biar lewat daripada tak ada langsung. *[Ketawa]*

*Okey*, terima kasih kepada Yang Berhormat Lembah Pantai kerana soalan diutarakan. Ia persoalan bukan baru mengenai hospital pengajar universiti. Sekali lagi saya ingin terangkan tentang perbezaan ketara di antara hospital pengajar universiti dengan hospital di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia. Hospital di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia memang kita lihat ia bertujuan untuk memberikan khidmat kepada rakyat, nombor satu dan kemudiannya mereka berperanan untuk membantu kawasan yang di sekitar mereka diwujudkan.

Berbanding dengan hospital pengajar universiti, seperti mana yang telah saya sebutkan sebelum ini iaitu, dengan izin, *core business* ataupun tugas utama mereka adalah untuk memberikan latihan dan juga pengajaran kepada doktor-doktor untuk mereka didedahkan kepada praktikal. Keduanya, untuk meningkatkan kepakaran



mereka, di samping mereka tidak mengabaikan konsep penyelidikan. Oleh sebab itu, jika kita lihat di hospital-hospital pengajar universiti, PPUM sebagai contohnya, kebanyakan penyakit-penyakit kronik dan juga penyakit-penyakit yang agak sukar diselesaikan di hospital-hospital di bawah KKM akan dibawa ke HPU. Oleh kerana di situlah terdapat ramai pakar-pakar di mana mereka melakukan penyelidikan dan mereka memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk menyelesaikan masalah yang tidak dapat diselesaikan oleh hospital-hospital di bawah Kementerian Kesihatan yang lain.

Walau bagaimanapun, ini tidak menjadikan mereka mengabaikan khidmat sosial mereka kepada masyarakat sekeliling. Amat betul jikalau apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Lembah Pantai, jikalau kita lihat rangkuman ataupun liputan perkhidmatan PPUM walaupun asalnya sebagai HPU ataupun hospital pengajar universiti tetapi mereka terpaksa membuat liputan di kawasan seluas 184 kilometer persegi dan terpaksa mengambil pesakit-pesakit yang di luar kemampuan mereka. Akan tetapi ini tidak menghalang mereka untuk bersikap inovatif. Oleh sebab itu yang telah saya katakan, mereka telah mengadakan perkhidmatan hospital satelit di Lembah Pantai dan juga di Taman Medan untuk bermula tahun hadapan.

Di samping itu, mereka juga sekarang ini sedang menyediakan pasukan paramedik bermotor dengan bantuan daripada Jabatan Bomba yang pergi ke kawasan-kawasan yang mungkin tidak dapat dijangkau oleh ambulan dan juga beberapa perkhidmatan yang lain.

Adapun berkaitan dengan penyelarasan dengan hospital di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia, ia merupakan perbincangan yang berterusan di antara pihak kami dengan pihak KKM itu sendiri kerana ini demi memastikan tidak wujudnya pertindihan tugas di sana. Keduanya, supaya kita jelas *terms of reference*, dengan izin, penubuhan hospital HPU ini tidak lari di dalam pelaksanaan operasi mereka secara harian. Terima kasih.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri di atas jawapan. Soalan tambahan saya bukan sahaja merangkumi PPUM tetapi juga beberapa hospital lain yang juga tergolong dalam *teaching hospital* atau hospital pengajar ini. Iaitu umpamanya HUSM di Kubang Kerian, HUKM di Cheras dan mungkin kalau tidak silap saya, Hospital Serdang juga *teaching hospital*. Saya amat bersetujulah bahawa *core bussines* ataupun urusan utama kepada hospital pengajar ini adalah pengajaran kepada *under graduates* dan juga *post-graduates*, *research university* dan juga *specialist care*. Itu *core business* ia.

Akan tetapi di sana Yang Berhormat, ada beberapa atau banyak jugalah aduan daripada dua segmen. Pertamanya, di kalangan pelajar-pelajar hospital universiti pengajar ini sendiri yang mengadu kepada kitalah, terutamanya wakil rakyat, bahawa mereka mengalami kekangan masa yang begitu berat sebagai *student*, sebagai pelajar dan juga sebagai doktor yang menjalani latihan dan sebagainya di hospital. Mereka sehinggakan tidak mempunyai cukup masa untuk menelaah pelajaran dan sebagainya dan mengalami kemurungan, keletihan dan sebagainya. Itu yang pertama.

■1120

Keduanya ialah aduan daripada *patient* atau pesakit itu sendiri yang mana mereka mengadu bahawa dikatakan kualiti rawatan yang diperolehi oleh setengah-setengah— mungkin tidak semua— hospital pengajian ini adalah lebih rendah, sehingga berlaku ibu bersalin terpaksa pergi ke hospital swasta untuk menjahit semula luka. Ini berlaku dan aduan diberikan kepada kita. Apa yang lebih malang lagi, terdapat banyak kes *medical negligence* oleh doktor-doktor di *teaching hospital* ini yang dibawa ke mahkamah.

Jadi soalan saya, apakah perancangan kerajaan khususnya Kementerian Pendidikan dan juga Kementerian Kesihatan untuk menyelaraskan dan menyeimbangkan di antara kedua-dua fungsi ini— fungsi universiti pengajar dan juga fungsi universiti kepada masyarakat— supaya ianya tidak membebankan dan memberikan kerugian kepada mana-mana pihak? Mohon penjelasan. Terima kasih.

**Dr. Maszlee bin Malik:** Tuan Yang di-Pertua, jikalau kita lihat peranan HPU ataupun hospital pengajar universiti seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Kota Baharu, memang benar mereka telah banyak melakukan khidmat-khidmat di luar kerja mereka, di luar kemampuan mereka. Contohnya di PPUM sendiri kalau kita lihat, dengan izin, *overload* kerja yang terpaksa ditanggung oleh pakar-pakar perubatan kerana bilangan pesakit yang ramai.

Jadi, hospital PPUM sendiri jikalau kita lihat telah memberikan perkhidmatan yang begitu baik setakat ini dan kebanyakan komen-komen yang diberikan jikalau kita lihat dengan pencapaian mereka, saya tidak pasti di mana terdapat banyak kes *negligence* ataupun kes kecuaiian seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Kota Bharu. Mungkin di hospital lain tetapi saya perlu untuk melihat rekod untuk laporan-laporan berkenaan.

Cuma di pihak HPU, dari semasa ke semasa, memang mereka mempunyai pengawalan kualiti untuk memastikan perkhidmatan yang diberikan yang terbaik dan, yang kedua, untuk memastikan sesi pembelajaran dan pengajaran itu tidak

menggadaikan etika dan juga kualiti yang diberikan. Jadi kalau sebarang aduan dan juga sebarang kecuaiian yang disebutkan oleh Yang Berhormat Kota Bharu, ia boleh diajukan langsung kepada pihak pengurusan ataupun boleh diberikan kepada pihak kementerian itu sendiri.

Berkaitan dengan penyelarasan di antara kedua-dua hospital di bawah Kementerian Kesihatan dan juga hospital di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia iaitu HPU, pada saya, seperti mana saya sebutkan tadi, perbincangan berterusan dilakukan di antara KKM dan juga KPM. Di dalam waktu yang sama, kita juga ingin melihat supaya lebih banyak hospital KKM yang dibina supaya dapat menampung bilangan pesakit yang ramai yang mungkin tidak dapat ditampung oleh HPU itu sendiri. Terima kasih.

**8. Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara]** minta Menteri Industri Utama menyatakan adakah Malaysia masih lagi mengetuai inisiatif bersama negara-negara pengeluar lain kelapa sawit dunia dalam mengetengahkan kemampanan dalam pengeluaran produk sawit dan mengatasi persepsi negatif yang wujud terhadap industri ini.

**Menteri Industri Utama [Puan Teresa Kok Suh Sim]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Malaysia pada ketika ini berada dalam gabungan kerjasama bersama Indonesia menerusi Majlis Negara-negara Pengeluar Minyak Sawit ataupun *Council of Palm Oil Producing Countries* (CPOPC). Kerjasama ini adalah untuk memantapkan lagi amalan persekitaran mampan, pengurusan bekalan, aktiviti promosi dan pembangunan pekebun-pekebun kecil.

Dalam hal ini, kerajaan telah merangka beberapa strategi bersama dengan Indonesia untuk mencari kaedah yang bersesuaian untuk mengatasi persepsi negatif yang wujud ketika ini termasuk mengadakan misi bersama ke Kesatuan EU.

Melalui CPOPC juga, kerajaan juga akan terus memastikan semua eksport minyak sawit dan produk berasaskan sawit adalah dari sumber yang mampan menepati Standard Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) menjelang Disember 2019. Sekian.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri, terima kasih. Saya tengok harga sawit pada April RM479, Mei RM469, September RM431, Oktober RM410. Yang Berhormat Menteri, kita lihat data tadi menunjukkan harga sawit merosot. Kita di pihak rakyat yang merupakan pekebun kecil, peladang dan juga peneroka mendapati kesan kekecewaan ini akibat kos penyelenggaraan ladang mereka, kebun pun terus meningkat dan tidak berkurangan

tetapi harga belian ditawarkan lebih murah dan ini menyebabkan margin keuntungan mereka dan usaha mereka mengurang.

Hari ini satu negara hendak lihat Yang Berhormat Menteri boleh tidak menyatakan apakah tindakan yang dilakukan atau langkah yang terkini untuk menyelamatkan rezeki mereka daripada terus berkurangan dan kita tidak mahu melihat isu lambakan buah sawit di lapangan menjadi alasan. Kita tidak mahu melihat harga menjadi murah dan tidak ada permintaan serta kualiti buah yang lemah sedangkan seperti Yang Berhormat beritahu tadi, kita ada MSPO yang telah pun ada.

Soalan seterusnya ialah apakah kesan kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri...

**Tuan Yang di-Pertua:** Satu soalan sahaja.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara]:** Untuk tambahan sahaja tadi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kita ada empat minit sahaja.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara]:** Okey, Tuan Yang di-Pertua, hendak tolong. Apakah kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk hentikan perladangan atau tanam kelapa sawit baru-baru ini sudah dibincangkan dengan kementerian Yang Berhormat dan apakah ini kepastian yang boleh diberikan kepada masyarakat?

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat. Sebenarnya minyak sawit adalah salah satu komoditi. Bila ia adalah salah satu komoditi, harganya memang dipengaruhi oleh permintaan dan penawaran dalam masyarakat antarabangsa. Ini Yang Berhormat juga tahu.

Apa yang berlaku sekarang ialah di Malaysia dan Indonesia kita sama-sama ada kelebihan stok minyak sawit. Bila minyak sawit berlebihan, apa yang kita lihat ialah harganya akan jatuh. Ini memang satu fakta. Bila harga minyak sawit jatuh di masyarakat antarabangsa, kita juga lihat yang harga yang ditawarkan oleh pihak Indonesia sebenarnya lebih murah daripada Malaysia. Beberapa hari yang lepas, saya dapat tahu dari satu syarikat dari negara China di mana mereka beritahu— saya minta mereka beli lebih minyak sawit daripada Malaysia. Jadi mereka kata mereka sudah cuba beli dengan kuantiti yang disebut kepada saya tetapi dia kata di Indonesia harga minyak sawit itu lebih kurang USD40 lebih murah daripada Malaysia, harga satu tan. Saya terkejut bila saya dengar harga seperti ini kerana mungkin kos pengeluaran minyak sawit di Indonesia adalah lebih rendah berbanding dengan Malaysia tetapi ini satu fakta.

Walau bagaimanapun, saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat dan juga Dewan yang mulia ini yang kementerian saya tengah membuka lebih pasaran baharu dan ada berita baik juga. Saya hanya hendak bacakan dalam tahun ini di India, peningkatan permintaan minyak sawit daripada Malaysia adalah 14 peratus, di Kesatuan Eropah peningkatan 5.2 peratus, di Pakistan peningkatan permintaan dari Malaysia 22 peratus. Kita juga ada pasaran baharu dari Afrika di Mozambique misalnya, negara kecil, peningkatan permintaan sawit dari Malaysia 47 peratus dan Afrika Selatan peningkatan 14 peratus. Kesemua ini adalah tanda yang baik bahawa kita ada pasaran baharu yang mana kita boleh cuba mendapat lebih *business* daripada negara-negara ini.

Tentang apa yang akan dilakukan oleh kerajaan, kementerian saya tengah mempergiatkan usaha untuk cuba mendapat persetujuan dan sokongan daripada masyarakat kita untuk meningkatkan peratusan minyak sawit dalam *biofuel* yang saya berharap kalau boleh akhir tahun ini kita boleh laksanakan polisi ini. Dengan itu, kita boleh menambahkan lagi penggunaan minyak sawit di Malaysia. Dengan cara ini, kita boleh membantu khususnya pekebun kecil kita ini supaya kita menggunakan lebih sawit di Malaysia semasa kerajaan mencari pasaran baharu di negara-negara yang saya sebutkan tadi.

#### ■1130

Berkenaan dengan cadangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa kita tidak harus memperkembangkan lagi ladang pokok kelapa sawit, saya rasa ini memang satu cadangan yang munasabah dan sangat bijak kerana apa yang kita lihat sekarang ialah kelebihan stok di Malaysia dan Indonesia. Kita jangan lupa, kita ada lagi peningkatan pembukaan ladang kelapa sawit di Papua New Guinea dan juga di *Africa, Caribbean and Pacific Countries*. Jadi kalau semua ladang penanaman sawit ini dibuka lagi, kita akan lihat lebih negara mengeluarkan minyak sawit dan kita akan menghadapi persaingan yang lebih sengit daripada negara-negara yang nampaknya lebih miskin daripada kita iaitu mereka dikategorikan sebagai *least developed countries*.

Jadi tibalah masanya mungkin bagi para peladang kita ini haruslah cuba lihat tanaman jenis apakah yang mungkin boleh bawa keuntungan yang lebih dan kurang dipengaruhi oleh pergolakan seperti harga minyak sawit antarabangsa yang kita alami sekarang ini supaya kita boleh ada *cash crops* yang lain untuk menambahkan lagi pendapatan pekebun kecil kita. Sekian, terima kasih.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh minta soalan tambahan?

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** Mohon soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat Kinabatangan. Silakan.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, Kinabatangan ini adalah pengeluar kelapa sawit yang saya rasa terbesar di Malaysia. Kita ada 45 buah kilang beroperasi. Ini Menteri mungkin tahu ataupun kalau tidak, Menteri kena ambil tahu. Soalan saya, apakah yang boleh dilakukan oleh kerajaan untuk membantu pekebun-pekebun kecil? Mereka ini ditimpa masalah sebab harga sawit terlalu rendah dan mereka kehilangan pendapatan. Adakah kerajaan cuba memberi insentif ataupun apakah langkah-langkah yang seterusnya?

Seterusnya, *biofuel* ini, Yang Berhormat harus membuat kajian sebab perkara ini banyak syarikat telah lingkup yang terlibat dalam *biofuel* ini pada tahun-tahun yang lalu. Jadi ini pun mungkin Yang Berhormat perlu memberi perhatian yang sewajarnya. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat dengan secara ringkas. Hampir kesuntukan masa.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Ya, ya. Ringkas, seminit. Satu ialah tentang apakah kerajaan akan buat atau lakukan kepada pekebun kecil sawit kita yang selama ini kerajaan pada waktu tempoh yang kurang memuaskan daripada segi pendapatan sawit, kerajaan akan bagi subsidi. Yang Berhormat Kinabatangan, bukan insentif, itu dipanggil subsidi. Kementerian saya juga telah pun hantar kepada Kementerian Kewangan untuk memohon penambahan subsidi bagi pekebun sawit kita. Kita lihatlah, tunggu lah Bajet yang akan datang, sama ada ini diluluskan ataupun tidak.

Kedua ialah tentang— soalan apa itu? [*Dewan riuh*]

**Seorang Ahli:** Dia suka, dia suka *you* itu.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** / tahu dia suka saya. Soalan yang kedua adalah apa?

**Beberapa Ahli:** *Biofuel, biofuel.*

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Oh! *Biofuel, biofuel.* Biodiesel. Kita lihat keadaan di Indonesia, yang lebih stok minyak sawit di Indonesia lebih daripada Malaysia, cara yang negara itu guna ialah mereka tambah peratusan minyak sawit dalam *biofuel*. Sekarang mereka telah capai B20 dan tahun depan, saya difahamkan, akan jadi B25. Maksudnya 25 peratus sawit campur 75 peratus diesel. Tahun 2020, mereka akan capai B30. Akan tetapi di Malaysia, kita hanya sampai B7 sahaja. Sebab itu Yang Berhormat

Kinabatangan haruslah sokong kementerian saya supaya kita akan mulai mungkin akhir tahun ini atau awal tahun depan...

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya sokong sampai bila-bila.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Terima kasih, B10. Jadi Yang Berhormat Kinabatangan harus minta orang di kawasan Kinabatangan itu guna *biofuel* supaya kita boleh bakar lebih minyak sawit...

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat, kos dia tinggi Yang Berhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Ya lah, kalau lebih orang pakai, kosnya akan jadi rendah. Kalau boleh, mungkin dalam tahun-tahun yang akan datang kita akan capai B20. Jadi semua ini kita perlu sokongan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dengan itu tamatlah sesi Jawab Lisan. Saya mengambil masa lima minit lebih daripada biasa oleh kerana kita telah menggunakan lima minit awal pagi tadi.

**[Sesi untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]**

## **RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

### **RANG UNDANG-UNDANG JALAN, PARIT DAN BANGUNAN (PINDAAN) 2018**

#### **Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Puan Zuraida binti Kamaruddin]; dibaca kali pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

### **RANG UNDANG-UNDANG SEWA BELI (PINDAAN) 2018**

#### **Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Sewa Beli 1967; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal

Pengguna [Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail]; dibaca kali pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

**RANG UNDANG-UNDANG KANAK-KANAK DAN ORANG MUDA  
(PEKERJAAN) (PINDAAN) 2018**

**Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Kanak-kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) 1966; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Tenaga Manusia [Dato' Mahfuz bin Haji Omar]; dibaca kali pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

**USUL**

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN  
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**11.37 pg.**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dibahas dan diputuskan usul Menteri Luar Negeri dan usul Menteri Kewangan di No. 1 dan No. 2 seperti yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Selasa, 16 Oktober 2018.”

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Mohd Azis bin Jamman]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*



**USUL MENTERI LUAR NEGERI DI BAWAH P.M. 27(3)****KERANGKA ASAS DASAR LUAR MALAYSIA BAHARU****11.38 pg.**

**Menteri Luar Negeri [Dato' Saifuddin Abdullah]:** Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya membacakan usul ini, izinkan saya untuk merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Dato' Seri Anwar Ibrahim yang telah memenangi Pilihan raya Kecil Port Dickson... [*Tepuk*] dan mengucapkan selamat kembali sekali lagi ke Dewan yang mulia ini. Usul dari Kementerian Luar Negeri berbunyi seperti berikut;

**“BAHAWA** Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia telah menyampaikan ucapan pertama beliau selaku Perdana Menteri Malaysia Ketujuh di Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) yang ke-73 (UNGA), New York, Amerika Syarikat pada 28 September 2018 yang menggariskan matlamat dan rancangan dasar luar Malaysia baharu.

**BAHAWA** ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Perhimpunan Agung PBB telah menggariskan antara lain kedudukan dan dasar luar negara yang berteraskan prinsip-prinsip seperti tidak berpihak kepada mana-mana kuasa, berkecuali dan mengamalkan falsafah “memakmurkan jiran” dengan izin, (*prosper-thy-neighbour*).

**■1140**

**BAHAWA** Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga memberi penekanan kepada hubungan Malaysia dengan kuasa-kuasa besar dunia, di samping isu-isu lain, seperti situasi di Palestin. Nasib orang-orang Islam di Rhakine dan perang dagangan antara negara-negara kuasa ekonomi. Bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga menyatakan kepentingan PBB sebagai satu platform utama bagi menyelesaikan isu-isu sejagat dan menyuarakan harapan agar PBB terus memainkan peranan utamanya dalam mengekalkan keamanan dan keselamatan antarabangsa.

**BAHAWA** ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun menggariskan matlamat dan rancangan dasar luar Malaysia Baharu bagi menyokong kelestarian perkembangan ekonomi, politik dan sosial di dalam negara kita sendiri.

**DENGAN INI DEWAN** mengambil ketetapan seperti berikut:

- (i) bersetuju dengan hala tuju dasar luar Malaysia baharu seperti yang telah dinyatakan dalam ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Perhimpunan Agung PBB yang ke-73 pada 28 September 2018; dan
- (ii) memutuskan supaya ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Perhimpunan Agung PBB tersebut dijadikan sebagai kerangka asas dasar luar Malaysia baharu.

Tuan Yang di-Pertua, Kabinet dalam mesyuaratnya pada 3 Oktober 2018, memutuskan untuk usul ini dibawa ke Dewan yang mulia ini. Tujuannya ialah begini, oleh kerana kita belum mempunyai Jawatankuasa Pemilih, *Select Committee* tentang dasar luar negara dan Parlimen yang baru ini juga belum mempunyai fokus di kalangan Ahli-ahli Parlimen berkaitan dengan hubungan luar negeri, tetapi kita juga mesti mempunyai sebuah kerangka dasar luar, maka ia dibentangkan sebagai satu usul untuk mendapatkan input, pandangan dan maklum balas daripada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Kerajaan Malaysia baharu komited untuk melaksanakan kandungan manifesto Pakatan Harapan yang dijanjikan dalam PRU 14. Ini termasuklah dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab dasar luar negeri. Tugas dan tanggungjawab ini termaktub dalam sebuah kerangka Dasar Luar Negeri.

Kami mencadangkan supaya kerangka Dasar Luar Malaysia Baharu terdiri daripada empat komponen utama iaitu;

- (i) garis-garis besar haluan Dasar Luar Negeri yang sebahagian besarnya diungkapkan oleh ucapan Perdana Menteri di PBB tersebut;
- (ii) memperkasa Kementerian Luar Negeri;
- (iii) mempererat kerjasama antara agensi; dan
- (iv) mempertingkatkan partisipasi rakyat.

Apa yang signifikan dalam kerangka ini ialah bahawa Dasar Luar Malaysia haruslah dilihat dari kaca mata sebuah negara maju, bukan lagi sebagai sebuah negara sedang membangun dan sebagai sebuah negara demokrasi matang, bukan lagi sebuah negara yang dikenali sebagai kleptokrasi.

Tuan Yang di-Pertua, antara inti pati garis-garis besar haluan dasar luar ialah seperti huraian Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang berikut, izinkan saya untuk memetikinya dalam teks bahasa Inggeris.

*“A Malaysia that is a friend to all and enemy of none. A Malaysia that remains neutral and non-aligned. A Malaysia that detests and abhors wars and violence. A Malaysia that will speak its mind on what is right and wrong, without fear or favor. A new Malaysia that believes in co-operation based on mutual respect, for mutual gain. The new Malaysia that offers a partnership based on our philosophy of 'prosper-thy-neighbor'. The new Malaysia will firmly espouse the principles promoted by the UN. These include the principles of truth, human rights, the rule of law, justice, fairness, responsibility and accountability, as well as sustainability.* Ini berbeza sedikit yang saya

hendak sebut dengan kerajaan dahulu. *The new Government of Malaysia has pledged to ratify all remaining core UN instruments related to the protection of human rights*'.

Secara amnya, Dasar Luar ialah matlamat rancangan dan tindakan yang dijalankan oleh sesebuah negara dalam usaha untuk berhubung dengan entiti antarabangsa. Jadual kesembilan Perkara I Perlembagaan Persekutuan, menyenaraikan ruang lingkup hal ehwal luar negeri bagi Malaysia iaitu, pelaksanaan triti dan perjanjian peringkat dua hala. Keahlian Malaysia dalam organisasi antarabangsa dan pelaksanaan triti, perjanjian dan konvensyen peringkat pelbagai hala. Perwakilan diplomatik, konsuler dan perdagangan, pasport visa dan permit ziarah yakni *pilgrimages*.

Tuan Yang di-Pertua, kini kita perlu melakukan lebih banyak langkah proaktif dan mengurangkan langkah reaktif, justeru Dasar Luar Malaysia baharu hendaklah tentang bagaimana kita melibatkan diri secara proaktif dan berkesan dalam tiga kaedah atau tiga bentuk pelaksanaan.

Pertama, dalam keadaan di mana kita masuk menjadi anggota sesuatu organisasi dan Jawatankuasa, kita mesti aktif membuat keputusan.

Kedua, dalam keadaan kita tidak boleh membuat keputusan kerana kita bukan menjadi anggota, kita harus mempengaruhi pendapat.

Ketiga, dalam isu-isu yang menjadi trend semasa atau futuristik yang belum ada keputusan yang ingin dilaksanakan kita harus membentuk perbincangan dan perdebatan, dengan izin, *shaping the discourse or debate*.

Sesuai dengan sistem bernegara dalam realiti baru hari ini, maka Dasar Luar Malaysia baharu perlu digerakkan secara rakan kongsi atau *partnership* dengan izin di kalangan tiga sektor utama iaitu kerajaan, perniagaan dan masyarakat sivil. Ini termasuklah fokus Ahli Parlimen tentang dasar luar dan atau isu-isu antarabangsa dan partisipasi Ahli-ahli Parlimen dalam organisasi dan persidangan antarabangsa yang pelbagai.

Kita menghadapi pelbagai cabaran, sebagaimana yang diungkapkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapan di PBB, antaranya ialah, cabaran berkenaan dengan *terrorisme*, kepengganasan dan beliau menegaskan pendirian kita yang selama ini bahawa ia hanya akan dapat diselesaikan dengan menyelesaikan akar kepada masalah ini, iaitu isu Palestin.

Izinkan saya untuk memetik ungkapan Perdana Menteri dalam bahasa Inggeris. *'Let the Palestinians return to reclaim their land. Let there be a state of Palestine. Let there be justice and the rule of law. Worrying against them will not stop terrorism. Nor will out-terrorizing them succeed'*.

Cabaran yang kedua ialah peperangan. Izinkan saya mengutip dua, tiga *line* daripada ungkapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. '*There is something wrong with our way of thinking, with our value system. Kill one man, it is murder, kill a million and you become a hero*'.

Tuan Yang di-Pertua, cabaran-cabaran lain, cabarannya ialah bagaimana untuk menamatkan peperangan menyelesaikan *terrorisme* dan menghukum penjenayah-penjenayah yang terbabit. Cabaran yang lain tentulah soal perang perdagangan, soal krisis demokrasi dan soal kelemahan amalan globalisasi. Semua ini menuntut supaya kita tabah dan gagah dalam meneruskan keyakinan, bahawa kita tidak mempunyai pilihan lain selain daripada berpartisipasi dengan bijaksana di pentas dunia.

Kerangka Dasar Luar Negara Malaysia baharu dari satu segi akan mengekalkan apa yang sedia ada dan dari segi yang lain akan mengadakan perubahan-perubahan. Ada kesinambungan pegangan dan prinsip, manakala ada juga pembaharuan, penekanan dan pendekatan. Ringkasnya kita melakukan pembaharuan dalam kesinambungan.

#### ■1150

Antara kesinambungan pegangan dan prinsip adalah soal Malaysia sebagai kuasa pertengahan, peranan dan suara kepimpinan Malaysia dalam ASEAN, berbaik-baik dengan semua negara berkecuali, tidak campur tangan, bersuara lantang dalam membela hak mereka yang tertindas atau dizalimi, menyelesaikan konflik secara aman iaitu melalui dialog dan rundingan.

Antara sasaran keberhasilan utama ialah untuk memastikan keselamatan negara termasuk keamanan dunia dan khususnya di rantau Asia Tenggara. Kepentingan negara, ekonomi dua hala ASEAN, rakan ASEAN dan wilayah lain seperti Kesatuan Eropah. Hubungan diplomatik yang baik dengan semua negara tanpa mengira ideologi dan sistem politik, penegakan nilai-nilai seperti kebenaran dan keadilan, menamatkan penindasan dan penzaliman, menjunjung undang-undang antarabangsa, hak asasi manusia, pembangunan mampan dan sebagainya. Kita mahu diiktiraf sebagai negara yang bebas, berkecuali dan berprinsip dan kita mahu diiktiraf sebagai negara demokratik yang matang dan negara Islam yang inklusif, moderat dan progresif.

Antara pembaharuan penekanan dan pendekatannya ialah:

- (i) mendahulukan diplomasi ekonomi;
- (ii) memperkasa keselamatan sempadan untuk memerangi *human trafficking, migrants smuggling* dengan izin, penyeludupan dadah, barangan dan sebagainya;

- (iii) menjaga sempadan perairan;
- (iv) mengurus keselamatan negara dalam landskap dan dinamika geopolitik semasa;
- (v) keselamatan di Laut China Selatan;
- (vi) reformasi organisasi antarabangsa;
- (vii) reformasi *international architectures* dengan izin, yakni bersoal urus tadbir kerajaan, kewangan dan sebagainya; dan,
- (viii) mempromosi demokrasi kebebasan dan hak asasi manusia.

Izinkan saya untuk menggariskan 11 bidang keprihatinan utama. 11 bidang keprihatinan utama telah dikenal pasti iaitu:

- (i) hubungan Malaysia dengan dunia Islam;
- (ii) hak asasi manusia;
- (iii) *Sustainable Development Goals*, dengan izin;
- (iv) memerangi terorisme;
- (v) Kerjasama Selatan-Selatan dan Dialog Antarabangsa Langkawi;
- (vi) bantuan kemanusiaan dan pembangunan semula pasca konflik;
- (vii) keselamatan di Laut China Selatan dan perairan serantau;
- (viii) hubungan Malaysia dengan kuasa-kuasa besar dunia;
- (ix) keanggotaan negara dan warga Malaysia dalam badan-badan antarabangsa;
- (x) ratifikasi *treaty* antarabangsa; dan
- (xi) isu antarabangsa yang baharu seperti *Blue Economy Concept Indo- Pacific* dan sebagainya.

Komponen yang kedua iaitu soal memperkasa Wisma Putra. Kami komited untuk meningkatkan pembangunan sumber manusia. Ini termasuklah soal kepakaran bidang, penguasaan bahasa Inggeris dan penguasaan bahasa ketiga khususnya bahasa-bahasa di PBB yakni bahasa Arab, Mandarin, Perancis, Rusia dan Sepanyol serta kemahiran untuk perundingan. Menjadikan *Institute of Diplomacy and Foreign Relations* (IDFR) sebagai dengan izin, *a leading training centre* di wilayah ini dan yang ketiga, mengangkat peranan *Southeast Asia Regional Centre for Counter-Terrorism* (SEARCCT) menjadi projek ASEAN dan pusat rujukan tentang memerangi terorisme di rantau ini.

Komponen yang ketiga iaitu mempererat kerjasama antara agensi. Dalam konteks diplomasi ekonomi, Dewan yang mulia ini akan menyaksikan keakraban yang lebih antara Kementerian Luar Negeri dan agensi-agensi yang lain khususnya Kementerian Perdagangan Antarabangsa. Kami juga akan merekayasa peranan perwakilan di luar negeri supaya selaras dengan keperluan negara pada hari ini.

Komponen yang keempat, yakni mempertingkatkan partisipasi rakyat. Pada kami, Parlimen sebagai puncak suara rakyat harus mempunyai Jawatankuasa Pilihan tentang Dasar Luar, dengan izin *Select Committee on Foreign Policy*. Kita juga berharap Ahli-ahli Yang Berhormat akan menubuhkan *Quartet* Ahli Parlimen untuk hal ehwal antarabangsa atau dasar luar negeri. Di peringkat kementerian, dengan kelulusan Kabinet pada 10 Oktober yang lalu, kami akan menubuhkan Majlis Perundingan Tentang Dasar Luar.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya, apa yang jarang difikirkan ialah hakikat bahawa dengan izin, *foreign policy begins at home*. Tidak ada dasar luar negeri yang terbaik, melainkan ia adalah mewakili dan melambangkan apa-apa yang terbaik yang berlaku di dalam negara sendiri. Sebaik mana pun pelaksanaan dasar luar negeri tetapi sekiranya apa-apa yang berlaku di dalam negeri adalah buruk, maka dasar luar negeri yang baik tidak akan berkesan dengan sepenuhnya. Paling tidak, kita akan dituduh melakukan dengan izin, *double speak* iaitu "*Indah khabar dari rupa*".

Dari segi yang lain, ia juga memerlukan pelaksanaan sebenar di dalam negeri. Contoh semasa yang sesuai ialah bagaimana kita melaksanakan *SDGs* yakni fokus utama PBB sekarang secara dengan izin, *embedded* dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11). Kejayaan RMKe-11 adalah juga kejayaan dasar luar negeri tentang *sustainable development goals*. Ini adalah contoh bagaimana dasar luar dan dasar ekonomi bercantum untuk kepentingan dan kesejahteraan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada sesiapa yang menyokong Yang Berhormat?

**Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Haji Salahuddin bin Ayub]:**

Saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk di bahas. Akan tetapi sebelum itu, saya ingin maklumkan, saya telah menerima senarai 11 orang pembahas. Untuk mentadbir masa, saya ingin cadangkan setiap pembahas diberikan 15 minit untuk berbahas. Saya ingat ini mencukupi ya. Akan tetapi pada akhir perbahasan, mungkin kita kurangkan ke 10 minit,

terpulang pada keadaan. Jadi saya ingin menjemput Yang Berhormat Pontian untuk memulakan perbahasan.

**11.57 pg.**

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam Negaraku 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Luar Negeri dan juga semua yang akan terlibat dalam membahaskan usul ini, usul daripada Menteri Luar Negeri mengenai ucapan Yang Amat Berhormat Langkawi bagi Persidangan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu yang ke-73 (UNGA).

Saya pernah berada di dewan itu, di dewan persidangan itu. Saya kira dewan itu mungkin tiga kali ganda besarnya daripada Dewan kita ini. Saya pernah menjadi pemerhati di situ, duduk di situ dan memerhatikan segala ucapan pemimpin negara di dalam dewan PBB itu dan ia adalah satu pengalaman yang amat menguja. Sesiapa yang berucap contohnya pada tahun 2015 diwakili oleh Yang Berhormat Pekan. Kemudian pada tahun 2016, Yang Berhormat Kimanis. Pada tahun 2017, Yang Berhormat Bagan Datuk dan kita mengutarakan beberapa perkara yang sebahagian diterima oleh peringkat antarabangsa.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Dalam kerangka asas dasar luar Malaysia Baharu ini, saya ingin mencadangkan lima perkara untuk difikirkan oleh Yang Berhormat Menteri Luar Negeri. Pertama ialah dalam kerangka asas dasar luar Malaysia itu, perlu ada kenyataan untuk mempromosi dan melaksanakan dasar perdagangan yang bebas dan adil. Dasar perdagangan luar negara kita bukan hanya perlu bebas tetapi juga perlu adil. Maka barulah kita boleh mencapai apa yang kita hasratkan. Kita telah menandatangani tidak silap saya ada 13 perjanjian perdagangan bebas. Saya kira apakah yang perlu lagi negara lain yang kita perlu tambah segala perjanjian perdagangan bebas ini supaya segala eksport kita akan bertambah dan negara kita akan lebih makmur. Itu yang pertama.

■1200

Kedua, selain daripada kita mempromosikan perdagangan dan melaksanakan, kita juga perlu mempromosi dan melaksanakan dasar pelaburan yang bebas dan adil. Perdagangan dan pelaburan ini adalah dua perkara yang berbeza. Maksudnya kalau ada syarikat-syarikat di negara kita ingin melabur di mana-mana negara dalam dunia,

syarikat-syarikat itu mesti diberikan layanan yang adil sebagaimana syarikat-syarikat luar yang datang berdagang ke negara kita.

Oleh itu, bukan hanya kita mencari pelabur-pelabur asing datang ke negara kita, usaha Kementerian Luar juga perlu membawa syarikat-syarikat Malaysia untuk melabur di negara-negara luar. Dalam angka yang pernah saya ingat bahawa jumlah perdagangan daripada syarikat-syarikat negara kita adalah lebih besar daripada jumlah syarikat-syarikat luar yang melabur dalam negara kita. Oleh sebab itu, usaha ini perlulah diambil peranan penting oleh Kementerian Luar dalam mereka ingin menghebatkan peranan Wisma Putra.

Perkara yang ketiga cadangan saya dalam kerangka asas dasar luar Malaysia yang baru ini ialah perlunya kita mempromosi dan melaksanakan gerakan kesederhanaan di peringkat antarabangsa ataupun apa yang dipanggil sebagai *movement of the moderate*, konsep wasatiyyah yang pernah dinyatakan oleh ketiga-tiga pemimpin yang berucap 2015, 2016, 2017 di sidang itu. Gerakan kesederhanaan ini boleh membantu untuk kita mengurangkan ekstremisme yang berlaku dalam negara sekarang ini.

Cadangan yang keempat ialah supaya peranan Malaysia untuk menghentikan segala jenis bentuk peperangan perlulah dibuat. Perang ini ada empat jenis yang utama. Tidak ada satu pun perang itu yang berfaedah. Pertama tentunya Perang Dunia Pertama, Perang Dunia Kedua. Kedua ialah perang dingin contohnya antara Amerika Syarikat dengan Rusia pada suatu ketika dahulu dalam tempoh yang cukup lama, walaupun demikian perang dingin itu memberikan satu perkara yang baik kerana akhirnya komunis, negara-negaranya hancur dan Amerika Syarikat dipandang sebagai negara kuasa dunia yang pertama.

Jadi perang yang ketiga ialah perang budaya. Ini juga perlu diambil tindakan oleh pihak Kementerian Luar. Perang budaya, budaya kuning, budaya yang tidak sesuai, budaya LGBT contohnya yang dibawa daripada negara-negara luar untuk masuk ke negara kita ini patut ditentang.

Keempat yang terkini ialah perang dagang, *trade war*. Ini juga patut dihentikan. Empat jenis peperangan ini patut dihentikan. Contoh tentang perang dagang ini, 60 peratus daripada eksport Malaysia bergantung kepada rantai bekalan sejagat. Daripada 60 peratus rantai sejagat itu, 48 peratus dieksport ke China, 40 peratus ke Amerika. Kesan daripada perang dagang, *trade war* yang berlaku ia memberi kesan bukan hanya ke Malaysia tetapi memberi kesan kepada Korea Selatan, Taiwan dan Singapura.



Tadi Yang Amat Berhormat Langkawi menyebut kemungkinan ada syarikat-syarikat daripada Amerika Syarikat yang sekarang ini melabur di negara China akan berpindah ke Malaysia. Saya tidak tahu apakah senarainya. Kalau Yang Berhormat Menteri Luar boleh memberikan senarai syarikat-syarikat daripada Amerika Syarikat yang sekarang ini melabur di China yang hendak berpindah ke Malaysia, apa dia senarai syarikat-syarikat itu untuk dimaklumkan kepada kami.

Pengurangan eksport ke China akan menjejaskan sekitar enam peratus daripada KDNK negara. Apabila perang dagang itu wujud, maka KDNK kita akan terjejas. Apakah strategi Kementerian Luar untuk memastikan kita mengurangkan kesan misalnya apakah peranan ASEAN dan APEC boleh membantu untuk memastikan perang dagang ini akan dihentikan. Ini peperangan yang terkini, tindakan unilateral Presiden Trump dan Amerika Syarikat ini menaikkan tarif eksport bukan hanya ke negara China tetapi negara China lah yang paling utama, ia juga menaikkan tarif eksport ke Eropah, Kanada, Jepun, Korea Selatan.

Dalam dunia ini 15 peratus penguasaan China dalam perdagangan dunia tetapi Amerika Syarikat 24 peratus daripada perdagangan dunia. Apa yang dikhuatiri oleh Amerika Syarikat ialah 15 peratus jumlah dagangan dunia itu akan meningkat dan mereka khatir negara China akan mengatasi Amerika Syarikat dalam perang dagang ini. Itu yang menyebabkan kita pula yang terjejas.

Cadangan saya yang kelima iaitu meningkatkan peranan Malaysia dalam *Organisation of Islamic Cooperation* (OIC) yang ditubuhkan pada tahun 1969. Ada 57 buah negara dalam OIC. 1.8 bilion rakyat di dalam negara itu. 1.8 bilion penduduk dalam negara-negara OIC, 57 buah negara itu dengan GDP USD27.9 trilion. Ia adalah suatu perkara yang amat penting. OIC ini dengan izin ia merupakan *the collective voice of the Muslim world* tetapi negara-negaranya ada yang terlalu miskin, ada yang terlalu kaya. Algeria, Cameroon, Chad, Gambia, Mali, Nigeria itu contoh-contoh negara yang berada di bawah. Negara-negara yang kaya, negara-negara GCC, Kuwait, Qatar, Saudi, UAE, di sebelah sini ialah Brunei misalnya, jadi ada dua darjat yang amat berbeza dalam negara-negara OIC. Jadi peranan Malaysia dalam negara-negara OIC ini perlu dipertingkatkan. Suara Malaysia patut lebih kuat dan jelas dalam hal-hal yang berkaitan dengan kepentingan umat Islam.

Saya menyanjung apa yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Langkawi mengenai *the root cause of terrorism* ialah apa yang berlaku di Palestin yang menjadi mangsa kepada Israel sejak sekian lama pada tahun 1948 iaitu apabila dipaksakan penduduk Yahudi untuk pergi menjajah negara Palestin. Trump pula mengumumkan

Baitulmaqdis, ibu kota Israel. Jadi apakah peranan Malaysia untuk memastikan perkara ini boleh diatasi.

*European Union* (EU) tidak mengambil langkah yang cukup untuk membentuk negara Palestin ini. Jadi bukan hanya perkara yang dimaklumkan oleh Perdana Menteri mengenai kecaman kepada Israel tetapi penyelesaian dua negara bukan sesuatu yang tuntas untuk menolak hak rakyat Palestin untuk duduk di seluruh wilayah, penyelesaian dua negara itu menyebabkan semacam melegitimasi pendudukan rejim Zionis.

Oleh itu cadangan saya tentang perkara Palestin–Israel ini ialah yang pertama, peranan yang berkesan oleh PBB, EU, ASEAN dan juga APEC. Kedua, hentikan sebarang kekejaman kepada rakyat Palestin. Semalam pun ada lagi rakyat Palestin yang dibunuh. Seorang wanita dibunuh, dibaling batu oleh pihak Israel. Ketiga, sikap bermuka-muka barat perlu dihentikan. Keempat, OIC perlu lebih aktif memberikan tekanan. Kelima, kefahaman peringkat antarabangsa itu perlu dijelaskan. Mungkin Malaysia boleh tolong jelaskan bahawa apabila menyentuh Palestin bererti menyentuh hati dan nurani rakyat dan penduduk umat Islam seluruh dunia yang berada di merata alam di dalam dunia ini.

Oleh sebab itu, kefahaman itu perlu jelas. Palestin bukan hanya isu Palestin di negara itu, Palestin adalah isu umat Islam di seluruh dunia. Ada disebut oleh Yang Amat Berhormat Langkawi tentang Myanmar. Isu Rohingya ini Tuan Yang di-Pertua, ia adalah isu kemanusiaan. Ia bukan isu-isu Myanmar semata-mata, ia adalah isu-isu yang menyebabkan hak asasi manusia.

#### ■1210

Oleh sebab itu, Yang Berhormat Bagan Datuk misalnya pernah melawat Cox's Bazar, Yang Berhormat Pekan pernah melawat Gaza. Saya hendak tanya bila Yang Amat Berhormat Langkawi akan pergi ke Palestin? Bila Yang Amat Berhormat Langkawi akan pergi ke Myanmar untuk membantu menyelesaikan masalah ini.

Saya ingin mencadangkan yang pertama tekanan oleh ASEAN perlu diteruskan dalam isu Rohingya ini, *ethnic cleansing* perlu dihentikan serta-merta, zon selamat yang diiktiraf oleh PBB supaya rakyat Rohingya boleh kembali dan dipantau oleh anggota pasukan PBB. Kalau tidak mereka akan terus menjadi pelarian dan bantuan perlu diteruskan pada kem-kem pelarian. Saya hendak tahu berapa banyak wang kita berikan kepada kem-kem pelarian untuk membantu umat Islam Rohingya yang ditindas.

Kemudian, Yang Amat Berhormat Langkawi juga menyebut tentang sawit. Bagaimana perlu kita adakan MSPO 2019 persepsi negatif. Saya ingin tahu apakah hasilnya itu yang penting hasilnya. Tadi disebut bahawa sawit telah diterima di India,

akan tetapi perkara yang penting di India itu mereka mengenakan tarif cukai yang tinggi terhadap kemasukan sawit ke negara India. Apakah peranan Kementerian Luar untuk berbincang dengan negara India untuk mengurangkan jumlah cukai yang dikenakan oleh Kerajaan India terhadap pengimportan minyak sawit daripada Malaysia. Itu penting sebab rakyat yang paling banyak dalam dunia ini yang pertama ialah negara China, kedua ialah negara India. Kalau negara China dan India banyak membeli sawit tentunya sawit kita akan menjadi lebih laku.

Janji China hendak beli 500 ribu tan sawit ini dimaklumkan oleh Yang Amat Berhormat Langkawi pada pagi ini. Saya hendak tahu setakat mana janji ini diterima pakai dan telah dilaksanakan. Apakah langkah-langkah untuk kita berbincang seterusnya dengan Kerajaan Negara China untuk memastikan sawit kita ini dilaksanakan. Ambil peluang daripada Bajet 2019 ini, ambil peluang. Kalau boleh semua pihak kedutaan kita di seluruh dunia Yang Berhormat Menteri Luar ya, menjual sawit ini di mana mereka berada bukan hanya menjual sawit di India, Pakistan, Mozambique kata ada pasaran baharu tetapi semua sekali kedutaan kita menjual sawit di negara-negara yang mereka berada itu. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Pontian. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Sungai Petani untuk membahas.

### **12.12 tghari.**

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Saya bangun untuk menyatakan bahawa sudah tentu kita menyokong apa juga tindakan yang telah pun diambil oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa beliau berucap di PBB yang lalu dan kupasan-kupasan yang telah pun dibuat di PBB amat menyentuh bukan sahaja hal-hal yang berlaku dalam negara kita tetapi juga apa yang sepatutnya berlaku di luar negara di sana.

Saya boleh gariskan dua perkara yang berlaku. Pertama hal-hal berhubung dengan politik antarabangsa dan lokal. Kedua ialah hal yang berhubung dengan ekonomi dunia. Jadi saya kira ini adalah suatu ucapan yang jelas dan tegas dan sudah tentu kita akan menyokongnya untuk menjadikan satu kerangka asas dasar luar Malaysia yang baharu— dasar luar Malaysia baharu. Itu saya kena ulang dua kali. Maknanya inilah apa yang sedang dilakukan oleh pemerintah yang baharu dan inilah yang kita namakan Malaysia baharu.

Sudah tentu saya ingin menyatakan bahawa saya mimpikan bagaimana suatu masa dahulu kita menjadi *champion* kepada negara-negara Islam di seluruh dunia. Kita telah memainkan peranan yang cukup aktif semasa dalam OIC dahulu dan malah kalau kita pergi ke luar negara apabila sebut sahaja Malaysia pada masa dahulu kita dikenali sebagai orang yang *champion*, orang yang berani bersuara tentang hal-hal yang melibatkan Islam dan juga umat Islam .

Di samping itu juga, dilihat sebagai negara yang *champion*-kan negara kecil yang tertindas dan ditindas. Jadi saya melihat inilah peranan yang saya minta sangat-sangat kalau boleh kita hidupkan kembali, kita mesti menjadi *champion*, kita kembali kepada persada itu kerana kita kena dan pernah berada di situ. Jadi banyak isu di luar sana, negara-negara kecil yang lain tidak berani. Ini disebabkan oleh masalah-masalah tekanan politik dan juga apa juga masalah yang mereka hadapi.

Akan tetapi kita kena berani seperti pernah kita melakukan bahawa kita mesti menjadi *champion* kepada negara-negara ini. Kita mesti tegas dalam isu-isu yang melibatkan Syria contohnya apa yang berlaku di Timur Tengah? Walaupun kita tahu siapakah dalang-dalang di belakang permainan ini, akan tetapi yang pastinya yang menderita ialah orang-orang ataupun rakyat yang tidak bersalah. Permainan ini terlalu panjang melihat bagaimana pelarian– orang yang terlibat dalam peperangan ini menderita dan pelarian makin hari semakin bertambah, dunia melihat seolah-olah tidak ada apa-apa yang berlaku, akan tetapi tidak ada seorang pun pemimpin yang betul-betul berani untuk mengatakan *enough is enough*.

Jadi saya kira kita harus kembali memainkan peranan ini dan untuk itu saya kira harus kita menonjol di peringkat antarabangsa untuk menyuarakan hal-hal yang kita rasakan ada benda-benda yang tidak betul dalam dunia ini.

Di samping itu juga, saya melihat isu Rohingya, walaupun sudah disebut oleh Yang Berhormat Pontian tadi tetapi saya kira isu ini isu yang dikesampingkan isu yang dilihat sebagai isu minoriti tetapi sebenarnya ialah isu kemanusiaan. Bagaimana kita lihat rakyat Rohingya – bukan isu Muslim tetapi isu kemanusiaan walaupun dia bangsa apa pun, agama apa pun tetapi sebagai manusia saya kira ini tidak boleh berlaku dalam abad ini.

Sebagai sebuah negara yang kita dahulu sokong pemimpinnya Aung San Suu Kyi yang kononnya tertindas, ditindas kita sama-sama memberikan sokongan agar beliau mendapat *nobel prize* dan di peringkat dunia telah mengiktiraf beliau sebagai seorang pemimpin yang tertindas. Akan tetapi malangnya apabila beliau mempunyai kuasa beliau boleh melakukan sesuatu yang diharapkan berlaku tetapi nampaknya Aung

San Suu Kyi tidak melakukannya, malah membiarkan kerajaan yang dipimpin oleh beliau melakukan perkara yang sewenang-wenangnya.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Yang Berhormat Sungai Petani mohon mencelah. Terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sungai Petani. Saya cuma ingin bertanya kerana kalau kita lihat dari segi kecaman semata-mata ataupun dengan usul sahaja mungkin – dari segi negara Malaysia semestinya kita boleh lakukan juga di dalam negara kita. Kalau kita lihat mungkin jumlah pelarian yang begitu ramai daripada etnik Rohingya juga ada beberapa perkara berkait dengan kehadiran mereka juga pelarian-pelarian lain yang terkesan dengan ratifikasi instrumen-instrumen Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Jadi saya mohon kepada Yang Berhormat Sungai Petani, adakah Yang Berhormat setuju sekiranya kita mohon Yang Berhormat Menteri dan juga pihak kerajaan untuk menyatakan secara konkrit apakah instrumen-instrumen PBB yang berkait dengan hak asasi manusia yang akan kita ratifikasikan agar disebut dengan jelas adakah ini termasuk contohnya berkait dengan pelarian dan sebagainya. Mohon – terima kasih.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Minta laluan Yang Berhormat Sungai Petani. Saya hendak tanya pandangan juga dua perkara. Adakah Yang Berhormat setuju bahawa Aung San Suu Kyi ini diheret ke mahkamah *International Court of Justice* seperti yang telah berlaku kepada Radovan Karadzic apabila beliau dituduh melakukan *genocide* semasa konflik Bosnia – Herzegovina? Pada masa yang sama pemberian *Award Nobel Peace Prize* itu juga ditarik balik, sama ada Kementerian Luar Negeri boleh mencadangkan perkara-perkara ini kepada *United Nation*. Dua perkara ini. Beliau diheret ke *International Court of Justice*, di tuduh dengan kesalahan-kesalahan menyebabkan kematian orang-orang Rohingya dan juga apa-apa award yang diberikan seperti *Nobel Peace Prize* itu ditarik balik. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila Yang Berhormat.

■1220

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Yang Berhormat, terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya di sini, setakat ini kita telah memberi perhatian kepada negara Myanmar, isu Rohingya. Akan tetapi setakat ini, apa pendirian Malaysia berhubung dengan krisis global yang berlaku di Yaman? Setakat ini,

*we have not say the stand on Yemen* dan saya tidak dengar banyak kepentingan diberikan. Setakat ini, dengan izin, *the famine in Yemen is the biggest global crisis*. Jadi, salah sebuah negara OIC bersama dengan *Saudi Arabia* yang sedang *launch missile attack on Yemen*, saya rasa kita perlu menghantar satu mesej yang tegas kepada *Kingdom of Saudi Arabia that what they are doing is unacceptable and we should boycott them*. Terima kasih

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Sungai Petani, sikit boleh? Bagan Serai. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani, sahabat saya. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Sungai Petani, apakah dasar kerajaan yang akan ditentukan selepas ini berkenaan dengan kaum etnik Rohingya di Myanmar? Kebetulan saya dan beberapa Ahli Parlimen di dua-dua belah berada di sana pada hujung tahun lepas. Kita melihat apa yang telah pun dilakukan kerajaan, terutamanya dari segi perkhidmatan kesihatan, hospital itu dengan kepakaran yang sangat unik, antara yang terbaik untuk membantu di sana. Apakah dasar ini akan diteruskan lagi? Bagaimanakah keadaan akan berlaku sekarang? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila Yang Berhormat Sungai Petani.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Terima kasih teman-teman yang membantu dan juga memberikan pandangan. Saya sudah tentu, Yang Berhormat Lembah Pantai, membawa isu yang *pertinent*, isu yang penting. Saya mohon Yang Berhormat Menteri respons kepada pandangan itu.

Saya juga sudah tentu bersetuju dengan Yang Berhormat Jelutong dan Yang Berhormat Batu Kawan, kita harus memainkan peranan yang lebih aktif dan proaktif. Kita mesti kembali menjadi *champion* kepada isu-isu besar ini seperti yang telah kita mainkan dahulu. Walaupun negara kita kecil tetapi kalau suara kita suara yang tegas, suara yang kuat dan suara yang berbicara tentang kemanusiaan dan kebenaran, sudah tentu kita akan dihormati di seluruh dunia.

Seperti juga peranan yang telah pun kita mainkan, bagaimanakah kita pernah menegur negara-negara besar di PBB, bagaimana Yang Amat Berhormat Langkawi pada satu masa dahulu telah berani menegur Amerika Syarikat pun di PBB. Sekarang ini kita gandingan, *insya-Allah*, di antara Yang Berhormat Port Dickson dengan Yang Amat Berhormat Langkawi, saya rasa kita boleh ulangi kejayaan yang maha hebat ini. Jadi, negara-negara luar sedang menunggu kita. Apakah peranan yang akan kita

mainkan, khususnya apabila Port Dickson kembali menjadi Ahli Parlimen kita. Silakan Yang Berhormat Lembah Pantai.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Seperkara lagi. Yang Berhormat Sungai Petani ada sebut tentang suara Malaysia di persada dunia. Saya percaya dari segi infrastruktur ataupun kalau kita lihat, sebenarnya ini adalah satu peranan yang penting yang perlu dimainkan oleh Wisma Putra, Kementerian Luar Negeri.

Jadi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Sungai Petani, adakah Yang Berhormat Sungai Petani berpendapat bahawa dari segi Kementerian Luar Negeri itu sendiri, dari segi aspek kapasiti, termasuk sumber kewangan, kepakaran, sumber manusianya, adakah Yang Berhormat Sungai Petani berasa bahawa ia berada pada tahap yang optimum untuk membuat penjajaran ataupun *realignment* dasar baharu luar negara kita?

Saya juga ingin bertanya pandangan Yang Berhormat Sungai Petani kerana suara kita diangkat oleh para diplomat. Adakah Yang Berhormat Yang Berhormat Sungai Petani berpendapat untuk menegaskan pendirian baharu kerajaan baharu ini, bukankah kita perlu memastikan bahawa semua diplomat-diplomat, duta-duta kita boleh mengangkat garis yang baharu ini? Terima kasih.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai. Saya kira sekarang pun...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]** Yang Berhormat Sungai Petani.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Dua minit. Sekarang pun Yang Berhormat Menteri sudah pun merangka program-program yang besar untuk memastikan para-para pegawai kita dan para duta yang berada di kedutaan-kedutaan kita faham apakah kerangka besar kita. Kita bukan sahaja hendak main *feeder* tetapi kita hendak menjadi *striker*. Kita mesti jadi *striker* kerana kita pernah jadi juara. Oleh sebab itu, saya memohon sangat-sangat supaya Yang Berhormat Menteri membawa mesej ini, bahawa mesej Malaysia baharu ini ialah suatu yang hebat dan kita pernah melakukannya. Jadi, silakan Yang Berhormat Arau.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Saya terpanggil untuk bertanya apabila Yang Berhormat menyebut bahawa gandingan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Berhormat Port Dickson. Bilakah Yang Berhormat Port Dickson akan dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri? Sebab Yang Berhormat sebut gandingan tadi. *[Dewan Ketawa]*

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Tuan Yang di-Pertua, kita cakap benda yang serius, benda yang besar. Jadi, sudah tentulah benda-benda yang kita anggap sipi-sipi ini akan kita bincang di luar Dewanlah. Akan tetapi yang penting, harus Malaysia sebagai Malaysia baharu bawa di muka dunia, inilah Malaysia baharu. Bahawa kita mempunyai kekuatan sedemikian rupa. Jadi, sudah tentulah orang akan cemeh kita. *"Alah, ini apa ini, negeri kecil, negeri halus sahaja"*. Akan tetapi, kita juga pernah menjuarai isu-isu besar dunia.

Begitu juga dengan hal ehwal ekonomi, Tuan Yang di-Pertua. Saya kira kelapa sawit suatu yang menjadi dekat dengan kita. Bukan sahaja ia menjadi bahan yang kita eksport tetapi kelapa sawit juga menjadi di antara...

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Sungai Petani.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Okey, habis ayat ini. Nak sambung sekejap ya.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Okey.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Ini rakyat sangat bergantung pada sawit. Jadi, saya mohon juga Yang Berhormat Menteri usulkan supaya bukan sahaja bahan ini kita pertahankan untuk kita jadikan sebagai juara tetapi juga harus ada *capacity building* di kalangan orang-orang yang mempertahankannya. Kita kena bagi bajet yang besar kepada pelobi-pelobi kita. Kita harus mempertahankan kelapa sawit ini, jangan jatuh nombor dua, nombor tiga. Untuk itu, kita mesti bersedia berperang berhabis-habisan kerana ada orang yang tidak suka kita jadi nombor satu.

Okey, saya beri peluang sekejap,

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani. Saya teruja dengan ucapan Yang Berhormat Sungai Petani berkenaan Malaysia baharu. Baik, pemimpin utama kita telah pergi ke beberapa buah negara, ke China, Jepun, ke Amerika Syarikat dan juga ke UK. Apa bentuk Malaysia baharu ini? Satu pelaburan pun belum masuk. Harga komoditi jatuh. Apa sebenar yang hendak dibawa? Dasar masih belum jelas, tidak nampak lagi ini. Saya tanya pandangan.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Yang Berhormat Lenggong, kita kahwin, sembilan bulan sepuluh hari baru dapat anak, Yang Berhormat Lenggong. Jadi, bagi masa sedikit lagi. Hendak selesai masalah hutang pun tidak— oleh sebab itu, Malaysia baharu...



**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Betullah, kahwin 10 hari tidak dapat anak tetapi kalau hasil pun tidak nampak lagi, nampak benar benih tidak elok itu.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Sembilan bulan sepuluh hari. Kita bukan ambil anak buluh betong atau perdu buluh. Tidak-tidak. Yang ini kita betul-betul mengandung. Oleh sebab itu, Yang Berhormat Lenggong, bagi masa. *Insyah-Allah*, 61 tahun hendak perbetulkan balik, bukan mudah. Akan tetapi kita janji...

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Lama itu.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Dengan kudrat yang kita ada, dengan semangat yang kita ada...

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Kalau kahwin sudah berapa hari ini, benih pun tiada lagi, itu tidak elok itu.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Dengan *determination* yang kita ada. Jadi oleh itu, *insyah-Allah*, Yang Berhormat Lenggong, kita akan—

Saya dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, berharap sangat Yang Berhormat Menteri akan membawa perkara ini supaya ia memberikan perhatian bahawa kita mesti menjuarai, kita mesti menjadi juara di pentas dunia untuk mempertahankan hak kemanusiaan.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Yang Berhormat Sungai Petani, minta laluan.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Keduanya, kita juga mesti menjadikan kepala sawit dan ekonomi kita, kita mesti bertahan di peringkat dunia. Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullaahi ta'ala wabarakaatuh*.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Penjelasan, penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Masa untuk Yang Berhormat Sungai Petani habis sudah.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Yang Berhormat Sungai Petani, bagi sedikit.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** *Now last-lah, last-lah*. Bagi *last round*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik, silakan.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani. Saya hendak mintak penjelasan berkenaan dengan pasaran sekarang ini yang kita dapati sekarang ini penurunan harga kelapa sawit di pasaran sedia ada dan mungkin di situ ada berlaku sabotaj dan sebagainya atau peperangan, *trade war* yang berlaku di antara negara-negara besar dalam dunia ini.

Cuma, pasaran baharu yang kita fahamkan sekarang ini, adakah kerajaan telah menerokai pasaran di Amerika Selatan? Apa yang kita difahamkan, Amerika Selatan juga menggunakan kelapa sawit seperti mana cuaca yang ada di Asia Tenggara. Sekian, minta penjelasan.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Tuan Yang di-Pertua, masukkan ucapan Yang Berhormat Pendang sebagai sebahagian ucapan saya. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani. Sudah, masa untuk *floor* Yang Berhormat Sungai Petani telah mencukupi.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Sedikit, sedikit sahaja, Yang Berhormat Sungai Petani.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Boleh mencelah waktu yang lain. Seterusnya, saya ingin menjemput Yang Berhormat Kimanis. Dia kata mewakili Bebas. Silakan.

#### 12.29 tgh.

**Dato' Sri Anifah bin Aman [Kimanis]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma mengambil masa yang singkat sahaja. Saya juga turut dengan Menteri Luar mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapan di *United Nations* baru-baru ini. Saya percaya pegawai-pegawai Wisma Putra ada di belakang sana. Apa yang diucapkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak jauh berbeza daripada ucapan-ucapan sebelum itu.

Saya agak bimbang kerana Yang Berhormat Menteri Luar berkata mahu perkenalkan Dasar Malaysia Baharu. Saya ingat yang baharu cuma Yang Berhormat Menteri sahaja. Dasar-dasar itu memang wujud. Ini seolah-olah Malaysia ini sebelum kerajaan ini tidak mempunyai dasar.

#### ■1230

*My advice*, nasihat saya kepada Menteri Luar, *take some time* untuk memperkasakan Wisma Putra. *There are very, very able officers, with due respect*, dengan izin. *Give yourself time, sit down with them and discuss.*

Isu Palestin. Saya ingat Yang Berhormat kalau tahu bahawa apabila kita menjadi anggota *United Nations Security Council non-permanent members* pada tahun 2015, Malaysia telah pun berjaya mengemukakan satu Resolusi 2334 di mana kita meminta supaya *illegal settlement* itu diharamkan dan dihentikan serta-merta. Saya sendiri, Yang Berhormat, sudah pergi ke Gaza, saya sendiri sudah pergi ke Myanmar. Isu-isu seperti

Rohingya, yang sebenarnya ia bukan isu minoriti, yang minoriti itu Rohingya. Isu ini memang isu utama.

Yang Berhormat, saya agak terkilan. Cadangan-cadangan itu yang saya tengok di sini barangkali Yang Berhormat boleh kemukakan kepada pelajar-pelajar di bangku sekolah, *but not here. You are on the point of insulting Malaysia*, biarpun kerajaan baharu. Ini seolah-olah saya katakan tadi, yang kita tidak pernah menyuarakan, kita tidak pernah orang kata terlibat dalam apa-apa isu utama dunia. Itulah yang saya katakan bahawa organisasi-organisasi internasional yang kita anggotai dan kita selalu berucap ialah OIC, NAM, FILAC, BRIC. Yang Berhormat, *sit down and look at these things* apa partisipasi kita yang lalu.

Isu *South China Sea. Do you realize how important is South China Sea?* Berapa pentingnya isu *South China Sea, 'nine-dotted line'?* *They will give you a very good briefing. I think Wisma Putra will give you a good briefing.* So, kalau Yang Berhormat kata bahawa untuk memperkenalkan dasar baharu, itu tidak begitu tepat.

Yang Berhormat, kalau ada cadangan-cadangan baharu, kita terima. Memang dasar, memang kebiasaan bahawa daripada kerajaan yang satu ataupun Menteri Luar yang barukah, bukan memperkenalkan sesuatu. *I have no quarrels on that.* Akan tetapi, kalau Yang Berhormat mengatakan bahawa ini tidak dilaksanakan— *human rights*, saya sendiri pergi ke Geneva, dalam *debate human rights. I have been to more than 70 over countries.* So, *give yourself a chance.* Ini nasihat saya sebagai mantan Menteri Luar. Cuma saya nasihatkan kepada Yang Berhormat, sebelum berucap, *study first*, belajar dulu. *[Tepuk]* Barangkali kalau balik ke kawasan cakup begini, boleh diterima, *with due respect.* Akan tetapi di sini, malangnya mantan Menteri Luar ada secara kebetulan di dalam Dewan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. *[Tepuk]*

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Penjelasan. Penjelasan.**

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Kimanis.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Penjelasan. Penjelasan. Saya minta penjelasan.**

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Penjelasan? *Floor* dia sudah habis.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Penjelasan. Yang Berhormat Kimanis?

**Dato' Sri Anifah bin Aman [Kimanis]:** Boleh, boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Silakan Yang Berhormat Arau.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Silakan Yang Berhormat Arau minta penjelasan daripada Yang Berhormat Kimanis.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Saya minta penjelasan ya. Yang Berhormat sedia maklum bahawa isu Laut China Selatan sepatutnya diketengahkan kerana kita tahu bahawa di kawasan Malaysia sekarang iaitu di Beting Patinggi Ali, terdapat kapal perang asing yang berada di sana. Jadi, sepatutnya pihak kementerian ataupun ucapan Perdana Menteri itu menyentuh perkara ini. Ini supaya negara-negara besar tidak patut campur tangan dalam hal ehwal negara-negara kecil.

Saya percaya tidak ada sentuhan yang dibuat oleh negara besar kepada Laut China Selatan di kawasan Vietnam dan di Indonesia, termasuk juga di Filipina. Akan tetapi di kawasan Malaysia, kita lihat kapal asing berada di sana sejak tahun 2013 sehingga sekarang. Jadi, sepatutnya— ini kerana apabila mereka berada di sana, mereka juga akan menuntut hak selepas ini supaya kawasan zon ekonomi bebas itu juga akan mereka dapat hak bersama. Apakah Yang Berhormat setuju supaya Kementerian Luar memberikan perhatian kepada kehadiran kapal asing ataupun *coast-guard* daripada negara China di kawasan Beting Patinggi Ali?

**Dato' Sri Anifah bin Aman [Kimanis]:** Terima kasih, Yang Berhormat. Mungkin ingin saya perjelaskan juga bahawa Kementerian MITI dan juga Yang Berhormat Arau, kita memang bekerja rapat tentang isu-isu antarabangsa termasuk isu Beting Patinggi Ali. Memang kita menghadapi kesukaran oleh sebab melalui *Nine-Dash Line* ini, Beting Patinggi Ali, negara China mengatakan adalah hak mereka, adalah kawasan mereka. Isu ini kita sering ucapkan bahawa kita haruslah menyelesaikan masalah ini melalui undang-undang antarabangsa dan *United Nations Convention on the Law of the Sea (UNCLOS) 1982*.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak berganjak tentang kedaulatan negara kita. Kita telah katakan di mana-mana juga forum bahawa ini adalah empunya Malaysia. Memang apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Arau selaku mantan menteri yang telah pun diberikan tugas, kita mempunyai kesukaran oleh sebab negara China itu adalah satu negara yang besar. Akan tetapi, kita cuba menyelesaikannya bukan dari segi *military* tetapi kita cuba mencari jalan, kaedah yang terbaik iaitu melalui diplomasi.

So, diplomasi kita juga dihormati di antarabangsa. Inilah sebab-sebabnya kita dipanggil menjadi fasilitator di antara Bangsamoro dan *Philippines Government* dan juga fasilitator di *Southern Thailand*. So, we are well respected. We are well respected. Jadi, saya juga ingin bertanya dengan Menteri Luar apabila masa—saya berikan masa dan saya juga akan bertanya apakah tindakan-tindakan ini yang telah pun diambil untuk menyelesaikan masalah ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Kimanis. Saya minta...

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya hendak pergi ke pembahas yang seterusnya kerana dia telah habis, tamat masa dia.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Sedikit isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kimanis tadi. Mungkin saya ingin mendapatkan sedikit penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Boleh dibangkitkan semasa pembahas yang akan datang.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Baik, boleh. Boleh, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya ingin menjemput Yang Berhormat Sungai Besar untuk memberikan perbahasannya.

12.37 tgh.

Tuan Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Sungai Besar mengambil peluang menyokong usul yang dibawakan oleh Kementerian Luar Negeri dalam masa yang singkat berhubung perjalanan Dasar Luar Negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya mahu mengambil kesempatan ingin mengatakan keterujaan atas kemunculan semula Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir ke Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu pada bulan lepas, selepas 15 tahun terakhir iaitu pada tahun 2003, membawa suara Malaysia, dasar baharu bagi sebuah kerajaan baharu. Saya kira ini adalah satu kehebatan, satu sejarah dunia kepimpinan negara-negara dunia yang kita anggap insan ini memiliki *high-energy level*, dengan izin, pada usia 93 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri saya kira meneruskan ketegasannya sejak tahun 1981 tahun lagi. Meneruskan prinsip keterbukaan, ketegasan dan menjadikan pandangan Malaysia ini sebagai tanda aras, tindak laku kepada negara kuasa besar yang lain. Secara mudahnya, Tuan Yang di-Pertua— saya suka bermadah sebenarnya— Perdana Menteri kita ini, saya anggap kalau terapung di awang-awangan, dia tetap akan menjadi kejora. Kalau terlontar ke dataran, tetap akan menjadi permata. Kalau dihumban ke lautan sekalipun, tetap akan menjadi mutiara. Hatta, kalau dicampak ke laut, *insya-Allah*, tetap akan menjadi pulau.

Kita bangga dengan parameter dasar luar negara Kerajaan Pakatan Harapan dan ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di PBB pastinya menjadi panduan untuk dasar negara pada masa hadapan. Kita melihat tema Perhimpunan Agung PBB ke-73 menjadikan PBB relevan pada semua kepimpinan global dan perkongsian tanggungjawab ke arah masyarakat aman, sama-rata dan mampan. Ini merupakan satu aspirasi kepada Malaysia, mungkin kepada Malaysia baharu, mungkin penyambung kepada yang terdahulu. Akan tetapi, tema ini juga, yang paling jelas, adalah seiring dengan Malaysia baharu yang dibentuk atas mandat kukuh suara rakyat. Komited dalam memastikan setiap rakyat Malaysia memiliki hak sama rata dan perkongsian kemakmuran dan kekayaan negara.

■1240

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong dasar berkecuali terutamanya penghindaran peperangan dan ini akan terus menjadi tonggak kepada negara kita, akan terus menjadi tonggak negara pengaman. Kita sokong Dasar Luar negara mempertahankan hak asasi manusia, nasib orang-orang Islam, isu-isu kesejagatan umat Palestin dan yang lainnya. Kita sokong matlamat pembangunan mampan. Kita sokong cara dasar luar Malaysia baharu yang mengamalkan falsafah memakmurkan jiran. Kita sokong iltizam Malaysia baharu berdasarkan ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkaitan kerangka dasar luar negara dari segi hubungan diplomatik dan hubungan diplomasi. Kita sokong Dasar Pandang ke Timur yang dihidupkan semula termasuklah kerangka pandangan Malaysia ke benua Afrika. Saya juga mencadangkan, Tuan Yang di-Pertua, polisi luar negara...

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Yang Berhormat Sungai Besar, minta laluan Yang Berhormat Sungai Besar.

**Tuan Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar]:** Silakan.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Terima kasih sahabat, Sungai Besar. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam perbahasan daripada Yang Berhormat Sungai Besar itu menyebut berkenaan— begitu juga dengan Yang Berhormat Kimanis tadi, bekas Menteri Luar. Kita hendak berkongsi supaya Menteri Luar Negeri yang baru ini boleh mendapat *additional* input ataupun input tambahan dengan izin supaya kita boleh melakarkan satu peta Kementerian Luar Negeri yang baru, yang lebih *efficient*.

Tadi disebut berkenaan dengan Palestin dan juga Rohingya. Kita hendak tahu setakat sekarang ini, hasil daripada penglibatan Malaysia di dalam krisis-krisis antarabangsa. Itu yang pertama. Keduanya, setakat mana sehingga sekarang ini penglibatan Malaysia dalam krisis Syria yang berlaku akibat daripada kerakusan pemimpin untuk mempertahankan kuasa menyebabkan rakyat menerima akibat daripada peperangan yang dicipta untuk mempertahankan kuasa, akibat daripada kerakusan kuasa ini. Jadi kita hendak tengok tadi banyak disebut berkenaan dengan Palestin dan juga Rohingya tetapi— *Cayman also, okay*, terima kasih. Tambahan untuk Menteri Luar Negeri yang baru untuk Malaysia baharu. Itu persoalan kita.

Di manakah, setakat manakah penglibatan kita dalam isu yang mana berlaku di Syria sekarang. Kita melihat rakyat hari-hari menerima kesan akibat daripada peperangan, kerakusan pemimpin-pemimpin. Kita harap tidak berlakulah di Malaysia ini. Kerakusan yang berlaku pada pemimpin-pemimpin kita untuk mempertahankan kuasa kerana rakyatlah akan menerima akibat daripada segala peperangan yang disebut sama ada peperangan senjata, peperangan budaya, ataupun peperangan perdagangan. Jadi saya hendak minta Yang Berhormat daripada Sungai Besar, dapat penjelasan berkenaan isu Syria ini yang tidak disentuh oleh semua termasuk juga daripada Menteri Luar tadi. Sekian, terima kasih.

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Sungai Besar, sikit saja. Yang Berhormat Sungai Besar, Bagan Serai sedikit. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin patah balik sekali lagi kepada Myanmar yang saya sebut tadi, tentang isu Rohingya ini. Bukan saja dasar kerajaan kita untuk membantu rakyat di Rohingya tetapi bagaimana pula dalam kita katakan keadaan sekarang negara banyak berhutang, kos sara hidup tinggi, hendak membuat perkara ini mengambil masa, bagaimana pula pelarian-pelarian yang tiba ke Malaysia khususnya daripada masyarakat Rohingya ini? Hari itu saya difahamkan ada 60 ribu dan berapakah peratus yang ada sekarang ini? Apakah dasar kerajaan dalam penerimaan pelarian-pelarian daripada negara-negara yang terlibat? Terima kasih.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Sedikit. Terima kasih Yang Berhormat Sungai Besar. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ini membangkitkan isu seperti rakan saya dari Pendang mengenai pembebasan rakan-rakan Muslim Uighur daripada China. Seramai 11 daripada mereka telah dibebaskan dan ini telah membawa kepada negara China tidak berpuas hati dengan Malaysia. Akan tetapi saya bersetuju dengan apa yang dikatakan dengan Yang Berhormat Menteri, *it has to start from home*.

Jadi adakah ini pendirian kita terhadap pelarian-pelarian lain contoh, yang jadi mangsa *oppression* di negara mereka seperti warga Tamil daripada Sri Langka. Ada sesetengah itu sekiranya di hantar balik, mungkin kes akan dibuka dan mereka juga akan menjadi mangsa penggunaan undang-undang yang zalim di negara-negara tersebut. Apa pandangan Yang Berhormat Sungai Besar? Terima Kasih.

**Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]:** Yang Berhormat Sungai Besar, bolehkah saya tanya sikit?

**Tuan Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar]:** Boleh.

**Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya juga ingin menyentuh tentang masalah Rohingya sebab masalah Rohingya ini dia dekat dengan kita. Dekat di hati kita kerana mereka ramai berada di dalam negara kita ini dan menjadi masalah sosial kepada kita di sini. Mereka akan berterusan tiada tempat tinggal, tiada pekerjaan. Mereka akan jadi pengemis di jalan-jalan kita di seluruh ibu negara ini, di Selangor dan sebagainya. Jadi masalahnya, tentu kita di sini membantu mereka secara *ad hoc* tetapi apa yang penting ialah kerana diselesaikan masalah mereka di tempat mereka sendiri, di tanah air mereka sendiri.

Apakah pandangan Yang Berhormat Sungai Besar? Bagaimana dapat perkara ini diselesaikan supaya kita sendiri di Malaysia tidak akan menghadapi masalah berterusan yang tidak dapat kita selesaikan kalau tidak diselesaikan di negara mereka, masalah Rohingya ini. Terima kasih.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Yang Berhormat Sungai Besar, saya mohon sikit mencelah kerana disebut isu Rohingya dan kawasan saya adalah satu kawasan yang paling banyak orang Rohingya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Pertamanya ialah apakah kita pernah ada *engagement direct* dengan Aung San Suu Kyi? Keduanya, seperti yang telah saya hadir perbincangan sebelum ini dan pembacaan saya, keadaan di Myanmar itu sangat unik. Tenteranya ialah kerajaan dalam bayangan, *shadow government* dengan izin. Jadi Aung San Suu Kyi sendiri sebenarnya tidak bebas membuat keputusan besar. Isu Rohingya jadi sangat sensitif dan itu satu isu



yang sangat besar. Itu tentang Rohingya dan saya ada soalan kepada Yang Berhormat Menteri Luar Negeri tentang Uighur tadi. Apakah kita pernah menghantar balik oleh kerajaan yang lepas, pelarian ataupun yang disebut sebagai pencari-pencari suaka dari Uighur kembali kepada China sebelum ini? Terima kasih.

**Tuan Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar]:** Terima kasih kepada sahabat-sahabat daripada Bagan Serai, Yang Berhormat Pendang, Yang Berhormat Batu Kawan, Yang Berhormat Beaufort dan Yang Berhormat Kuala Kedah. Saya mohon Tuan Yang di-Pertua, sebahagian daripada pandangan-pandangan daripada usul saya dan saya mohon kepada Yang Berhormat Menteri dalam proses penggulungan untuk berkongsi berkaitan dengan persoalan-persoalan yang telah dibangkitkan oleh sahabat-sahabat kita daripada Bagan Serai, Yang Berhormat Pendang, Yang Berhormat Batu Kawan dan juga Yang Berhormat Kuala Kedah.

Untuk akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan kepada Kementerian Luar berkaitan dengan polisi luar negara. Saya rasa harus diperbincangkan dalam kumpulan Majlis Perundingan sebagai pandangan kerajaan baru, Malaysia baharu. Saya juga mencadangkan agar segala dasar luar negara mencerminkan hasrat kerajaan baharu yang meletakkan martabat keselamatan dan ekonomi serantau Malaysia berada dalam keadaan selamat. Terima kasih.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]:** Sedikit Yang Berhormat. Sebelum menutup Yang Berhormat, boleh? Terima kasih Yang Berhormat Sungai Besar. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menanyakan lanjutan daripada apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sungai Besar khusus berkaitan tentang bilakah Malaysia akan mengiktiraf konvensyen yang berkait dengan hak pelarian sebagaimana yang digariskan dan diumumkan oleh Perdana Menteri.

Saya fikir ini penting, bukan sahaja isu cuba mengetengahkan konflik-konflik di beberapa negara tetapi dari segi komitmen kita untuk memberikan pemaknaan kepada mereka. Terima kasih Yang Berhormat Sungai Besar.

**Tuan Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar]:** Terima kasih Yang Berhormat Permatang Pauh. Sama, baru hendak sebut Tuan Yang di-Pertua, sudah disebut. Jadi mohon juga kepada Yang Berhormat Menteri nanti.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Yang Berhormat Sungai Besar, di sini Lembah Pantai. Ada satu perkara lagi. Terima kasih Yang Berhormat Sungai besar. Saya ingin bertanya dengan Yang Berhormat Sungai Besar berkenaan dengan pada waktu ini kita tiada kokus Ahli-ahli Parlimen. Malah kita juga belum ada lagi jawatankuasa khas berkaitan dengan isu-isu Dasar Luar negeri.

Adakah Yang Berhormat Sungai Besar bersetuju sekiranya kita usahakan segera satu kokus Ahli-ahli Parlimen yang mungkin sebagai contoh boleh diketuai ataupun dipengerusikan oleh salah seorang daripada Ahli Parlimen. Contohnya, seperti Yang Berhormat Permatang Pauh yang banyak membangkitkan isu berkaitan dengan isu Dasar Luar negeri dan keprihatinan beliau tentang perkara-perkara berkaitan dengan pelarian dan sebagainya. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Ada lagi jawatankuasa khas berkaitan dengan isu-isu dasar luar negeri. Adakah Yang Berhormat Sungai Besar bersetuju sekiranya kita usahakan segera satu *caucus* Ahli-ahli Parlimen yang mungkin sebagai contoh boleh diketuai ataupun dipengerusikan oleh salah seorang daripada ahli Parlimen. Contohnya seperti Yang Berhormat Permatang Pauh yang banyak membangkitkan isu-isu berkaitan dengan isu dasar luar negeri dan keprihatinan beliau tentang dengan perkara-perkara berkaitan dengan pelarian dan sebagainya. Apa pandangan Yang Berhormat?

■1250

**Tuan Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar]:** Terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai. Tuan Yang di-Pertua, tadi saya menyebut berkaitan dengan cadangan, berkaitan dengan polisi dan sebagainya. Kita bantangkan dalam Majlis Perundingan dan kita juga bersetuju, mohon kepada Yang Berhormat Menteri, kita juga bersetuju satu jawatankuasa segera dibentuk berkaitan dengan pandangan kita, polisi kita, polisi luar negara kita pada masa hadapan. Jadi Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Sungai Besar menyokong usul. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Sungai Besar, ada tujuh celahan tadi. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Padang Terap untuk memberikan perbahasan beliau.

12.51 tgh.

**Dato' Seri Mahdzir Khalid [Padang Terap]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat. Pada 28 September 2018, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Langkawi telah menyampaikan ucap ataupun ucapan beliau di sesi yang ke-73 di *General Assembly of the United Nations* (UNGA) dan ada beberapa perkara yang telah disentuh oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang secara keseluruhannya melibatkan perkara-perkara yang berlaku di dalam negara. Yang

keduanya perkara-perkara yang di luar negara, hubungan diplomatik di antara negara Malaysia dengan negara serantau dan di seantero dunia.

Salah satu perkara yang saya kira Yang Amat Berhormat sebut berkaitan dengan demokrasi, tentang prinsip kebenaran, hak asasi manusia, *human rights* dengan izin, kedaulatan undang-undang, *rule of law*. Ini perkara yang disebut oleh Yang Amat Berhormat secara jelas di dalam ucapan beliau dan sentuhan mengenai dengan demokrasi itu beliau nyatakan bahawa kebanyakan daripada negara ataupun parti politik telah memilih kecenderungan untuk menjadi populis dan kemudiannya telah meletakkan salah satu komponen yang penting untuk berjaya dalam negara masing-masing ialah yang berkait dengan nasionalis kepada parti politik itu.

Konsep Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebut itu pada beliau adalah lari daripada prinsip hak asasi manusia dan prinsip kebenaran dalam demokrasi. Perkara ini saya kira bahawa kalau kita tengok kepada apa yang berlaku dalam negara Malaysia, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyebut tentang demokrasi dan politik dalam negara dan juga parti-parti politik.

Pilihan raya yang ke-15 telah berlalu dan pilihan raya ini telah - 14, tidak sampai lagi 15, minta maaf. Pilihan raya yang ke-14 yang lalu telah menunjukkan bahawa ada elemen yang, perkara yang ada kaitan dengan prinsip kebenaran dan hak asasi manusia. Apabila Pakatan Harapan meletakkan manifesto untuk Pilihan Raya ke-14 dan kemudiannya Yang Amat Berhormat sendiri, Perdana Menteri sendiri menyebut bahawa manifesto itu tidak dapat dilaksanakan atas beberapa sebab dan prinsip. Jadi pada saya kita hendak lihat bagaimana hak asasi manusia, prinsip kebenaran yang disebut oleh Yang Amat Berhormat dalam Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu itu dapat dilaksanakan dalam peringkat negara Malaysia.

Yang keduanya disebut kedaulatan undang-undang, *rule of law* dan ini pun salah satu perkara yang masyarakat hari ini boleh melihat dan mempertikaikan perkara-perkara yang ada kaitan dengan kedaulatan undang-undang. Bagaimana beberapa kes yang kita tahu bahawa kemudiannya boleh diberi pembebasan dan pelepasan oleh mahkamah.

Perkara lain yang disebut oleh Perdana Menteri berkaitan dengan Dasar Luar Malaysia Baharu. Saya kira Yang Berhormat Kimanis telah memberikan satu *statement* yang jelas tadi berkaitan dengan Dasar Luar Negara Malaysia. Apa yang kita hendak bawa dalam hubungan antarabangsa? Hubungan antarabangsa adalah hubungan perdagangan, hubungan diplomatik, hubungan serantau dan pelbagai kenyataan telah dikeluarkan oleh agensi kerajaan dan juga persatuan-persatuan perdagangan

khususnya yang melibatkan hubungan antara Malaysia dan China. Apabila beberapa perkara yang rasa semacam tidak puas hati berlaku di antara kedua-dua belah pihak.

Saya kira bahawa dalam satu, muka hadapan surat khabar yang dikeluarkan oleh surat khabar di negara China yang menyatakan bahawa dasar kita menjadi *flip-flop*. Ada kenyataan untuk membatalkan projek di antara Malaysia dan China. Kemudian ada kenyataan yang ditunda, kemudian ada kenyataan kemudiannya mungkin dirunding semula. Jadi ini memberi kesan yang tidak baik antara hubungan di antara dua negara.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Mohon mencelah.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** Minta pencelahan.

**Dato' Seri Mahdzir Khalid [Padang Terap]:** Yang Berhormat Kuala Kedah dulu.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Yang Berhormat Kangar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Kangar dulu.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Saya mungkin hendak tanya di sini sama ada perlu untuk kerajaan baharu sekarang, kita melakukan satu proses yang baru supaya pada masa akan datang sebarang perjanjian-perjanjian perdagangan ataupun perniagaan yang jumlahnya terlalu besar untuk mengelak berulang lagi keperluan untuk kita untuk meminda ataupun membatalkan projek-projek yang sebegini, seharusnya diluluskan melalui satu proses perbahasan di Parlimen. Minta pandangan.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Yang Berhormat Padang Terap, minta sikit Yang Berhormat Padang Terap. Yang Berhormat Pendang minta.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** Yang Berhormat Pendang sat lagi. Terima kasih Yang Berhormat Padang Terap, ada dua isu yang saya hendak bangkitkan. Satu isunya ialah apabila Yang Berhormat Padang Terap menyentuh tentang *rule of law*, tentang komitmen kerajaan dalam memastikan bahawa perundangan itu dapat dilaksanakan dengan seadil-adilnya. Itu yang saya nampak. Namun saya hendak jelaskan bahawa kita akan tidak menzalimi mana-mana pihak. Itu jelas, itu kerangka dasar yang kita telah persetujuan dan kerangka ini akan dipegang. Jadi keperluan ketakutan bagi mereka yang tidak melakukan kesalahan, tidak wujud. Cuma mereka yang melakukan kesalahan itu berada dalam posisi yang perlu diadili kerana itulah persepsi yang dilihat oleh rakyat menampakkan berlakunya ketirisan dan juga berbagai-bagai pandangan rakyat yang lain. Jelas kita hendakkan keadilan itu ditegakkan.

Kedua, apabila berlakunya yang dimaklumkan tentang laporan di akhbar China mengatakan *flip-flop* dan sebagainya. Kita mengambil ketetapan jelas iaitu kita tidak akan membazirkan wang rakyat dan mana-mana projek yang dilihat membebankan rakyat akan dikaji semula dan ini juga mesti ditegaskan bahawa kita tidak akan memberi bebanan yang keterlaluan kepada negara kerana tanggungan atas perjanjian-perjanjian tertentu akan membolehkan negara ini dalam keadaan yang kritikal. Jadi saya harap Yang Berhormat Padang Terap jelas dalam soal dasar kerangka yang telah kita hidangkan kepada rakyat. Terima kasih.

**Dato' Seri Mahdzir Khalid [Padang Terap]:** Layak menjadi Menteri MITI.  
[Ketawa]

**Beberapa Ahli:** [Ketawa]

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Terima kasih Yang Berhormat Padang Terap, terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak menyentuh berkenaan dengan hubungan diplomatik yang disebut tadi yang mana akan menimbulkan kalau kita silap membuat perhitungan akan menimbulkan imej yang tidak baik pada negara. Contohnya, penarikan balik tentera daripada pakatan Arab Saudi yang mana atas alasan yang sebenar ataupun alasan yang lain. Begitu juga kita *double standard*.

Kita mengekalkan tentera di Lebanon walaupun atas nama *United Nations*. Kedua-dua tidak melibatkan peperangan, hanya membantu. Tetapi kenapa ditarik balik di Arab Saudi, dikekalkan di Lebanon. Ini saya mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Padang Terap dan juga kita minta penggulangan Yang Berhormat Menteri Luar nanti supaya memberi jawapan yang kita tidak hendak persepsi menyebabkan Malaysia ini ada benda lain sebagai satu membuat keputusan. Saya tidak mahu sebut. Yang Berhormat Arau sebut, tanya Yang Berhormat Arau. Sekian terima kasih Yang Berhormat Padang Terap.

**Dato' Seri Mahdzir Khalid [Padang Terap]:** Ucapan Yang Berhormat Pendang dimasukkan dalam ucapan saya sekali.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Padang Terap.

**Dato' Seri Mahdzir Khalid [Padang Terap]:** Yang Berhormat Kapar, saya tengok ucapan baik. Boleh jadi Yang Berhormat Menteri bila Yang Berhormat Port Dickson jadi Perdana Menteri nanti.

**Beberapa Ahli:** [Ketawa]

**Dato' Seri Mahdzir Khalid [Padang Terap]:** Hubungan luar negara Malaysia mestilah jelas.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Padang Terap. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua cakap sini. Yang Berhormat Padang Terap masa sudah pukul 1, boleh sambung kemudian dan saya hendak memaklumkan ada beberapa pembahas lagi. Kita telah ada lima pembahas.

**Dato' Seri Mahdzir Khalid [Padang Terap]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Selepas daripada itu ya. Saya cuma hendak memaklumkan ada beberapa lagi. Yang Berhormat Ledang, Yang Berhormat Hulu Langat, Yang Berhormat Kota Bharu, Yang Berhormat Rembau, Yang Berhormat Tuaran, Yang Berhormat Arau dan juga Yang Berhormat Lembah Pantai yang akan berbahas selepas daripada ini. Jadi, Ahli-ahli Yang Berhormat, kita berhenti rehat. Terima kasih.

***[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.01 tengah hari]***

■1430

***[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]***

***[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming) mempengerusikan Mesyuarat]***

**2.32 ptg.**

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, perbahasan diteruskan. Saya jemput Yang Berhormat Padang Terap. Yang Berhormat ada lima minit lagi. Dipersilakan.

**Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas peluang ini dan saya akan meneruskan ucapan saya dari tengah hari tadi.

Berhubung dengan hubungan diplomatik, saya sebut pagi tadi mengenai hubungan dengan negara China dan ada rakan-rakan lain yang menyebut mengenai dengan negara Arab Saudi dan juga hubungan dengan Singapura. Ini persepsi di luar sana berkaitan dengan hubungan kita dengan negara di atas tindak balas dan apa juga sebutan yang kita sebut.

Jadi saya mencadangkan supaya apa juga yang hendak dibuat, hubungan diplomatik dengan negara luar ini mestilah dibuat dengan cara yang terbaik. Ini kerana saya faham, saya fikir pegawai-pegawai di Kementerian Luar Negeri dan juga diplomat-diplomat kita yang ada di seluruh dunia adalah para pegawai yang terlatih dan tahu

sebenarnya bagaimana untuk membawa rundingan di antara sebuah negara dengan negara yang lain. Berilah kepercayaan kepada mereka sebab kalau tidak, kita akan menjadi masalah. Salah satunya seperti mana yang kita tahu, ada negara yang kita sangat bergantung komoditi. Tadi, ramai rakan Ahli Yang Berhormat sebut mengenai dengan kelapa sawit. Bagaimana kalau negara China misalnya tidak membeli kelapa sawit, membeli getah dan lain-lain perdagangan.

Selain daripada itu, kita juga mempunyai masalah sekiranya kita tidak berhati-hati. Yang Berhormat Menteri Luar Negeri misalnya pernah ada sedikit kontroversi mengenai dengan Yang Berhormat Menteri *tweet*, mengenai dengan ada dua negara yang Yang Berhormat tidak suka melawat. Walaupun Yang Berhormat selepas itu memadam *tweet* itu, tetapi pada pandangan di luar, Yang Berhormat adalah merupakan diplomat nombor satu dalam hubungan antara negara sebab Yang Berhormat adalah Menteri Luar Negeri. Pada saya, bukan soal itu tetapi pada kita adalah bagaimana untuk memberi satu pandu arah yang jelas dan sihat dalam hubungan luar negara.

Perkara lain yang hendak disentuh, yang telah disentuh oleh Yang Amat Berhormat dalam ucapannya adalah berkaitan dengan Palestin. Kita kira kita menyokong usaha-usaha untuk membantu rakyat Palestin kerana rakyat Palestin ini adalah merupakan – ini bukan soal agama, bukan soal budaya tetapi soal kemanusiaan. Bagaimana sebuah bangsa yang kemudiannya telah ditindas dan kemudian Israel telah mengambil kesempatan ke atas bumi Palestin. Sehingga hari ini, sewaktu kita sedang bersidang di Dewan ini, Tuan Yang di-Pertua, kejadian pembunuhan ke atas rakyat Palestin berterusan. Jadi apa-apa juga langkah diplomatik ataupun hubungan antarabangsa untuk membantu, kita kira adalah merupakan sesuatu yang sangat dialu-alukan. Namun begitu, kita berharap bahawa bukan sahaja ucapan di PBB tetapi ada langkah-langkah lain yang boleh diambil untuk memberi pembelaan kepada rakyat Palestin yang sedang menghadapi kesengsaraan di bumi Palestin.

Pada masa yang sama, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga menyebut mengenai dengan satu lagi perkara yang menjadi prinsip dalam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu iaitu ada *veto power* yang kemudiannya boleh memutuskan apa juga perkara yang pada pandangan mereka tidak bersesuaian dengan mereka, mereka telah memutuskan melalui kuasa veto. Ini satu lagi barangkali yang disebut melanggar prinsip kehidupan sejagat yang barangkali boleh kita memberi sokongan. Ini kerana apa-apa juga yang mengenai dengan veto ini sama ada perkara di antarabangsa ataupun prinsip dalam sebuah negara demokrasi, saya ingat perkara yang berkaitan dengan veto ini adalah sangat tidak sesuai kerana semua dibawa untuk dibawa berbincang dalam

*collective decision*, keputusan bersama dan akhirnya membawa kepada kebahagiaan. Jadi kita kira bahawa apa juga yang bersesuaian dengan sebuah negara demokrasi yang konservatif dan progresif adalah sesuai untuk negara Malaysia. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat kerana menepati masa. Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Batu Kawan. Sila.

### **2.38 ptg.**

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada 28 September yang lalu, lahirnya satu perasaan bangga dan megah bukan sahaja di kalangan rakyat Malaysia tetapi dapat dilihat sendiri penghormatan baru yang diberikan oleh pemimpin dunia terhadap pimpinan Kerajaan Pakatan Harapan yang diterajui oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapan gah beliau dalam Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) di New York, yang jelas membuktikan komitmen, usaha dan ikhtiar serta iltizam dan azam politik untuk membawa bukan sahaja reformasi dan pembaharuan dalam tatacara pentadbiran sesebuah kerajaan berlandaskan prinsip akauntabiliti, transparensi dan juga mengikut lunas undang-undang yang sedia ada. Satu kala dahulu, rakyat Malaysia terpaksa menunduk kepala kerana malu. Bukan kerana negara tetapi di atas urus tadbir satu rejim kleptokrasi yang bermaharajalela selama lebih sembilan tahun.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut janji ke-26 dalam Manifesto Pakatan Harapan, salah satu usaha untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang mempunyai rekod hak asasi manusia yang dihormati dunia adalah untuk Kerajaan Pakatan Harapan meratifikasi Konvensyen Antarabangsa Mengenai Hak Politik dan Sivil atau dengan izin, *International Covenant on Civil and Political Rights*, dengan izin juga, *International Convention on the Elimination of All Forms of Racial Discrimination*; *United Nations Convention Against Torture and Other Cruel, Inhuman or Degrading Treatment or Punishment*; *International Covenant on Economic, Social and Cultural Rights*; *International Convention on the Protection of the Rights of All Migrant Workers and Members of Their Families* dan juga dengan izin, *International Convention for the Protection of all Persons from Enforced Disappearance* dan *International Convention on the Elimination of All Forms of Racial Discrimination*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

### **■1440**

Pada masa yang sama, saya berharap Kerajaan Pakatan Harapan akan mengubah pendirian terhadap beberapa pengecualian dalam CEDAW dan



*Convention on the Rights of the Child* (CRC) dan menerima semua syor-syor dalam konvensyen-konvensyen tersebut termasuklah meratifikasi Konvensyen Pelarian 1951 atau Protokol 1967 supaya hak dan status pelarian di negara Malaysia dapat disahkan dan dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, adalah penting untuk negara Malaysia sebagai satu negara anggota ASEAN untuk menyokong segala usaha untuk membantu pelarian Rohingya yang menjadi satu isu yang hangat diperbincangkan di persidangan PBB sendiri. Pada awal bulan September, saya bersama-sama Ahli Parlimen, Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua sendiri telah menghadiri Persidangan *ASEAN Inter-Parliamentary Assembly* di Singapura dan dalam perbincangan untuk meluluskan usul keselamatan ASEAN dalam jawatankuasa politik.

Beberapa isu yang telah disentuh, di antaranya melawan jenayah transnasional seperti operasi pengganas (*terrorism*), perdagangan orang, penyeludupan orang, penyeludupan hidupan liar, pengubahan wang haram, penyeludupan senjata dan aktiviti lanun di perairan ASEAN turut dibincangkan dalam jawatankuasa politik. Namun isu yang panas tetap isu pelarian Rohingya. Usul tersebut telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Parlimen negara Indonesia, disokong oleh Ahli-ahli Parlimen daripada negara Malaysia tetapi ditentang hebat oleh Ahli-ahli Parlimen dari negara Myanmar.

Saya faham bahawa semangat ASEAN adalah secara keseluruhan, *it's an inclusive spirit* dengan izin. Maka, mana-mana negara yang membantah apa-apa usul yang telah dibangkitkan, bermakna semua usul-usul yang lain turut serta tidak dipersetujui. Sebagai contoh dalam jawatankuasa politik tersebut, kami telah bersetuju di atas isu-isu *maritime security, piracy*, dengan isu *financing terrorist activities*. Isu-isu tersebut telah pun dipersetujui tetapi memandangkan Myanmar sendiri tidak bersetuju dengan usul mengenai negara mereka, maka kesemua usul-usul yang lain dalam jawatankuasa politik itu terpaksa ditarik balik.

Jadi, saya harap mungkin pihak kementerian boleh mencari satu penyelesaian dengan izin, *this exclusivity or inclusivity is a double-edged sword*, Tuan Yang di-Pertua. Apabila sebuah negara membantah, maka *all the other usul are taken pulled back, so I hope we can find some middle ground* untuk pastikan usul-usul yang lain terus dikekalkan supaya dapat dijunjung oleh negara-negara dalam ASEAN ini.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini negara Cambodia telah melangsungkan pilihan raya mereka dan walaupun Presiden Hun Sen telah menang dengan majoriti yang besar, namun kemenangan tersebut dicapai dengan penindasan hak-hak asasi dengan izin, *civil liberties* juga terhadap terutama sekali pihak pembangkang dan juga

pihak media. Bermula dengan tindakan memenjarakan ketua parti politik pembangkang, Kem Sokha dan mahkamah yang dipercayai terletak di bawah kuasa Hun Sen telah mengarahkan agar parti politik pembangkang CNRP dibubarkan yang menyebabkan ahli-ahli mereka termasuk Ahli Parlimen menjadi buruan kerajaan dan terpaksa mendapat perlindungan sebagai pelarian politik di negara lain.

Saya harap Malaysia sebagai satu anggota ASEAN ini dapat bersuara untuk Ahli-ahli Parlimen, wakil-wakil rakyat daripada mana-mana negara apabila negara itu mula menzalimi Ahli-ahli Parlimen mereka sendiri kami bersuara untuk memastikan bahawa semangat demokrasi, amanah dan keadilan tetap dijunjung dan dihormati di benua ASEAN ini.

Tuan Yang di-Pertua, Pelan Hak Asasi Manusia Kebangsaan akan diperbaiki dan dilaksanakan sepenuhnya sekiranya wujudnya satu iltizam atau dengan izin, *political will* oleh Kerajaan Pakatan Harapan. Matlamat kita adalah supaya kedudukan Malaysia dalam *Universal Periodic Review* menjadi lebih baik dalam bulan November ini dan peningkatan prestasi selaras dengan perkembangan dunia.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang sama kita juga perlu menjunjung prinsip-prinsip hak asasi manusia yang terkandung dalam *Universal Declaration of Human Rights*. Artikel 18, dalam *Universal Declaration of Human Rights* jelas menyatakan dengan izin. “*Everyone has the right to freedom of thought, conscience and religion; this right includes freedom to change his religion or belief, and freedom, either alone or in community with others and in public or private, to manifest his religion or belief in teaching, practice, worship and observance.*”

Saya membangkitkan isu ini Tuan Yang di-Pertua, sebab mengikut laporan *UN Special Rapporteur on Freedom of Religion or Belief*, Mr. Ahmed Shaheed yang saya percaya telah berurusan dengan Menteri Luar Negeri telah mencadangkan bahawa semua negara perlu mempromosikan pendekatan di peringkat tempatan, kebangsaan dan rantau ASEAN terutama sekali untuk mempromosikan dan memberi perlindungan yang mencukupi bagi kebebasan agama dan kepercayaan termasuklah yang tidak mempunyai agama atau kepercayaan.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini Malaysia terletak di *tier* dua dalam laporan Amerika Syarikat, *The US Commission on International Religious Freedom* dan mengikut laporan tersebut beberapa syor telah ditetapkan untuk memastikan kebebasan agama dan kepercayaan di Malaysia terus berkembang mekar, dihormati dan mengikut lunas undang-undang yang sedia ada.

Saya ingin mencadangkan di sini, mengikut apa yang telah disyorkan oleh USCIRF ini adalah untuk memastikan satu-satu kerajaan bahawa hak asasi manusia dan kebebasan agama dan kepercayaan di setiap peringkat terutama sekali dalam perhubungan *partnership* dengan Amerika Syarikat dan Malaysia dikekalkan dan diperkembangkan bahawa semua undang-undang Malaysia yang sedia ada diselaraskan mengikut dengan izin, *International Human Rights Standard* terutama sekali dalam pengamalan dan menganuti kebebasan agama dan kepercayaan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Kangar ingin mencelah.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Mohon mencelah.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Enam minit lagi.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Terima kasih Yang Berhormat Batu Kawan. Saya cuma nak minta sedikit tambahan kalau boleh minta Yang Berhormat Menteri dapat jelaskan kenapa kerajaan sebelum ini mengambil keputusan untuk tidak menandatangani atau meratifikasi konvensyen-konvensyen yang disebutkan oleh Yang Berhormat Batu Kawan sebentar tadi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat, sila.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Terima kasih rakan saya dari Kangar, saya mohon untuk soalan tersebut dimasukkan dalam ucapan saya. Isu mengenai kebebasan agama dan kepercayaan. Saya ingin membangkitkan dua isu yang masih lagi belum mendapat keputusan iaitu penggunaan kalimah Allah dan pemilikan bahan-bahan keagamaan. Walaupun ia nya isu yang sensitif tetapi perlu disebut juga memandangkan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi bahawa dengan izin, *we need to start from home*.

Sekiranya pembaharuan atau reformasi kebebasan ini tidak boleh dilakukan di negara kita, *then* macam mana kita nak mempromosikan atau menjadi dengan izin, *defenders and promoters of human rights in other countries*.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Pakatan Harapan harus juga menjadi dengan izin, *signatory* kepada..

**Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran]:** Mohon penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Batu Kawan, Yang Berhormat Tuaran nak minta mencelah, boleh?

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Okey sekejap, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, Yang Berhormat Tuaran. Sila.

**Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran]:** Terima kasih Yang Berhormat Batu Kawan. Adakah Yang Berhormat Batu Kawan bersetuju dalam mempertingkatkan lagi hal-hal berkaitan dengan kebebasan beragama di negara ini supaya satu pekeliling yang dikeluarkan oleh kerajaan sekitar tahun 1966 yang mengatakan, ada senarai perkataan tertentu yang hanya boleh digunakan oleh orang-orang Islam. Surat pekeliling ini telah digunakan oleh pegawai-pegawai untuk menguatkuasakan kemasukan makalah-makalah ataupun risalah-risalah tertentu di negara ini dan ia bukan berbentuk undang-undang cuma satu *circular*. Adakah Yang Berhormat bersetuju supaya surat pekeliling ini ditarik balik.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Terima kasih Yang Berhormat Tuaran di atas soalan tersebut. Saya rasa soalan ini baik dijawab oleh pihak kementerian dan mungkin di bawah nasihat daripada Peguam Negara. Akan tetapi saya bersetuju dengan soalan tersebut, saya rasa pada zaman ini tahun 2018, dalam era globalisasi *Fourth Industrial Revolution* tiada lagi tempat untuk mana-mana parti-parti politik memainkan isu-isu agama atau isu-isu kaum untuk kepentingan politik mereka sendiri, yang jelas dapat dilihat apabila pertukaran kerajaan berlaku pada 9 Mei yang lepas, di mana parti-parti politik berasaskan agama atau kaum ini disisihkan ataupun tidak diberi sokongan daripada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya sambung tiga minit lagi. Salah satu syor daripada USCIRF juga adalah pemansuhan Akta Hasutan yang digunakan sebagai satu senjata untuk menutup mulut rakyat Malaysia yang ingin bertanyakan isu-isu yang kononnya sensitif mengenai isu-isu kebebasan agama dan kepercayaan. Salah satu syor juga adalah untuk menghentikan penangkapan dan penahanan individu-individu yang menganut agama-agama seperti *Syiah, Ahmadiyah, Bahai* dan sebagainya, mengikut perkara 11 dalam Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan, "*Agama Islam merupakan agama persekutuan dan agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai, di mana-mana bahagian Persekutuan*".

#### ■1450

Kerajaan Pakatan Harapan haruslah memberi sokongan kepada institusi awam seperti kehakiman, Pejabat Peguam Negara, pihak penguatkuasaan, sistem Mahkamah Syariah supaya semua penduduk dan penghuni Malaysia dapat menikmati kebebasan untuk menganut dan...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat Batu Kawan, penjelasan. Yang Berhormat Batu Kawan, penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Arau.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Dua minit lagi, Yang Berhormat Arau.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Sedikit sahaja.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** 30 saat. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Okey, okey, *no problem*. Kita kawan. Yang Berhormat Batu Kawan menyebut tentang fahaman Syiah, Wahabi dan sebagainya. Itu bukan agama, itu fahaman. Perkara 11 itu tadi disebut agama itu, untuk makluman Yang Berhormat.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Saya rasa bukan tempat saya untuk mempertikaikannya tetapi kalau kita tanya kepada kawan-kawan Syiah kita, mereka akan menyatakan itu adalah agama mereka. *So, this is what...*

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Fahaman, fahaman, Yang Berhormat. Syiah ialah fahaman, bukan agama.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** *That is what you say, Yang Berhormat. That is not what they say.*

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** *No, no. They cannot claim the Syiah* ialah agama. Fahaman.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** *Yes, but Iranians in Iran are Syiah and that is faith they follow. Anyway,* ini bukan tempat saya untuk mempertikaikan. Saya biarkan Yang Berhormat Menteri atau Menteri Agama untuk...

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Ini sekarang dasar luar negeri. Sila fokus, fokus.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** *Yes, thank you.* Terima kasih. Jadi saya berharap dengan pembaharuan ini, semua penduduk dan penghuni rakyat Malaysia walaupun bukan warganegara, dapat menikmati kebebasan untuk menganut dan mengamalkan agama mereka tanpa apa-apa halangan.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Luar Negeri. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Batu Kawan. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Rembau untuk mengambil bahagian dalam perbahasan. Sila.

**2.51 ptg.**

**Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-

Pertua. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Luar Negeri di atas pembentangan usul yang membentangkan kerangka baharu dasar luar negeri negara Malaysia yang berasaskan kepada ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu baru-baru ini.

Saya ingin nyatakan bahawa ucapan Perdana Menteri bukan perkara baharu dan bukanlah menjadi asas kepada dasar baharu. Ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebahagian besarnya adalah *reiteration* ataupun ucapan semula asas-asas dasar luar negeri yang telah pun diperjuangkan oleh Wisma Putra selama berpuluh tahun.

Antara *reiteration* yang disebut dalam ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di *UN General Assembly* baru-baru ini adalah *reform* Majlis Keselamatan PBB. Perkara ini kalau disemak arkib ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Menteri-menteri Luar di *General Assembly United Nations* untuk bertahun-tahun sebelum ini, banyak disebut berkenaan dengan *reform of the UN Security Council*, dengan izin.

Antara lain kita pernah dengar cadangan daripada Kofi Annan pada tahun 2005, *Coffee Club*, yang telah menyatakan pembesaran Ahli Majlis Keselamatan PBB. Namun demikian, saya ucapkan tahniah kerana *reiterate*, disebutkan semula oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kali ini.

Cuma saya melihat ucapan beliau, dengan izin, perengganannya adalah, "*I had suggested that the veto should not be just by one permanent member but by at least two powers backed by three non-permanent members of the Security Council. The General Assembly should then back the decision with a simple majority. I will not say more.*" Itu sahaja perenggan 43.

Jadi soalan saya, jika disebut perkara ini, apakah komitmen Malaysia untuk memastikan bahawa segala perancangan yang telah disebutkan daripada zaman Boutros Boutros-Ghali lagi untuk direkayasa sistem Majlis Keselamatan PBB ini dapat betul-betul diusahakan ataupun *I shall say no more about that matter, this just one paragraph*? Itu *reiteration* yang pertama.

Kedua adalah berkenaan dengan isu-isu sejagat yang dibangkitkan bukanlah perkara yang baharu. Isu Rohingya. Pendekatan dan pendirian kita disebut Malaysia selaku Pengerusi ASEAN tahun 2015 dengan tegas menyatakan bantahan kita terhadap layanan penduduk ataupun rakyat di *Rakhine State* etnik Rohingya di Myanmar. Kita telah menganjurkan beberapa siri misi kemanusiaan yang disokong oleh kerajaan termasuk *Food Flotilla for Myanmar*, pembinaan Hospital Medan di Cox's Bazar yang

telah dilaksanakan oleh Angkatan Tentera Malaysia dan juga NGO-NGO lain yang telah dibuka pada November 2017.

Jadi perkara ini adalah perkara yang bukannya baharu tetapi perkara yang menjadi kesinambungan daripada dasar yang lepas yang sebenarnya tidak menuntut kerangka baharu dasar luar negeri dan sebagainya. Cuma apabila disebut bahawa *we want to take a strongest stand*, dengan izin, berkenaan dengan Myanmar, kita tidak lagi akan memberi sokongan kepada *State Counsellor* Aung San Suu Kyi, maka apakah sebenarnya tindakan kita yang kita hendak buat? Kalau sekiranya kerajaan dahulu kita fokus kepada misi kemanusiaan, dengan flotila, dengan *field hospital* dan sebagainya, tetapi sekarang ini...

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** [*Bangun*]

**Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Duduk. Sekarang ini kita hendak melihat bagaimana kita hendak pastikan bahawa dalam konteks kita akan ada *constructive engagement* dalam ASEAN? Dalam hal ini, kita tidak lagi boleh membiarkan *non-interference*. Pernah Malaysia dalam sejarah dasar luar negeri kita, pernah kita mengambil pendirian bahawa *we will put aside non interference*, dengan izin. Contoh, dalam kes Bosnia, contoh dalam kes Kosovo dan sebagainya, kita menyokong supaya ada *military intervention* dalam keadaan tersebut. Ini adalah *the Bosnia of our generation, at our door step*. Ini adalah genosid, Tuan Yang di-Pertua. *Genocide* yang berlaku di dalam rantau Asia Tenggara, *genocide* yang berlaku di dalam negara jiran kita.

Jadi, soalan di sini adalah bukan hanya kita menyatakan retorik, bukan hanya kita keluarkan pendekatan untuk ada misi kemanusiaan yang dibuat oleh kerajaan sebelum ini, tetapi seperti mana saya pernah usulkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri sebelum ini adalah kita ambil tindakan yang lebih tegas terhadap Myanmar dengan kita menggantungkan keahlian Myanmar daripada ASEAN. Itu baru tindakan tegas. Itu barulah satu pembaharuan dalam dasar luar dan bukan hanya *reiteration* sahaja.

Isu Palestin pula adalah isu yang sering kali dibangkitkan oleh negara Malaysia termasuk dahulu zaman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri jadi Perdana Menteri kali pertama sampailah ke hari ini. Akan tetapi saya cuma ingin menyatakan bahawa ini bukan satu-satunya *root cause*, dengan izin, kepada keganasan yang berlaku di negara pada hari ini.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Kangar hendak mencelah. Tidak dibenarkan.

**Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Kalau kita melihat kepada keganasan yang berlaku di dunia pada hari ini, ia *multi-dimensional*. Kalau kita hanya masih lagi berpegang kepada pendirian dan pemikiran bahawa *root cause* adalah isu Palestin sahaja, kita sebenarnya tidak melihat kepada bagaimana ada banyak lagi asas dan juga sebab yang menyebabkan keganasan yang berlaku pada hari ini dan kita tidak dapat mengambil tindakan untuk mengatasi apakah yang menjadi *root cause* yang sebenar kepada *terrorism*.

Saya bagi contoh. Antara sebab berlakunya Daish dan IS dan sebagainya bukan sangat isu soal isu Palestin tetapi lebih kepada perbalahan antara Sunni dan Syiah, antara pemikiran Sunni. Yang Berhormat Arau, macam mana tadi kefahaman Syiah dengan Sunni? Di Afghanistan berlakunya semula fenomena Taliban dan pembangunan semula Taliban adalah bukan kerana *Palestinian* isu tetapi adalah kegagalan masyarakat dunia antarabangsa memahami *tribal rivalry* yang berlaku di Afghanistan antara Pashtun yang menjadi majoriti daripada Taliban dan juga golongan minoriti seperti Hazara, seperti Tajik, Uzbek dan sebagainya. Jadi isu ini semua perkara-perkara lama yang perlu dilihat semula tetapi tidaklah menjadi satu kerangka baharu dalam dasar luar negeri.

Dasar Laut China Selatan. Ini medan *real politic* di rantau kita sendiri. Kalau kita cakap soal medan *real politic* di rantau Asia Pasifik adalah Laut China Selatan. Pendirian kita dan pendirian yang disetujui oleh negara China adalah bahawa kawasan ini, Laut China Selatan, tidak akan di *militarize* ataupun tidak akan disenjatakan. Akan tetapi, gambar-gambar satelit telah menunjukkan bahawa *they have militarize the South China Sea with military and air capabilities*.

Saya difahamkan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memberi gambaran bahawa Malaysia akan mengkaji semula *code of conduct* di Laut China Selatan ataupun kerangka kod tatalaku di Laut China Selatan. Saya ingin tahu, apakah dalam konteks kerangka *this new Mahathir's doctrine or Saifuddin's doctrine or whatever you want to call it*, apakah pendirian kita berkenaan dengan Laut China Selatan memandangkan inilah gelanggang medan *real politic* utama dalam kawasan kita?

Saya hendak pergi kepada beberapa kelompangan ataupun satu kelompangan besar dalam ucapan yang tidak disentuh oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Kita hendak menjadi pejuang kepada isu sejagat, kita hendak jadi pejuang kepada kuasa-kuasa besar yang menindas minoriti dan sebagainya.



**■1500**

Satu perkara yang besar yang terlepas dalam ucapan di UNGA baru-baru ini, di PBB baru-baru ini adalah tindakan Kerajaan China terhadap etnik Uyghurs di Xinjiang. Ini merupakan satu isu yang telah tidak disentuh banyak. Ketika banyak negara lain seperti Amerika Syarikat, Australia dan sebagainya menyatakan bantahan mereka terhadap tindakan Kerajaan China, kerajaan kita masih lagi tidak jelas pendirian dalam perkara ini. Jikalau kita mengambil keputusan bahawa *our international relations is based on ideals*, bukan *realist* tetapi *based on ideals, morals*, maka perlulah kita ada satu pendekatan yang sama rata berkaitan dengan penindasan kepada mana-mana golongan minoriti, baik di Rakhine State, baik di Xinjiang yang sedang berlaku di negara China. Maka, kita kena ada *clarity* dan *consistency*, dengan izin, berkenaan dengan perkara tersebut, kelompangan yang tidak disentuh dalam ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Dua lagi perkara. Satu adalah— ini baharu. Okey, saya *acknowledge*, saya akui bahawa ini adalah satu perkara baharu ya. Satu-satunya perkara baharu dalam ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang boleh dikatakan sebagai *a new foreign policy approach* iaitu, dengan izin, *“It is within this context that the new Government of Malaysia has pledged to ratify all remaining core UN instruments related to the protection of human rights”*. Tahniah, saya tidak ada masalah besar dengan sebahagian besar daripada konvensyen yang tidak diratifikasi oleh Malaysia.

Cuma saya hendak tahu, apakah implikasi kepada undang-undang kita dan dasar kita? Ada sebab yang kukuh kenapa Wisma Putra selama ini tidak meratifikasikan konvensyen-konvensyen seperti ini. Saya bagi satu contoh sahaja. *International Convention on the Elimination of All Forms of Racial Discrimination*, Artikel 2 daripada konvensyen tersebut, siapa yang menandatangani dan ratifikasi, *where the circumstances so warrant*, boleh menggunakan *positive discrimination policy* untuk menjamin *the full and equal enjoyment of human rights and fundamental freedoms*. Akan tetapi, langkah-langkah dan dasar ini *shall in no case entail as a consequence the maintenance of unequal and separate rights for different racial groups after the objectives for which they were taken have been achieved*.

Ini Perkara 153 macam mana? Apakah Yang Berhormat menyatakan bahawa Perkara 153 dalam Perlembagaan Persekutuan kita yang jelas memberi hak atau pun kedudukan istimewa, *special status* yang berbeza kepada *one group of people* kena ada had tempoh? Ini kerana jelas dalam Artikel 2 *International Convention on the Elimination of All Forms of Racial Discrimination* jelas diletakkan bahawa mesti ada had tempoh bagi

langkah dasar undang-undang yang memberi *positive discrimination* kepada minoriti untuk membawa kepada keadilan.

Jadi, saya tidak sebut bahawa saya setuju atau pun tidak. Saya hendak tanya, apakah kita sedar implikasi kepada dasar? Untuk *convention* lain, saya rasa tidak ada masalah tetapi ini antara *convention* yang kita tidak ratifikasi *with good reason*, dengan izin, sebab ia ada masalah apabila hendak diselaraskan dengan Perlembagaan Persekutuan kita yang jelas menunjukkan bahawa ada kedudukan istimewa yang diberikan kepada satu kumpulan etnik. Ini akan memberi kesan sekiranya kita meratifikasi dan kita jadi *party to this international convention* yang menjadi undang-undang yang boleh di *enforce* sebagai undang-undang.

Akhirnya, saya hendak sentuh dengan masa tiga minit yang ada, merekayasa Wisma Putra itu sendiri. Pertamanya adalah sama ada kita perlu melihat dalam konteks *economic diplomacy* menjadi penting dalam dunia kita pada hari ini. *We are open trading nation*. Sama ada kita satukan kementerian seperti mana yang berlaku di Australia, New Zealand, Kanada, Ireland dan sebagainya, *Department of Foreign Affairs and Trade* (DFAT) atau pun *Ministry of Foreign Affairs and Trade*. Kita perlu kepada diplomasi yang *multifaceted* yang tidak hanya melihat kepada hanya undang-undang, diplomasi dan sebagainya sahaja— saya ada sedikit pengalaman luar negara— tetapi bagaimana kita dapat melihat kepada satu barisan hadapan diplomat kita yang mempunyai kepakaran dan juga kebolehan untuk memastikan bahawa hanya bukan undang-undang, diplomasi dan sebagainya tetapi juga dapat menjaga *economic diplomacy* kita yang menjadi antara teras utama.

Akhir sekali, apakah perancangan kita untuk memastikan lebih ramai lagi rakyat Malaysia berada dalam pertubuhan antarabangsa, *international organizations*? Kalau kita melihat ya, pengaruh sebuah negara itu bukan hanya dari segi kekuatan negara itu sendiri tetapi juga dengan adanya rakyat daripada negara tersebut memegang jawatan-jawatan penting dalam pertubuhan antarabangsa. Pernah kita ada Tan Sri Datuk Rafiah binti Salim sebagai Pembantu Setiausaha Agung, pernah kita ada Tan Sri Jomo KS sebagai Pembantu Setiausaha Agung PBB, pernah sekarang ini kita ada Tan Sri Dr. Jemilah juga yang sedang berada di pertubuhan antarabangsa.

Akan tetapi, tidak cukup dengan itu, dekat *middle level* dan sebagainya yang menjaga soal program, yang menjaga soal undang-undang antarabangsa. Ini boleh memberi satu kelebihan kepada kita apabila kita ada *networking* di peringkat antarabangsa. Akan tetapi apa yang saya terima daripada UNICEF, UNESCO, PBB dan sebagainya adalah keengganan daripada rakyat Malaysia seperti mana negara-negara

lain, bukan saya kata tidak ada, ada tetapi *ratio* nya atau pun nisbahnya agak kurang berbanding dengan negara-negara lain.

Jadi, itu lah sedikit sebanyak yang saya hendak sampaikan dalam membahas usul yang telah dibentangkan oleh Menteri Luar Negeri. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Rembau. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Ledang. Sila.

### **3.06 ptg.**

**Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya juga mengucapkan terima kasih kerana dapat sama-sama mengambil bahagian dalam usul untuk menyokong ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu baru-baru ini yang ke-73.

Saya ingin menyebutkan di sini bahawa amatlah penting kita untuk menyokong ucapan itu dan memastikan kerajaan komited kepada apa yang telah diucapkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, terutama sekali dalam aspek-aspek yang menyentuh secara langsung berkenaan dengan apa yang berlaku di laman kita sendiri. Ada beberapa perkara yang telah disebutkan.

Pertama ialah sebenarnya ucapan ini dibuat selepas berlakunya Pilihan Raya Umum Ke-14 di bawah Kerajaan Pakatan Harapan, Kerajaan Malaysia yang baharu. Disebutkan secara jelas bahawa asas kepada kerajaan yang baharu itu adalah berdasarkan kepada dasar keadilan, tadbir urus baik, integriti dan kedaulatan undang-undang.

Justeru itu, saya rasa sendiri sudah merupakan perkara yang baharu daripada yang dahulu. Maknanya, apabila kita menyebutkan tentang pembaharuan, kita juga bertitik tolak daripada dasar kerajaan dalam negara kita sendiri yang dibawa untuk menjadi kerangka kepada dasar luar negara.

Seterusnya, saya rasa memang juga pada masa yang sama kita telah menyebutkan tentang perlunya ada kesinambungan. Ini disentuh oleh Yang Berhormat Menteri Luar bahawa perkara-perkara yang menyentuh tentang kesinambungan ini saya kira memang tidak ada apa-apa masalah. Contohnya, berkenaan dengan kita rakan kepada semua dan tidak bermusuhan kepada sesiapa, kita kekal tidak berpihak dan berkecuali. Kita berani bersuara dalam menegakkan kebenaran dan menentang kebatilan tanpa rasa takut dan gentar. Kita kerjasama berasaskan sikap saling hormat-

menghormati demi manfaat bersama dan kita tawarkan kerjasama berdasarkan falsafah hormati jiran tetangga.

Jadi, yang itu saya rasa tidak ada masalah. Jadi, saya nampak sebenarnya dalam kerangka dasar luar ini, kesinambungan itu memang penting dan telah selama ini berjaya dilakukan. Saya yakin, *insya-Allah*, kita harus teruskan perkara-perkara tersebut, terutamanya apabila kita ingin menjadi pejuang kepada isu-isu yang menjadi sulit di kalangan rakan-rakan ASEAN atau pun di rantau Asia dan sebagainya.

Saya ingin mengambil contoh. Telah disebutkan tadi sedikit oleh rakan saya dari Batu Kawan berkenaan dengan rundingan kita dengan Myanmar secara khususnya untuk di Wilayah Rakhine atau pun untuk Rohingya. Dalam perbincangan kami ketika kami menghadiri sidang *ASEAN Inter-Parliamentary Assembly (AIPA)* pada awal September, memang kita dapat lihat bahawa di sana perlunya satu rundingan yang baik yang dilakukan supaya kita dapat menjadi penyelesaian, pendamai kepada apa yang berlaku di Rohingya. Kita telah membawa isu-isu, prinsip-prinsip yang menjadi dasar kepada kerangka luar negara sehinggakan kita lebih memahami sekarang bahawa sebenarnya ianya memang sulit dan sukar. Saya setuju dengan apa yang rakan saya dari Kuala Kedah sebutkan tadi, di mana di Myanmar ini kerajaan yang ada sekarang ini sebenarnya dibayangi oleh kerajaan tentera di Myanmar. Oleh kerana itu, mereka menghadapi kesukaran untuk membantu.

#### ■1510

Namun demikian, kami telah menegaskan bahawa ada keperluan untuk kita tidak boleh membiarkan pembunuhan berlaku, kita tidak boleh membiarkan isu pelarian berlaku kerana tempiasnya adalah kepada negara kita. Akan tetapi apakah langkah-langkah yang *solid* yang boleh kita lakukan, yang ini saya rasa kita pohon dapat maklumat dan penjelasan daripada Kementerian Luar supaya ada perkara-perkara yang juga sebagai Ahli Parlimen kita juga boleh membantu bersama.

Perkara kedua yang saya ingin sentuh ialah singkat sahaja. Saya rasa ialah berkenaan dengan kepentingan untuk dasar luar ini untuk juga bersedia menghadapi cabaran-cabaran baharu global. Maksudnya kalau dalam konteks sekarang ini, mungkin telah disebut berkenaan dengan ekonomi dan politik tetapi juga ada perkara-perkara lain. Contohnya seperti yang berkenaan dengan perubahan iklim yang mana ianya juga merangkumi isu dasar luar. Begitu juga dengan *global finance*, begitu juga internet, persempadanan yang tidak ada sempadan, dunia tanpa sempadan dan juga berkenaan dengan keselamatan makanan. Jadi ini juga adalah perkara-perkara yang saya rasa

sudah tentu ada perancangan yang dilakukan supaya dalam dasar luar ini juga mengambil kira cabaran-cabaran baru yang mungkin terpaksa dihadapi oleh negara.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan yang mulia sekalian, saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan pentingnya kita untuk memastikan kita boleh terus memberikan komitmen untuk mengiktiraf instrumen-instrumen PBB berkaitan dengan perlindungan hak asasi manusia yang saya kira jelas tadi juga disebutkan oleh Yang Berhormat Rembau berkenaan dengan mengambil kira suasana dalam negara kita bahawa masyarakat kita ini masyarakat majmuk, masyarakat yang pelbagai etnik, pelbagai bangsa, budaya dan ianya harus diselaraskan dengan baik. Ini telah disebutkan dalam ucapan oleh Perdana Menteri baru-baru ini yang saya rasa juga beliau amat maklum berkenaan dengan perkara itu. Itu sahaja dari saya, saya ucapkan terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Ledang. Seterusnya saya ingin menjemput Ahli Yang Berhormat yang duduk jauh di hujung Dewan. Walaupun jaraknya jauh tetapi dekat di mata, saya menjemput Yang Berhormat Jeli, dipersilakan. *[Tepuk meja]*

### 3.12 ptg.

**Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]:** *Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas kata-kata semangat walaupun jauh tetapi dekat di hati, *insya-Allah.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Dekat di mata, ikut perintah tetap. *[Ketawa]*

**Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]:** Terima kasih, dekat di mata, dekat di hati. Saya Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada usul Yang Berhormat Menteri Luar. Kerangkanya antara lain ialah untuk memperkasakan Kementerian Luar. Seterusnya rujukan kepada pembangunan sumber manusia, meningkatkan kerjasama antara agensi Kementerian Luar, MITI dan lain-lain untuk menjadi sebuah negara maju, demokrasi, matang, itu antara kerangkanya. Tiga perkara yang perlu kita tekankan.

Pertama, kita sedia maklum ada benda-benda yang tak baik ataupun kurang baik, maka harus dibuang. Itu yang pertamanya. Keduanya, yang lemah kita perbaiki, yang baik ditambah baik. Saya ingat kita sebagai Ahli-ahli Parlimen yang matang harus berpaksikan kepada kerangka tersebut, yang buruk, yang hodoh kita buang, yang lemah kita perbaiki, yang baik ditambah baik. Dalam konteks itulah saya mengambil bahagian dalam perbahasan pada petang ini.

Pertamanya, saya ingin spesifik dalam perbahasan saya memberi beberapa cadangan tetapi sebelum itu sudah pastilah cadangan-cadangan ini adalah berasaskan kepada niat kita, hasrat kita untuk membuat yang terbaik bagi negara kita. *We want the best for the nation*. Kita kalau boleh hendak berada di barisan hadapan, apa juga kita buat, kita hendak kalau di kalangan negara ASEAN nombor satu, dalam dunia pun nombor satu. Ini harus menjadi hasrat dan niat kita semua sebagai Ahli-ahli Parlimen yang bertanggungjawab. Kita hendak yang terbaik untuk negara.

Tuan Yang di-Pertua, yang pertama kita harus sedar bahawa kita dalam keadaan menghadapi saingan yang semakin sengit, saingan di rantau ini dalam ASEAN, kuasa-kuasa besar yang perlu kita buat pendirian dan kita menubuhkan perkara baru. Kita juga harus sedar bahawa apa jua yang kita lakukan ada implikasi yang besar kepada sektor-sektor lain. Sektor luar negara mempunyai kesan impak yang besar kepada sektor lain.

Saya merujuk khusus petang ini kepada hal-hal cari makan, hal-hal peluang perniagaan, hal-hal peluang pekerjaan. Dalam konteks itu, pelaburan, perdagangan, pelancongan antara perkara-perkara yang penting. Saya bersetuju dengan beberapa Ahli Yang Berhormat yang telah bercakap termasuk Yang Berhormat Rembau dan beberapa Ahli Yang Berhormat yang lain dan juga Yang Berhormat Menteri pun merujuk betapa pentingnya hal-hal perdagangan dan ekonomi ini menjadi sebahagian daripada inti pati dasar luar negara. Memang itu pun telah kita lakukan seperti saya nyatakan tadi, saya ingin mengutarakan beberapa cadangan yang spesifik untuk memperbaiki apa yang baik.

Pertama, berkaitan dengan sumber kewangan. Kita kadang-kadang terbaca dalam media, kadang-kadang keluhan dari pegawai-pegawai Wisma Putra, kadang-kadang ada artikel dalam surat khabar, bekas-bekas diplomat yang menceritakan tentang kekangan dan juga beberapa halangan yang dihadapi oleh mereka dalam menyambut hari kemerdekaan umpamanya ataupun *National Day* walaupun ada pendekatan-pendekatan yang kreatif yang telah dilakukan. Kita ucapkan tahniah kepada duta-duta dan ketua-ketua misi seluruh negara tetapi ini harus ditangani dengan baik. Saya tahu cukup sedar bahawa bercakap tentang sumber kewangan, kita ada sektor lain juga pendidikan, kesihatan, semuanya bersaing untuk mendapatkan tempat ataupun peruntukan yang sewajarnya bagi memperbaiki perkhidmatan.

Akan tetapi dalam konteks ini, ini adalah satu kekangan yang harus, bermaknanya apa jua rangka yang kita bentangkan dalam Dewan ini hendaklah berpaksi kepada realiti, antaranya ialah kewangan. Oleh itu, saya mengusulkan supaya kerajaan menetapkan beberapa *priority* dan sudah pasti ini satu perkara yang *priority*, bercakap

tentang pelaburan, pelancongan dan juga perdagangan. Perlunya duta-duta kita mempromosikan dengan lebih agresif lagi negara kita kerana kalau negara kita kurang dikenali kalau promosinya tidak seberapa berikutan daripada kekangan kewangan ataupun hal-hal lain, sudah pasti segala apa yang dibentangkan oleh Menteri Luar tidak akan tercapai. Jadi kita harus realistik dalam perkara ini. Itu yang pertama.

Keduanya, sumber manusia. Kita cukup setuju, kita ada pegawai-pegawai yang cemerlang seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Kimanis pagi tadi yang telah menjalankan tugas dengan baik. Ini juga satu perkara, itu realitinya. Saya tahu Wisma Putra telah menjalankan berusaha untuk memperbaiki lagi *recruitment process*, maknanya masuk Wisma Putra ini pegawai-pegawai yang berkemahiran sosialnya, *language nya* dan lain-lain sekali. Ini satu perkara yang penting dan harus diberi tekanan mungkin nombor satu, *human capital development* penting. Kalau tidak apa jua perancangan Yang Berhormat Menteri Luar tidak akan tercapai.

Sehubungan ini, kita tahu duta-duta kita menjalankan tugas dengan cemerlang tetapi perlu lebih tegas dalam membuat *review* kajian ini. Kita tahu ada KPI, semua ada KPI dalam pentadbiran kerajaan. Tegas bermakna kalau seorang yang kurang cemerlang, ramai yang cemerlang, itu didapati tidak dapat menjalankan tugas dengan baik mempromosikan negara, maka kalau kita tunggu dua tiga tahun sebelum ambil tindakan, maknanya dalam KPI ini mungkin enam bulan. Kita tahu duta-duta menjalankan tugas sebaik mungkin tetapi demi negara kita harus berani dan tegas untuk memastikan bahawa kajian ini dilakukan dari semasa ke semasa untuk memastikan kita dapat perkhidmatan yang terbaik.

Tuan Yang di-Pertua, kerjasama di antara KLN, Kementerian Luar dengan agensi lain, MITI dan lain-lain adalah dialu-alukan. Ini juga harus, sekarang pun ada, sebelum ini pun ada tetapi yang penting adalah harus ada proses, maknanya harus dengan izin *a structured mechanism*, satu mekanisme yang berstruktur. Dalam pengalaman kami kadang-kadang ia berbentuk *ad hoc*, ada tiga bulan sekali, kalau mula-mula enam bulan, lepas itu setahun, lepas itu hilang terus. Jadi kalau ada umpamanya sebulan sekali kah yang agensi-agensi yang kritikal ini, Wisma Putra menjadi kepala kerana kita tahu bahawa di luar negara ini ada pendidikan promosi, ada kesihatan, ada komoditi.

Jadi kadang-kadang walaupun duta telah buat terbaik, kadang-kadang ada kelemahannya, boleh saya kata yang baik kita teruskan, kita tambah baik dan konteks ini oleh kerana pentingnya dalam konteks sekarang khususnya di mana ekonomi global

menghadapi cabaran, dalam negara pun cabaran, pentingnya kita wujudkan peluang pekerjaan.

■1520

Jadi saya hendak tekankan sekali lagi betapa perlunya kita tingkatkan promosi, pelaburan, pelancongan dan perdagangan kerana itulah akhirnya ialah peluang pekerjaan, peluang perniagaan untuk anak-anak muda. Oleh itu perlu diberikan sumber yang lebih kepada agensi tertentu, harus distruktur semula *priorities* nya, keutamaan dan harus ditingkatkan lagi penyelarasan atau *coordination* antara agensi kerajaan.

Apa yang Wisma Putra lakukan itu kita harap akan dimantapkan lagi dengan satu pendekatan yang lebih tersusun supaya kesemua agensi-agensi ekonomi yang terdapat di luar negara bekerja rapat dengan Wisma Putra kerana apa juga hasil dasar dalam negara akhirnya memberi manfaat kepada kita. Kalau hubungan kita baik dengan negara-negara asing, maka *insya-Allah* ia akan memberi kesan limpahan kepada negara dalam bentuk peluang-peluang ekonomi yang lebih.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Minta laluan.

**Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]:** Ini penting kerana kalau tidak kita beri tumpuan kepada hal ini kita tidak akan menjadi sebuah negara maju seperti mana yang kita semua mahukan. Sila.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Terima kasih, Yang Berhormat Jeli. Tadi dalam ucapan Yang Berhormat Menteri saya mungkin terlepas dengar ataupun mungkin Yang Berhormat Menteri tidak sebut tentang apa yang orang panggil sebagai *cultural diplomacy* ataupun diplomasi budaya. Oleh kerana Yang Berhormat Jeli menyebut tentang penyelarasan dengan agensi-agensi saya ingat Yang Berhormat Menteri Pendidikan sebelum ini ada bercadang untuk menaik taraf DBP supaya sampai satu tahap setaraf dengan British Council.

Daripada carian saya sebelum ini kalau kira daripada fakta tahun lalu, lebih kurang satu tahun yang lepas saya dapati ada lebih kurang 140 institusi di 50 buah negara yang mengadakan kursus pengajian bahasa Melayu. Jadi saya tidak pasti selama ini apakah langkah telah diambil oleh kerajaan untuk memanfaatkan institusi-institusi ini, mungkin ini boleh juga diteroka oleh Kementerian Luar. Terima kasih.

**Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]:** Terima kasih Yang Berhormat Kangar, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Akhir sekali saya ingin tekankan tentang pelaksanaan, kita semua sedar bahawa apa jua perancangan, indah mana pun kalau lemah sistemnya, pelaksanaannya tidak akan ke mana. Oleh itu saya harap kerajaan serius dalam melaksanakan usul yang dibentang tadi dan harus ada *regular reviews*,



dengan izin untuk melihat kelemahan-kelemahan dan mungkin dilaporkan kepada *select committee*.

Yang Berhormat Menteri sebut tentang cadangan untuk menubuhkan *select committee* dan kita hendak tahu bila *select committee* mengenai *foreign affairs* ini akan ditubuhkan dan ini penting sekali pelaksanaan. Kadang-kadang, “*hangat-hangat taik ayam*”. Kita bercakap berdegar-degar tetapi bila kita hendak buat, kadang-kadang banyak sekali kekangan. Jadi, dalam melaksanakannya kena orang-orang yang bertenaga, kena cukup sumber kewangan, kena cukup kekuatan, pastikan bahawa kita benar-benar mendapat faedah daripada satu dasar luar yang progresif yang memberi faedah yang cukup baik kepada negara kita. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Jeli atas ucapan yang berpijak atas bumi yang nyata dan sudah jadi bebas. [*Tepuk*] Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Klang. Sila.

### 3.23 ptg.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan baru Malaysia khususnya Menteri Luar Negeri kerana membentangkan usul kerangka dasar luar negeri Malaysia baru. Perkara ini amat penting kerana hal ini selaras dengan manifesto Pakatan Harapan selain itu untuk membentuk satu dasar luar negara yang berteraskan prinsip hak asasi manusia terutama di rantau Asia Tenggara.

Usaha Yang Berhormat Menteri adalah selaras dengan janji-janji manifesto Pakatan Harapan pada PRU-14 umpamanya ratifikasi konvensyen antarabangsa mengenai *civil and political rights*, Konvensyen Antarabangsa Mengenai Pelarian, *the 1951 Refugee Convention*, konvensyen-konvensyen Pertubuhan Buruh Antarabangsa dan janji untuk meratifikasikan konvensyen-konvensyen antarabangsa lain yang sesuai.

Dengan dasar ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengambil satu langkah ke hadapan, *a forward looking strategy* dengan memaklumkan kepada pemimpin-pemimpin sedunia dalam Mesyuarat Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, *United Nations General Assembly* di New York bahawa Malaysia baru akan mempertahankan prinsip-prinsip United Nations dalam kerjasama antarabangsa termasuk prinsip kebenaran, hak asasi manusia, kedaulatan undang-undang, keadilan, kesamarataan, tanggungjawab dan juga *sustainability* termasuk *accountability* juga.

Beliau juga *for the first time, regional leader* yang menggunakan nama Aung San Suu Kyi, *Senior Minister Aung San Suu Kyi for the first time in August Meeting* di United

Nations, *open criticism of Aung San Suu Kyi*. Ini saya fikir *at the personal level I think*, saya beri sokongan kepada Perdana Menteri yang telah *first time* menggunakan nama beliau dan juga kritik beliau di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Tuan Yang di-Pertua, usul Kementerian Luar Negeri untuk merumuskan satu kerangka dasar baru berdasarkan kenyataan Perdana Menteri pada sesi ketujuh Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu di United Nations tahun ini adalah satu inisiatif pada pandangan saya yang harus dialu-alukan. Selain berpegang teguh kepada prinsip *neutrality* dan memupuk kerjasama antarabangsa yang saling menguntungkan, *mutually beneficial international cooperation*, ucapan itu juga menggambarkan Malaysia baru yang memberikan kepentingan untuk menegakkan prinsip-prinsip kebenaran. Seperti yang saya sudah katakan tadi hak asasi manusia, kedaulatan undang-undang, *rule of law*, keadilan, tanggungjawab dan juga keamanan.

Ikrar Kerajaan Malaysia untuk meratifikasikan semua konvensyen United Nations mengenai hak asasi manusia perlu dipuji dan prosedur untuk meratifikasikan dan melaksanakan kewajipan-kewajipan yang penting ini harus dilakukan tanpa kelewatan dan dilakukan secara terbuka, tulus dan juga inklusif. Tambahan pula usaha Malaysia baru untuk menentang peperangan dan keganasan, *this is a quote from the PM speech* dan akan mengetengahkan isu-isu tanpa rasa takut atau secara memihak perlu digalakkan.

Sejak pilihan raya umum pada Mei lalu, Malaysia kini dilihat sebagai mempunyai masa depan yang cerah untuk demokrasi dan hak asasi manusia di rantau ini yang terus menghadapi ancaman serius terhadap perlindungan hak asasi manusia. Penggunaan langkah-langkah *authoritarianism* oleh kerajaan-kerajaan tertentu untuk memerintah dan juga untuk melemahkan institusi demokrasi di negara masing-masing.

Di samping itu ASEAN sebagai satu blok serantau Asia Tenggara tidak lagi berkesan dalam menangani masalah hak asasi manusia di rantau ini. *The best way to describe* Tuan Yang di-Pertua, *ASEAN is 'NATO' (no action talk only)*. Prinsip ini tidak campur tangan ataupun *non interference* sering digunakan oleh negara-negara ASEAN untuk mengelakkan perbincangan isu sensitif seperti pelanggaran hak asasi manusia oleh negara-negara anggota ASEAN yang lain.

Kerajaan baru kita mempunyai peluang untuk tidak hanya memenuhi aspirasi rakyat Malaysia tetapi juga menjadikan Malaysia, pemimpin-pemimpin serantau dan global dalam promosi dan perlindungan hak asasi manusia seperti yang dijanjikan dalam manifesto Pakatan Harapan. Justeru adalah penting bahawa Malaysia terus bersuara dan bukan hanya mengambil tindakan yang bermakna mengenai isu-isu yang dilakukan

oleh bekas pentadbiran di Malaysia tetapi juga ancaman yang lain yang lebih luas kepada demokrasi di rantau ini.

Di Thailand misalnya, sudah lebih empat tahun sejak kerajaan tentera mengambil alih kerajaan, pilihan raya terakhir negara pada Mei 2014, di bawah Junta tentera, beratus-ratus Ahli Parlimen dipecat secara paksaan dan dilarang menjalankan sebarang aktiviti politik. Pembelaan hak asasi manusia ataupun *human rights defenders* dan masyarakat yang menentang pihak tentera menghadapi penangkapan dan penahanan sewenang-wenangnya ataupun *arbitrary arrest*.

Banyak lagi yang telah didakwa di Mahkamah Tentera atas tuduhan menghasut atau melanggar perintah Junta termasuk larangan pengumpulan politik lebih dari lima orang. Walaupun Junta ataupun Junta tentera telah komited untuk mengadakan pemilihan sebelum Mei 2019 tetapi janji-janji serupa itu telah dimungkiri beberapa kali sejak tentera mengambil alih kerajaan pusat. Pilihan raya bebas dan adil tidak boleh diadakan dalam keadaan sekarang kerana parti politik tidak dibenarkan untuk berkempen tanpa batasan.

Malaysia harus memberi tekanan kepada Junta tentera Thailand untuk menghapuskan sekatan-sekatan ini, memansuhkan semua undang-undang yang zalim dan menjatuhkan semua tuntutan jenayah yang berkaitan dengan penentangan secara aman terhadap pemerintahan tentera dengan serta-merta tanpa syarat. Selain itu ia juga penting untuk pemerhati bebas dan tidak adil dibenarkan memantau pilihan raya umum Thailand sekali tarikh pilihan raya diumumkan.

Begitu juga di Cambodia, pilihan raya umum yang dijalankan pada 29 Julai berlaku dalam keadaan bukan bebas dan adil dan menukar negara sebagai sebuah negara yang ditadbir oleh satu parti sahaja, *in fact it's a-one-party authority states*.

#### ■1530

Pada November 2017, Mahkamah Agung Cambodia telah membubarkan *The Cambodian National Rescue Party*. Mahkamah tersebut juga telah menggantung 118 ahli kanan parti CNRP dan politik selama 5 tahun. Tambahan pula media massa atau media cetak yang bebas sebelum ini telah tidak berupaya untuk menjalankan tugasnya secara bebas lagi. Pertubuhan-pertubuhan masyarakat, *Civil Society Organization* yang penting dan yang *influential* telah dipaksa tutup ataupun dipaksa untuk membuat *self-censorship*.

Malaysia, pada pandangan saya harus menggunakan pengaruhnya untuk menggesa Kerajaan Cambodia supaya menghentikan semua dakwaan jenayah terhadap ahli politik, wartawan, aktivis dan lain-lain. Kita juga seharusnya mendesak

Kerajaan Cambodia untuk memansuhkan larangan, *banned* terhadap parti pembangkang negara itu, *Cambodia National Rescue Party* serta mengambil jawatan-jawatan semua parti CNRP.

Di Filipina juga kita ada masalah yang sama, di mana kita dalam alasan *war on drugs, a lot of extra judicial killing are happening. These are happening in our maids*. Kita juga dapati bahawa *going forward*, saya juga cadang bahawa Malaysia menyokong proses *accountability* antarabangsa di sekitar krisis Rohingya termasuk keperluan untuk merujuk Myanmar ke Mahkamah Jenayah Antarabangsa ataupun *International Criminal Court* untuk menyiasat tuduhan pembunuhan atau jenayah terhadap kemanusiaan di Rakhine State.

Saya telah pergi ke Cox's Bazar dan juga saya telah pergi jumpa dengan pelarian dan saya *spent about three days in Cox's Bazar* and saya telah jumpa banyak orang Rakhine di sana yang mengatakan bagaimana mereka telah dirogol, anak mereka dibunuh, malah mereka telah dibunuh dan dibuang dekat sungai. *This is actually an unacceptable genocide and our region, we kept quiet except for Malaysia, you know the former government we must thank and therefore I think Malaysia must continue to put pressure kepada Myanmar's Government to bring them to the International Criminal Court.*

**Tuan Su Keong Siong [Kampar]:** *[Bangun]*

**Tuan Charles Santiago [Klang]:** Juga kalau saya boleh cadang supaya *we have also support arms banned against The Myanmar Army*. Ini saya fikir adalah penting. Walaupun kerajaan baru di Malaysia mengatakan bahawa kita terus menghormati prinsip tidak campur tangan di ASEAN, akan tetapi kita mesti memastikan bahawa prinsip itu tidak digunakan untuk melindungi kerajaan-kerajaan yang *violent* hak asasi manusia, *rule of law* dan *good governance* di rantau ini. Saya sebenarnya hendak pandangan Yang Berhormat Menteri, *how is Malaysia going to navigate the non-interference issue going forward* dalam hal ehwal ASEAN?

Isu-isu yang diketengahkan hari ini adalah perkara-perkara yang membimbangkan rakyat Malaysia dan ketika kita berusaha untuk memperbaiki keadaan hak asasi manusia di Malaysia kita juga harus bekerjasama rapat dengan jiran-jiran untuk memajukan penghormatan rantau ini terhadap hak asasi manusia. Sejurusnya kita juga tidak seharusnya membenarkan kekejaman berlaku di mana-mana negara anggota dengan penuh kekebalan. Jika tidak, kita akan dianggap bersubahat dengan pelanggaran hak asasi manusia yang dilakukan.

Kita perlu memastikan penghormatan terhadap hak asasi manusia dan pematuhan kepada kedaulatan undang-undang adalah penting dalam dasar luar negara baru ini. Kita hendak memulihkan kedudukan moral Malaysia sebagai sebuah negara yang benar-benar komited untuk mempromosi dan melindungi prinsip-prinsip hak asasi manusia yang diterima secara universal.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mendapat pandangan Yang Berhormat Menteri berkaitan dengan perundingan *Open Ended Intergovernmental Binding Treaty on Transnational Corporation and Other Business Enterprises*. Perbincangan ini saya percaya berlaku pada masa sekarang, *as we speak, is happening at this time, I have to participate previously in discussion* dan saya percaya kerajaan yang bersikap untuk *support*, menyokong hak asasi manusia dan juga kedaulatan undang-undang, kedaulatan negara khususnya kedaulatan sesuatu negara yang membangun harus menyokong *binding treaty on transnational corporation*. Akan tetapi saya ingin mendapat pandangan Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Klang. Sekarang saya menjemput suara dari Sabah dan Sarawak, Yang Berhormat Tuaran dipersilakan.

### 3.34 ptg.

**Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk turut membahaskan usul yang dibawa oleh Menteri Luar mencadangkan supaya Dewan ini bersetuju dengan hala tuju dasar luar Malaysia yang baru seperti mana yang telah dinyatakan dalam ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Perhimpunan Bangsa-bangsa Bersatu yang Ke-73 di New York pada 28 September 2018 dan seterusnya memutuskan supaya ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Perhimpunan Agung PBB tersebut dijadikan sebagai kerangka asas dasar luar Malaysia yang baru.

Tuan Yang di-Pertua, pada dasarnya saya menyokong dasar utama yang telah diperkenalkan, dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Luar iaitu dasarnya iaitu *non-aligned* ataupun berkecuali. Satu dasar yang didasari dengan *falsafah prosperity-neighbour* yang dilaksanakan dengan prinsip-prinsip keadilan, *good governance*, integriti dan *rule of law*. Tuan Yang di-Pertua, pendekatan yang telah diambil oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapan di PBB baru-baru ini memperlihatkan kedudukan Asia sebagai sebuah negara yang kecil dalam keadaan global di mana kita

ini secara asasnya kita ini minoriti dalam sesi dunia yang lebih luas dan sebab itu kita mahu supaya suara kita dapat didengari dan diguna pakai oleh PBB tersebut.

Bagi kami di negeri Sabah tentunya kami ini minoriti, suara kami ini kecil dan berdekatan kami pun serupa, dicerminkan dengan perasaan dan kehendak yang telah diutarakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa kami pun mahu suara kami didengar. Dalam hal ini, cabaran utama kita dalam melaksanakan dasar yang telah dicadangkan kerangka ini ialah soal pelaksanaannya.

Oleh kerana bila kita melaksanakan ini soal *good governance* dan saya ingin lihat sebagai permulaan kerajaan yang baru ini apabila dalam menangani hal-hal dasar luar dan pada awalnya dimulakan dengan menghentikan 5 orang duta termasuklah Duta Malaysia yang pertama ke Vatican. Perkhidmatan beliau telah diperbaharui dan sudah ada kontraknya dan tiba-tiba dihentikan dan diminta dalam masa dua minggu mesti balik. Sehingga pada hari ini kita tidak mempunyai penjelasan yang boleh diterima kenapa Duta Malaysia yang pertama ke Vatican ini telah diminta balik.

Bagi kami ini adalah satu contoh urus tadbir yang tidak baik. *It is not good governance*, tidak jelas, tidak telus dan sehingga pada hari ini kita tidak tahu sama ada, ada duta di sana ataupun tidak. Harus diingat bahawa seorang duta ke Vatican itu bukan sahaja duta kepada satu tempat geografi yang kecil. Dia adalah duta kepada lebih 2 bilion umat Katolik di seluruh dunia dan sebagainya dan tindakan kerajaan itu mencerminkan tindakan dan pandangan kerajaan ini terhadap satu umat di seluruh dunia yang begitu besar.

Selain daripada itu, saya juga mengambil perhatian yang baik segala kenyataan-kenyataan yang begitu baik yang berkaitan dengan hal-hal keadilan, hal perundangan hak asasi manusia dan sebagainya dan apatah lagi yang berkaitan dengan hubungan negara ini dengan negara asing. Saya ingin mengambil perhatian jika sekiranya kita bercerita panjang tentang kedudukan rakyat asing negara lain yang berkenaan bagaimana mereka ditadbir, bagaimana hak-hak mereka dilihat oleh dunia dan sebagainya.

Saya ingin membalik perhatian kepada bagaimana Malaysia sendiri menangani rakyat asing yang berada di negara ini. Sebagai contoh, pelarian Filipina di negeri Sabah, sudah sekian lama dan tidak habis-habis sehingga hari ini. Baru-baru ini dikejutkan lagi dengan pemberian lagi Dokumen IMM 13 yang sudah pun diberhentikan pada tahun 2013, tidak perlu lagi sebab pelarian ini diberi satu dokumen yang mengatakan, IMM 13 yang dibolehkan satu perundangan di mana mereka tidak perlu

ada apa-apa dokumen berada di Malaysia, tidak perlu *work permit* dan bekerja di sini dan sebagainya dan ini merupakan semuanya kos.

■1540

Apa yang saya ingin cadangkan ialah pertamanya, mereka sudah sedia berada di sini sekian lama. Tidak ada lagi keperluan berada di sini. Di negara Filipina sudah aman damai semuanya. Tidak perlu lagi di sini. Oleh sebab itu dokumen IMM13 itu tidak perlu lagi diperbaharui.

Satu lagi keadaan ialah bagi negeri Sabah, di Pantai Timur Sabah ini tidak aman. Sudah sekian lama ada penculikan demi penculikan. Selama dua tahun tiada penculikan lepas itu baru-baru ini ada lagi penculikan yang melibatkan rakyat orang asing juga iaitu dari Indonesia. Saya difahamkan sejak dari dulu sehingga sekarang, sudah 32 orang rakyat Indonesia yang telah diculik dan kita juga tahu bahawa ratusan juta perbelanjaan dibuat oleh kerajaan untuk pertahankan keselamatan di Pantai Timur tetapi masih lagi berlaku.

Berlaku ini ada andaian mengatakan bahawa mereka yang menculik ini adalah orang yang sudah pun berada di negeri Sabah dan mempunyai dokumen-dokumen yang sah seperti rakyat Malaysia dan sebagainya tetapi dia orang Filipina. Jadi perkara seperti ini, urus tadbir dalam hal menangani kewarganegaraan di Malaysia ini adalah sesuatu perkara yang harus dilihat apabila kita bercerita tentang *good governance*, urus tadbir yang baik, ketelusan, amanah, integriti dan sebagainya. Ini semua harus dilihat.

Selain daripada itu, kita juga melihat tentang urus tadbir dalam hal-hal kebebasan beragama seperti mana yang saya tanya Yang Berhormat Batu Kawan lebih awal tadi bahawa antara lain di negara kita ini tidak mempunyai masalah kerana kadangkadangkang bukan ada undang-undang dan sebagainya, tetapi hanya dari segi pekeliling. Saya ingin mencadangkan supaya pekeliling yang menyatakan, yang menyekat satu berbentuk *apartheid* seperti di Afrika Selatan.

Kumpulan tertentu tidak boleh menggunakan perkataan ini dan sebagainya. Ada senarai perkataan yang hanya digunakan oleh agama tertentu. Oleh sebab ini memperlihatkan Malaysia ini sebagai satu masyarakat yang *segregated*. Ini boleh, yang ini tidak boleh dan sebagainya. Jadi Tuan yang di-Pertua, untuk melaksanakan dasar yang berkecuali ini harus diperlihatkan bagaimana kita mengurus Malaysia.

Saya juga ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Luar yang baharu ini. Adakah nanti setelah dengan dasar *non-aligned* ini, apakah Malaysia nanti akan memperbaharui satu gerakan NAM ini ataupun *Non-Aligned Movement*? Berkaitan dengan ini, pelbagai agensi lain yang ada kaitan dengan sains dan macam-macam lagi,

adakah ini akan diperbaharui sebab kita mempunyai lebih 100 negara yang menganggotai NAM ini? Selepas ini, adakah ini akan diperhebat?

Dalam hal ini, setelah nanti dibuat, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, bagaimanakah Yang Berhormat Menteri menangani *outstanding issues*? Contohnya, tuntutan negara Filipina ke atas Sabah. Bagaimanakah perkara ini mahu ditangani? Ini disebabkan sehingga hari ini, rakyat Malaysia di Sabah, memang kita ini takut sebab ada berlaku dahulu peristiwa Tanduo dan sebagainya. Bagaimanakah dengan Menteri Luar Negeri yang baharu ini menangani hal-hal ini supaya kita negeri semua mempunyai satu perasaan yang selesa, merasa selamat dan yang paling pentingnya ialah terjaminnya keselamatan, maka barulah pelaburan-pelaburan yang datang ke negeri Sabah.

Itu sahaja perbincangan daripada saya, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Hulu Langat. Sila.

**3.44 ptg.**

**Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.* Salam sejahtera. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Luar Negeri yang telah membawa usul yang saya kira cukup jelas iaitu kita bercadang untuk mengambil ketetapan ucapan yang telah diucapkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Perhimpunan Agung PBB itu menjadi hala tuju dasar luar Malaysia dan kemudiannya, menjadikan ia sebagai kerangka asas dasar luar Malaysia baharu.

Saya kira dasar luar negara sudah tentu ada dalam negara kita, ada dalam kementerian kita tetapi ia dikaitkan dengan dasar luar Malaysia baharu. Bila bercakap fasal Malaysia baharu ini, kita dengan penuh sedar bahawa kerajaan yang ada pada hari ini adalah kerajaan yang baharu mengambil alih daripada kerajaan yang lepas dan tidak lupa untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Port Dickson yang telah berjaya untuk kembali ke dalam Dewan ini semula. Itu tanda penduduk dan pengundi di Port Dickson masih sayang pada Kerajaan Pakatan Harapan.

Saya ingin menyebutkan di sini dalam 'Buku Harapan: Membina Negara Memenuhi Harapan' ketika membina falsafah dan matlamat pentadbiran Pakatan Harapan, ada disebutkan di sini bahawa, "*Falsafah pentadbiran Pakatan Harapan*



adalah berdasarkan falsafah dan lunas-lunas Perlembagaan Persekutuan Rukun Negara, visi yang telah dibawa oleh para pejuang negara...". Bererti, kami mengiktiraf para pejuang negara dan mereka yang pernah memimpin negara ini sebelum ini. "Agenda reformasi berterusan dan idea-idea pembangunan yang progresif, demokratik, sesuai dengan realiti zaman moden dan mendepani cabaran-cabaran akan datang. Matlamat ini terangkum dalam..." – ini perkataan yang ingin saya tekankan. "Matlamat ini terangkum dalam maqasid syariah (matlamat syariah yang lebih tinggi) buat memandu program pembangunan negara yang akhirnya memberi rahmat dan keadilan (Rahmatan Lil 'Alamin) untuk seluruh rakyat Malaysia".

Kalau kita melihat apabila kita sedang membincangkan tentang kerangka asas untuk Dasar Luar Malaysia Baharu ini— so bila kita bercakap fasal Malaysia Baharu, saya teringat apa yang disebutkan oleh Carl Rogers dengan izin, *here and now*, di sini dan sekarang. Ini sebab saya bimbang kadang-kadang ada di kalangan kita ada yang terlupa, seolah-olah kita berada dalam kerajaan yang lama lagi. Sedangkan kita berada dalam kerajaan baharu, yang sedang cuba merangka dan membentuk sesuatu tambah nilai yang berbeza dengan apa yang telah lepas, tanpa kita memperkecilkan apa yang telah disumbangkan oleh kerajaan yang lalu.

Saya ingin memetik, kalau kita boleh lihat fasal *maqasid* syariah yang ingin kita terapkan dalam dasar-dasar kerajaan, yang mana dasar ini tidak perlu ditakuti oleh rakyat Malaysia dan penjawat-penjawat awam ketika membantu untuk melaksanakan dasar yang kita bina ini. Ini kerana dalam *maqasid* syariah itu, kalau Imam Ibnu Qayyim pernah menyebutkan dengan izin, [Berucap dalam bahasa Arab], "Untuk mencapai dan melaksanakan kepentingan orang ramai bukan hanya kepentingan orang Islam tetapi kepentingan orang ramai...", [Berucap dalam bahasa Arab] "...untuk orang ramai, untuk hamba-hamba Tuhan. Kedua, [Berucap dalam bahasa Arab] dan juga dengan izin, iaitu dengan juga untuk menolak sebarang yang boleh merugikan sebarang yang boleh merosakkan kepentingan orang ramai.

Dua perkara ini menjadi satu dasar dalam ilmu *maqasid* syariah iaitu kita ingin sebagai pemerintah, memastikan apa sahaja dasar yang kita lakukan, apa sahaja yang kita buat, mestilah memastikan segala kebaikan datang untuk orang ramai terlebih dahulu dan kadang-kadang sebelum itu lagi kita kena pastikan, tidak ada sesuatu yang merosakkan, yang merugikan akan menimpa orang ramai. Menjadi tugas pemerintah, menjadi tugas Menteri-menteri untuk memastikan sebarang dasar yang kita buat tidak akan merugikan orang ramai dan mestilah menolak sebarang yang membawa kerugian.

Kita lihat apa yang telah disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang kalau boleh saya petikkan sebahagian daripadanya. Beliau telah menyebutkan Malaysia benci kepada keganasan, akan menentang habis-habisan peperangan. Bermakna, membunuh manusia. Inilah merupakan satu prinsip yang ingin kita uar-uarkan kepada bukan hanya dalam negara, bukan hanya di negara ASEAN, malah di seluruh dunia bahawa Malaysia betul-betul bersungguh-sungguh untuk memastikan sebarang perkara yang boleh menyebabkan kematian manusia adalah suatu yang perlu kita tentang dan perlu kita tolak. Sebab itu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga menyebutkan rasa pelik ketika manusia hendakkan perdamaian, hendakkan keamanan tetapi manusia sendiri yang menciptakan sesuatu yang boleh menyebabkan pembunuhan.

#### ■1550

Yang Berhormat ada memetik, *'to have peace, prepare for war'*. Maksudnya jikalau kita lihat kadang-kadang negara-negara maju dalam kesibukan dia mementingkan tentang kekayaan dan kepentingan harta, sehingga mereka terlupa bahawa sebenarnya dalam usaha kita untuk mencipta keamanan dalam dunia ini, kadang-kadang secara tidak sengaja kita telah mempersiapkan diri untuk berperang yang konon-kononnya untuk mencapai kepada keamanan dan kedamaian tetapi sebenarnya untuk kepentingan dengan mencipta senjata-senjata yang begitu canggih dan memperdagangkannya kepada negara-negara lain dan akhirnya akan berlaku peperangan dan pembunuhan antara satu sama lain.

Jikalau kita perhatikan...

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Mohon laluan sedikit.

**Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]:** Yang Berhormat Kubang Kerian. Silakan, Al-Fadhil.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya tertarik dengan ucapan Yang Berhormat tadi yang menimbulkan isunya ialah kita sebenarnya memang kita mengakui bahawa kita menentang sebarang elemen pembunuhan, peperangan dan pertembungan dengan negara-negara luar. Isu yang kita hadapi ialah negara-negara kecil biasa dibuli oleh kuasa besar yang menyebabkan kita terpaksa berdepan dengan pelbagai persiapan. Sebagai contoh, pencerobohan ruang udara Malaysia oleh negara jiran yang memerlukan kita memperlengkapkan senjata bagi menghalangi suasana tersebut. Ini sebenarnya akan mencetuskan suasana yang tegang di antara negara-negara tersebut.

Kita perlu memperkasakan— mungkin saya ingin mendapat penjelasan— soal sejauh mana ASEAN mampu menjadi suatu pemangkin yang saling hormat-menghormati polisi antara setiap negara. Sekiranya pencerobohan ruang udara masih berterusan, tuntutan ke atas negara-negara jiran masih berterusan, saya fikir ia tidak mengharmonikan negara rantau ini. Tambahan pula dengan isu yang berlaku, tuntutan Spratly oleh negara China dan kuasa besar menunjukkan sikap melampau ke atas negara kecil dari negara membangun. Ia mencetuskan suasana yang tidak harmoni. Jadi saya fikir ini perlu diatasi dalam konteks kita hendak mengelak suasana peperangan dan pertembungan. Mohon komentar.

**Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]:** Terima kasih. Saya mohon apa yang telah disebutkan oleh sahabat saya tadi dimasukkan dalam ucapan saya pada petang ini. Ya, memang menjadi satu perkara yang kita tidak boleh pandang remeh. Saya percaya ketika teman-teman yang menghadiri Konvensyen AIPA di Singapura, teman-teman juga cuba menyebutkan bahawa dalam negara ASEAN itu sendiri, kita saling perlu menghormati negara-negara yang ada hak dalam negara yang memerlukan kepada bukti kebebasan hak tuan rumah daripada dicerobohi dan sebagainya.

Izinkan saya menyambung sedikit lagi. Kalau kita melihat apa yang pernah disebutkan oleh Nabi SAW dalam haji terakhir Baginda yang ketika itu mereka yang datang di depan Baginda ialah jemaah haji yang terdiri daripada orang-orang Islam, tetapi ada beberapa perenggan yang di hadapannya orang Islam tetapi Baginda menyebut tentang manusia dan ini lah yang saya katakan masuk dalam *maqasid syariah* yang ingin kita terapkan dalam negara kita ini.

Apabila disebutkan, [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] sehingga akhir. *Prophet Muhammad* SAW bersabda, "*Wahai manusia... sedangkan di hadapannya jemaah haji, orang Islam, tetapi seolah-olah dia berpesan kepada manusia dan berpesan kepada orang Islam supaya memastikan bahawa sesungguhnya darah manusia iaitu nyawa, harta mereka juga dan juga apa yang mereka miliki itu adalah suatu yang terlarang, yang tidak boleh sesiapa mencemar dengan mengambilnya, membunuhnya jikalau nyawa, jikalau harta, merampasnya, menyekat dan menghalang*".

Ini adalah salah satu daripada falsafah yang sangat penting. Kita di peringkat antarabangsa, kita ingin supaya penduduk-penduduk di seluruh negara ini diberi peluang untuk menikmati apa yang perlu mereka nikmati. Sekali kita menghalang apa yang patutnya mereka nikmati, akan timbul rasa kemarahan dan kemarahan itu akan menimbulkan kebencian.

Oleh sebab itu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyebutkan contoh—tentulah beliau tidak mampu untuk sebutkan seluruh isu-isu dalam negara dalam Persidangan PBB itu. Dia menyebutkan contoh isu Palestin oleh sebab rakyat Palestin terhalang. Nyawa mereka dibunuh, harta mereka dirampas, negara mereka dan mereka tiada hak kemanusiaan dalam negara mereka sendiri, menimbulkan kemarahan dan kemarahan itu kita bimbang akan menyebabkan negara-negara lain, penduduk-penduduk negara lain akan timbul rasa benci, kemarahan dan akan boleh dirangsang untuk menyebabkan, menimbulkan apa yang kita katakan keganasan dan sebagainya dan perkara itu perlu dibendung.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Yang Berhormat, minta laluan sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Kangar minta mencelah.

**Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]:** Yang Berhormat Kangar hari ini aktif betul. Silakan.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Hulu Langat. Saya sebenarnya minta izin untuk berbahas, tetapi oleh sebab senarai sudah penuh, jadi saya terpaksa mencelah banyak.

Saya dapati sebenarnya ramai Ahli Parlimen ataupun wakil-wakil rakyat di Dewan bercakap tentang isu Palestin, isu Myanmar dan sebagainya. Jikalau kita tengok di negara kita ini, ada lebih 150,000 orang pelarian berada di dalam negara kita. Sebahagiannya mendapat status daripada UNHCR.

Cuma daripada laporan lawatan SUHAKAM ke depot-depot tahanan imigresen, masih ramai, termasuk 16 orang warga Palestin masih berada di sana. Ini kerana pelarian-pelarian ini tidak dapat status sebagaimana yang sepatutnya. Mereka masih dianggap sama sebagaimana pendatang tanpa izin yang tidak mempunyai dokumen, justeru itu tidak dapat akses kepada perundangan hak untuk pendidikan dan sebagainya. Jadi saya minta mungkin Yang Berhormat Menteri nanti boleh juga sentuh perkara ini dalam penggulungan beliau.

**Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]:** Terima kasih Yang Berhormat Kangar. Saya juga bersetuju untuk masukkan dalam ucapan saya supaya Yang Berhormat Menteri boleh memberikan komen nanti.

Tadi saya menyebutkan bahawa nyawa manusia, harta mereka perlu kita jaga dan kita tidak boleh biarkan begitu sahaja. Oleh sebab itu, ketika bercakap di peringkat antarabangsa seumpama itu, dasar yang sama, *insya-Allah*, juga kita ingin dilaksanakan dalam negara kita. Dalam negara kita juga kita hendak supaya dasar kita menjaga

nyawa kepentingan orang ramai dan juga menjaga harta. Kita bimbang harta orang ramai, harta rakyat yang kadang-kadang disalahgunakan yang diambil tanpa hak dan menyebabkan rakyat rasa marah, rakyat rasa tidak selesa dan rakyat rasa berdendam dan ini juga adalah merupakan antara punca yang boleh berlakunya keganasan. Nasiblah Kerajaan Pakatan Harapan menang dan kita akan cuba selamatkan rakyat daripada rasa kepayahan dan kesusahan seumpama itu.

Jadi saya rasa sekadar itu...

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Yang Berhormat Hulu Langat, minta sedikit penjelasan.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Sik juga hendak minta.

**Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]:** Silakan Yang Berhormat Pendang sahabat saya. Silakan.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Terima kasih Yang Berhormat Hulu Langat. Saya hendak minta pandangan, dalam konteks agama Islam, tentang hak mempertahankan tanah air, agama, bangsa dan nyawa. Sila minta penjelasan dari segi pandangan agama Islam.

**Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]:** Saya rasa benda itu cukup jelas bahawa setiap manusia perlu diberi peluang untuk hidup di atas muka bumi ini. Mereka perlu memiliki tanah, mereka mempunyai rumah, mereka perlu menikmati kemudahan-kemudahan yang ada di atas muka bumi ini dan hak itu bukan hanya untuk orang Islam sahaja, hak itu adalah untuk seluruh manusia di atas muka bumi.

Oleh sebab itu, kita di Malaysia kita mempertahankan. Ya, orang-orang Islam akan mempertahankan sebagaimana ada dalam perlembagaan itu kuasa Raja-raja Melayu, Islam sebagai agama persekutuan, tetapi kita tidak boleh menafikan hak dan peluang seluruh rakyat Malaysia tidak kira apa agama, bangsa untuk hidup berkongsi dalam negara ini.

Saya rasa saya tidak perlu panjang di situ. Saya ingin menamatkan apa yang kita bicarakan dalam perbahasan ini iaitu kita— masa saya tinggal 23 saat. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Luar Negeri yang akan menyiapkan kepada kita satu kerangka asas Dasar Luar Malaysia dan kita menjadikan ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Perhimpunan Agung itu sebagai sebahagian daripada kerangka tersebut.

Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Hulu Langat, setiap saat dipergunakan. Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat

Lembah Pantai. Selepas Yang Berhormat Lembah Pantai, Yang Berhormat Arau dan Yang Berhormat Tanjung Malim. Sila.

**3.59 ptg.**

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan terima kasih kerana diberikan peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan usul Menteri Luar Negeri dan bagi saya, saya ada sebut dalam beberapa pencelahan pagi tadi tentang perkara-perkara yang memang dekat di hati saya.

Pertama sekali tentang pemerkasaan Wisma Putra kerana kita sedar dan kita tahu ia antara yang paling penting. Kita ada banyak idea dan kita ada banyak penajajaran dalam kita mengusahakan Dasar Luar Negeri yang baharu.

■1600

Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri, sama ada adakah dari segi kesiapsagaan Wisma Putra, sama ada dari segi sumber manusia ataupun dari segi peruntukan yang diperlukan memandangkan cabaran yang telah disenaraikan? Sebenarnya banyak kerjanya. Jika tidak mencukupi, apakah yang akan diusahakan? Memandangkan keadaan ekonomi yang telah ditinggalkan kepada kita daripada pentadbiran yang terdahulu.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Pada masa yang sama, saya juga ingin bertanya berkaitan dengan isu koordinasi. Ini kerana, Yang Berhormat Menteri, saya pasti kita semua sedar bila mana kita lihat kepada beberapa perkara seperti contohnya *Trans-Pacific Partnership* dahulu, TPP dan juga isu-isu keselamatan seperti Yaman, seperti Syria dan juga isu-isu berkaitan dengan rantau Asia Tenggara, ia perlukan koordinasi antara Kementerian Luar Negeri dan juga agensi-agensi ataupun kementerian-kementerian yang lain. Apakah tahap interaksi di antara Wisma Putra sekarang dengan agensi-agensi tersebut termasuklah sebagai contoh MINDEF, MITI, MATRADE dan sebagainya?

Sekiranya Yang Berhormat Menteri berpendapat belum lagi mencukupi, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian Luar Negeri dan pihak kerajaan untuk memastikan wujudnya penyelarasan ini? Ini memandangkan sekiranya kita tidak dapat selaraskan, maka ia bagaikan, dengan izin, *the left hand and the right hand don't know what each other is doing*. Tidak boleh keadaan seperti ini kita benarkan berlaku.

Lebih-lebih lagi pada ketika kita sedang berhadapan dengan keadaan di mana kita perlu mempertahankan industri kita seperti industri minyak kelapa sawit dan juga pada masa yang sama kita berniat untuk meratifikasikan instrumen-instrumen Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Minta pencilahan sikit.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Silakan Yang Berhormat Kangar.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Lembah Pantai.

Tadi Yang Berhormat Lembah Pantai sebut tentang industri kelapa sawit, tadi pun ada beberapa Yang Berhormat yang lain sebut. Saya fikir Yang Berhormat Menteri juga harus cuba menyelaraskan dengan kementerian-kementerian lain. Ini kerana kalau kita tengok dari segi eksport kelapa sawit kita, boleh kata majoriti besar pergi keluar negara dan hanya sedikit yang digunakan di dalam negara. Mungkin sudah tiba masanya kita membangunkan industri kelapa sawit di peringkat domestik untuk memastikan apabila situasi pasaran global tidak begitu menyebelahi kita, sekurang-kurangnya kita ada permintaan dalaman yang dapat kita menampung sedikit permintaan untuk dalam industri ini.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Kangar. Saya terima, saya masukkan ucapan beliau sebagai sebahagian daripada ucapan saya.

Yang Berhormat Menteri, saya ingin juga memohon pandangan berkaitan dengan penyelarasan bila masa kita sebut contohnya isu Rohingya dan Myanmar. Bila masa kita berbicara soal, dengan izin, *the primacy of Malaysia's position in South East Asia*, apakah sebenarnya yang boleh kita lakukan selain daripada kita mengeluarkan usul-usul, sebagai contoh? Apakah dalam rangka ASEAN itu— memang kita sebut kita tidak mahu ataupun kita bersifat neutral dan *non-aligned*, dengan izin, tetapi adakah kita boleh melakukan lebih daripada itu?

Sama juga dengan isu Palestin. Kita sering mendapat...

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Sik mohon sikit penjelasan. Sik.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Sila, silakan.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai. Dirujuk balik kepada usul oleh Yang Berhormat Menteri yang disebut bahawa dalam dasar luar negara itu berkecuali dan mengamalkan falsafah memakmurkan jiran. Adakah Yang Berhormat setuju bahawa

ketika kita menyebut berkecuali itu, ia telah memberi ketidakadilan kepada beberapa isu yang melibatkan kita perlu berpihak dan bukan lagi berkecuali, khususnya dalam isu penindasan umat Islam Rohingya di Myanmar?

Sudah pasti berkecuali ini telah menjadi satu alasan kuat kepada Myanmar untuk menolak sebarang campur tangan daripada luar. Termasuk juga ketika saya sendiri mengalami satu pengalaman dihalau oleh pihak ekstremis di Rakhine ketika kita menghantar bantuan. Mereka mengatakan bahawa kamu daripada luar, daripada Malaysia tidak perlu campur tangan dalam urusan kami. Padahal kita menyatakan ketika ini kita sedang membantu kepada manusia yang tertindas di wilayah sana. Terima kasih.

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** *[Bangun]*

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Terima kasih Yang Berhormat Sik. Saya tertarik dengan isu ini. Mungkin pendirian daripada Wisma Putra, Kementerian Luar Negeri boleh perelaskan apa sebenarnya yang kita maksudkan bila kita sebut bahawa Malaysia ini berkecuali dan kita ingin memakmurkan jiran. Sila, sila.

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Lembah Pantai. Ringkas sahaja. Pencelahan saya ini untuk menarik perhatian Yang Berhormat Menteri Luar Negeri apabila menggulung nanti.

Saya ingin bertanya, adakah dasar luar negara Malaysia sekarang ini kosong? Adakah ia vakum, baru hendak dirangka? Saya melihat tidak seperti begitu. Negara kita sudah 61 tahun merdeka. Mungkin hal dalam negeri ini kita ada perbezaan pendekatan, tetapi saya melihat dasar luar negara sejak merdeka sampai sekarang, ia bukan terumbang-ambing. Ia berubah setapak demi setapak, *stable*, bersesuaian dengan keadaan masa *regional international*. Ia tidak terlalu radikal begitu. Ia bukan apabila kita kerajaan baharu ini, tiba-tiba kosong dan mesti ada satu dasar luar yang baharu. Saya tidak fikir begitu.

Jadi secara jujur, saya minta Yang Berhormat Menteri Luar Negeri jelaskan kalau dasar luar yang kerajaan baharu ini hendak tubuhkan ini, hala ke mana ini? Apa beza dengan dasar luar negara 15 tahun yang lalu ini? Di mana bezanya? Di mana silap yang lepas, kerajaan yang lepas, dasar luar yang lepas? Di mana kerajaan yang baharu ini hendak ada perbezaannya? Terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Terima kasih Yang Berhormat Pasir Gudang. Bagi saya, saya tertarik dengan isu memakmurkan jiran memandangkan agak janggal ataupun kita pada masa yang sama...



**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Laluan sikit.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Sila, sila.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai. Saya tertarik apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Pasir Gudang. Apa yang baharu ini? Cakap berkecuali, kita sudah lama berkecuali. *All the time*, neutral, baik dengan jiran. Saya hendak dengar sangat apa Yang Berhormat Menteri Luar Negeri hendak bawa kata baharu ini, kerangka baharu ini. Kerajaan baharu tetapi Malaysia macam itu juga, tidak ada beza. Tidak nampak apa yang baharu. Tengok jalan raya serupa sahaja. Bangunan di luar, bangunan itu juga. Sekolah, hospital itu juga. Apa yang baharu? Yang baharu... *[Disampuk]* Kita tengah tunggu lagi.

**Seorang Ahli:** Tidak ada rasuah sudah.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Apabila bercakap soal dasar luar, *I am sure*, dengan izin, Yang Berhormat Menteri Luar Negeri akan bercakap soal kita berkecuali, kita hendak memakmurkan jiran, kita berbaik dan sebagainya. *This has been our policies, our foreign policy all the time. Consistent. Are you going to change this consistency? I don't think so. I challenge the Minister to show to us, to brief us how different is your foreign policy. Thank you.*

■1610

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila, Yang Berhormat Lembah Pantai.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Terima kasih Yang Berhormat Pasir Salak. Walaupun saya bukan seorang diplomatik tetapi saya pun sedar. Sebagai contoh, kita telah terlibat dalam satu— boleh disebut sebagai perang saudara di Timur Tengah iaitu adalah di Yaman, sebagai contoh. Ini bukanlah satu perkara yang kita inginkan. Jadi, mungkin Menteri Luar Negeri nanti boleh sebut. Sebenarnya bagi saya ada perbezaan yang sangat besar di antara kerajaan yang ada sekarang dan yang sedang di rangka ke hadapan berbanding dengan yang— *the most immediate previous administration*. Akan tetapi saya teruskan.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Saudara, sedikit lagi.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Tidak apa. Dah tinggal tiga minit.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Adakah Yang Berhormat hendak mengatakan bahawa umpamanya bila sebut Yaman, *we should not have involved? Saya hendak tanya, in the case of Palestin? Are you going to be neutral?*

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Perbezaannya...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *You are not going to support Palestin?*

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Perbezaannya Yang Berhormat.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Apa bezanya? Tiada beza.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Kalau kita lihat...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *They are fighting for the same cause.*

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** ...untuk Yaman, kita tidak menggunakan kerangka PBB, sebagai contoh. Ini bukan kerangka PBB. Jadi, bagi saya kita perlu pastikan landasannya adalah jelas. Kita tidak boleh mengambil pendirian menggunakan struktur-struktur selain daripada yang kita telah selama ini memegang, contohnya PBB dan sebagainya. Saya ingin— memandangkan masa tidak terlalu panjang— sebenarnya ingin menyentuh soal Palestin. Oleh kerana— mungkin Menteri Luar Negeri boleh memberikan sedikit penjelasan berkait dengan isu usaha yang lebih ataupun kerjasama yang lebih erat dengan agensi-agensi yang lain.

Oleh kerana polemik yang wujud di kalangan rakyat adalah adakah Malaysia ini menjadi sama ada secara langsung ataupun tidak, masih mengadakan hubungan perdagangan dengan negara Israel pada ketika kita mempunyai pendirian yang sangat jelas, kita tidak menyokong sebagai contoh, peralihan ataupun kita tidak mengiktiraf Baitul Maqdis sebagai ibu negara Israel.

Jadi, adakah Yang Berhormat Menteri boleh memberikan sedikit pandangan tentang isu berkaitan dengan perdagangan sama ada Malaysia benar-benar mempunyai perdagangan sama secara langsung ataupun tidak dengan negara Israel. Jika ya, apakah langkah yang akan diambil? Memandangkan pendirian kita menyokong negara Palestin untuk mengurangkan perdagangan sama ada secara langsung ataupun tidak dengan negara Israel. Saya ingin cuma menyentuh isu parti rakyat yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri dalam usul ini.

Bagi saya, amat penting bila masa rakyat Malaysia boleh memahami kenapa Malaysia sekarang mempunyai satu dasar luar negara yang baharu berpandukan kepada ucapan Yang Amat Berhormat Langkawi di PBB tempoh hari. Bagi saya, tidak lengkap sekiranya perbincangan ini cuma berlegar di kalangan Ahli-ahli Parlimen, wakil-wakil rakyat. Saya rasa usaha yang lebih mendalam perlu diusahakan dengan menggunakan agensi-agensi yang lain dengan meningkatkan tahap pemahaman orang

ramai, terutama di peringkat mahasiswa. Malah juga di sekolah-sekolah tentang apakah sebenarnya pendirian Malaysia sekarang dan ini semestinya akan menyentuh kepada aspek pendidikan.

Saya mohon Yang Berhormat Menteri untuk menyatakan apakah langkah yang akan diambil untuk memastikan bukan sahaja rakyat boleh terlibat dalam pemahaman ataupun terlibat dalam proses ini tetapi apakah yang boleh kita usahakan supaya rakyat benar-benar faham mengapa Malaysia mengambil pendirian yang baharu ini. Sekian, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai. Kita ada dua lagi pembahas sebelum Yang Berhormat Menteri menjawab. Saya menjemput Yang Berhormat Arau.

#### **4.14 ptg.**

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Terima kasih. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh. Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Perdana Menteri dan telah memberi ucapan semula di United Nations berhubung dengan perkara-perkara, terutamanya berhubung dengan Palestin, *veto power*, *environment*, *prosper thy neighbour*, kemudian rule of law. Ini ialah perkara utama yang telah diucapkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Saya di antara Ahli Parlimen yang lama di Parlimen ini dan memegang jawatan utama juga dalam kerajaan, sentiasa mengikuti Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan-tuan ini baharu sahaja, saya sudah lama. Inilah ucapan yang sama tetapi telah di perbaharukan. Jadi, Malaysia baharu ini ialah ucapan ini baharu di mulakan selepas ucapan yang terakhir pada mungkin 2003, kalau tidak silap. Akan tetapi benda yang sama sebab masalah yang berlaku dalam dunia itu belum selesai lagi. Masalah Palestin belum selesai lagi, malah makin bertambah teruk. Masalah *veto power* lagi teruk. Masalah *environment* lagi teruk. Jadi, oleh sebab Ahli Parlimen yang hadir hari ini ramai yang baharu, jadi kita setuju pada dasarnya ini adalah ucapan yang baharu yang merupakan sesuatu yang harus menjadi kerangka dasar Kementerian Luar Negeri. Akan tetapi Kementerian Luar Negeri seperti yang semua maklum, ia tidak berubah kedudukannya.

Sekarang ini bagaimana kita hendak kuatkan Wisma Putra ini? Wisma Putra ini ia ada *desk officer*, dengan izin, bagi negara-negara dan wilayah tertentu. Akan tetapi adakah mencukupi untuk pegawai yang berkenaan untuk menyelesaikan perkara-

perkara yang berbangkit. Untuk membolehkan Malaysia menjadi nombor satu, kita mesti nombor satu ke hadapan dalam kesemua perkara. Dalam apa-apa persidangan dan sebagainya, Malaysia kena hadir dan mewakili, baru orang akan kenal kita dan baru orang mengiktiraf kita.

Akan tetapi kalau kita syok sendiri dalam Dewan ini, selepas itu tiap kali kita akan tuduh kerajaan lama tidak berguna dan sebagainya, jadi saya sudahlah sakit tetapi saya lagi sakit bila hadir Mesyuarat yang lepas, semua menyalahkan kerajaan yang lama. Hari ini saya rasa hati saya lembut sedikit bila Yang Berhormat Batu Kawan menyebut bahawa sembilan tahun dahulu, dia tidak sebut 61 tahun, banyak sebut 61 tahun, Tuan Yang di-Pertua. 61 tahun, mereka lupa tolak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dahulu menjadi Timbalan Perdana Menteri 1978, selepas itu menjadi Perdana Menteri 22 tahun, sudah campur dengan tiga atau empat tahun, sudah jadi 26 tahun.

Jadi, kalau kita kata 61 tahun tidak guna, jadi macam mana? Kita menghina Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Kita juga menghina— tahniah wakil baharu Ahli Parlimen Port Dickson. Tahniah kerana telah menang secara cemerlang. Kita telah menyebut dia ialah bakal Perdana Menteri dan sebagainya. Akan tetapi dia juga Timbalan Perdana Menteri dahulu, adakah kita hendak kritik semasa dia jadi Timbalan Perdana Menteri? Ucapan yang menyebut kerajaan 61 tahun dahulu adalah satu ucapan yang menghina diri. Jangan sebut lagi. Tuan-tuan, tuan-tuan sudah menang. Ambil, *no problem*. Sudah menang, ambil dan buat yang terbaik. Bukan macam Yang Berhormat Menteri Kewangan, setiap kali jawab, bantai kerajaan dahulu. Kerajaan dahulu *corrupted* dan sebagainya. Saya tahulah dia lepas dari kes mahkamah, jadi dia tidak *corrupt*. Akan tetapi tengah duk bicara, mahkamah boleh lepas, kira hebatlah. Akan tetapi...

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Yang Berhormat Arau.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** ...untuk menuduh orang jahat dan sebagainya, itu bukan cara untuk menyelesaikan masalah. Jadi, sekarang ini kita sudah menang, buat. Buat yang terbaik. Tidak perlu kata, 'I tidak boleh buatlah sebab ini kerajaan dahulu tidak guna.'

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Yang Berhormat Arau, sedikit penjelasan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Kalau kerajaan- masa kami, tidak ada masalah. Tidak ada masalah barang naik, tidak ada masalah cukai, kalau sudah tidak boleh buat, bagi balik, itu ceritanya. Sekarang kita— sudah awak boleh buat, perintahkan. Jangan cakap melalut-lalut tidak tentu pasal. Sekarang ini saya hendak beritahu Yang Berhormat.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Yang Berhormat Arau.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Arau, ada celahan Yang Berhormat.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Celah mana?

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Di sini, Yang Berhormat Batu Kawan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Saya sudah puji you, cukuplah.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Apa dia, mana ada puji. *[Ketawa]*

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** You sebut sembilan tahun.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Saya hendak menjelaskan, 61 tahun memang kami telah mewarisi isu-isu daripada Barisan Nasional. Akan tetapi sembilan tahun ini khas, khusus untuk Yang Berhormat Pekan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Akan tetapi kalau sebut ini...

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Satu rejim, satu kerajaan kleptokrasi, itu perbezaannya.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Thank you. Akan tetapi 26 tahun di bawah di bawah pemerintah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Tun Mahathir. Di bawah bekas— tidak lama jadi Yang Amat Berhormat Port Dickson, adakah kita hendak katakan pada mereka? Mereka di antara orang yang telah mentadbir negara dengan baik, terbaik. Dewan yang mulia ini adalah hasil tangan mereka. Kita negara tidak guna. Malah, tuan-tuan dapat gaji baharu pun hasil daripada usaha saya juga kan? Ahli Parlimen, termasuk Tuan Yang di-Pertua, dapat gaji mahal daripada Perdana Menteri.

#### ■1620

Ahli-ahli Yang Berhormat, jadi PH ini kena ingat. PH ini kena ingat bahawa Yang Berhormat semua menang kerana aura Tun Dr. Mahathir. Kalau Tun Dr. Mahathir tidak ada, tidak boleh kalahkan kami sebab kami kuat. Akan tetapi PH juga kena ingat tanpa PKR, kekuatan PKR menyebabkan PH menang. Kalau tidak ada PKR, PH tidak boleh menang. Ini dua benda yang boleh disatukan iaitu Langkawi dengan Port Dickson, *alright* lah itu. Itu cara hendak mengulasnya. Bahawa kalau Tun tidak ada, jangan ketepikan dia, kamu tidak menang. Akan tetapi kalau PKR tidak ada juga, *you all* tidak menang. Cukup tajuk itu, kita tidak boleh lama sangat. Sekarang kita pergi kepada— nanti...

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Balik ambil borang.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Nanti berlaku pergaduhan yang hebat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Teruskan Yang Berhormat Arau.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** *Okay, back this one.* Wisma Putra kena kuat dan dia kena ke hadapan. Sekarang ini Wisma Putra kena senaraikan pertubuhan-pertubuhan sukarelawan dunia termasuk pertubuhan-pertubuhan tentang *environment*, Malaysia kena sertai. Saya bagi contoh satu pertubuhan nama dia *International Conference of Asian Political Parties (ICAPP)*. Hak yang ini ialah parti-parti politik Asia berkumpul, 176 parti-parti politik Asia daripada 56 buah negara Asia berkumpul untuk mengadakan konvensyen tiga kali setahun. Malaysia harus...

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Boleh cakap siapa pengerusi dia?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Pengerusinya sayalah, ada *interest* sedikitlah. [*Dewan ketawa*] Saya pengerusi mewakili UMNO jadi adalah wakil DAP, PKR, PAS, semua parti-parti boleh hadir. Konvensyen yang berikutnya adalah di Moscow pada bulan November ini. Siapa yang hendak hadir beritahu, penginapan *free* dan lain-lain lagi ya.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Minta penjelasan sedikit.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ya.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Minta penjelasan sedikit.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ya, ya, Yang Berhormat Kangar.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Ini pasal *transboundary haze* jerebu antara negara memandangkan Yang Berhormat Arau tadi menyebut mengenai alam sekitar. Jadi sebelum ini ASEAN ada keputusan tetapi sejauh mana ia dapat dikuatkuasakan?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Okey.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Mungkin Yang Berhormat dapat jelaskan sedikit.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Hal yang ini saya akan jelaskan di bawah *environment* sekejap lagi. Saya akan sentuh tajuk ini sebab saya tengok masa masih panjang untuk saya. Okey. Jadi kita kena sertai program ini. Jadi, kalau kita sentiasa berada di barisan hadapan, orang akan mengiktiraf kita. Malah ini negara-negara yang terlibat dengan anti minyak sawit ini ialah di antaranya ialah negara-negara yang termasuk dalam ICAPP tadi dan ICAPP tadi akan disertai sama oleh negara Eropah dan juga Afrika. Jadi kalau kita berbaik dengan mereka, kita tidak payah berbelanja banyak kita boleh selesaikan masalah ini.

Di antara benda yang pertama ialah bukan kerana kita berjaya berkempen bahawa minyak ini bagus tetapi hubungan kita. Negara China dalam *conference* ini. India dalam *conference* ini. Jadi ini di antara negara-negara yang saya rasa— Indonesia dalam *conference* ini dan saya merupakan *senior standing committee member* yang boleh juga memainkan peranan tetapi orang tidak hendak minta tolong, okeylah.

*Okay back to this one*, Malaysia mesti berada nombor satu di hadapan sama ada dari segi keterampilannya di dunia ini terutamanya melalui pertubuhan-pertubuhan United Nation dan juga lain-lain lagi. Perkara kedua pasal Palestin. Ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyebut dalam ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa di Oxford, London. Saya lupa tahun berapa iaitu tajuknya, '*Islam the Misunderstood Religion*' dan saya dengan kawan-kawan menggunakan wang kita sendiri daripada gaji kami sendiri telah mengeluarkan semula teks ucapan ini dan diedarkan dalam bahasa Arab, bahasa Inggeris dan juga lain-lain lagi untuk diedarkan dan semua orang terima ucapan ini.

Ucapan Yang Amat Berhormat Tun di Oxford ini telah disiarkan di Saudi. Saudi susah hendak menyiarkan ucapan. Oleh sebab mereka tertarik dengan ucapan yang begitu hebat berhubung dengan Islam tetapi apabila Yang Amat Berhormat Tun tersilap sedikit kenyataan dia yang penghabisan menyebut bahawa kami ini negara Islam berfahaman Syafi'i, itu yang dia tutup balik Saudi sebab Saudi mahu tidak menyebut perkataan mazhab, apabila kita tersebut mazhab jadi Wisma Putra kena pandai untuk memastikan ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri apabila pergi Saudi jangan sebut benda ini. Kalau pergi negeri ini sebut macam ini. Kalau kita menyebut satu benda, akhirnya orang akan hukum kita, kita rugilah. Inilah hubungan antarabangsa. Jadi pertubuhan antarabangsa ini bukan kepandaian kita mengatur tetapi ucapan-ucapan ini penting.

Kemudian yang keduanya, kita tahu bahawa *root cause* kepada masalah keganasan dunia ini ialah Palestin termasuk Yang Berhormat Rembau sebut ada juga masalah lain. Akan tetapi yang utama ialah Palestin. Tahun 1948, negara Palestin telah dikeluarkan daripada peta dunia menjadi negara Israel. Ini puncanya. Jadi punca ini kena diselesaikan. Hak yang ini Wisma Putra dan juga Kementerian Luar bukan sahaja setakat berucap tetapi kena bersama-sama dengan negara-negara yang terlibat untuk menyokong anti keganasan ini supaya kita tidak membiarkan kenyataan kita hanya setakat kenyataan tetapi kita kena buat, kena bekerja.

Dalam negara juga kita hendak menunjukkan bahawa kita betul-betul mengerakkan anti keganasan dan sebagainya. Bahagian anti keganasan Bukit Aman

kena memastikan supaya mereka juga tidak memihak, jangan ada bahagian keganasan Bukit Aman mentafsirkan kitab Ibnu Taymiyyah. Mana boleh, polis tidak boleh polis bukan ulama untuk mentafsirkan kitab Ibnu Taymiyyah. Dia kata Ibnu Taymiyyah telah ditulis beratus tahun dan ditafsirkan oleh ulama-ulama dan kita tidak ada masalah dari segi tafsiran tetapi di sini Bukit Aman mentafsirkan kitab Ibnu Taymiyyah itu adalah di antaranya punca kepada keganasan.

Mana boleh kita bercakap benda ini kalau kita tidak ada kepakaran. Jangan kita mengambil nasihat daripada seorang yang tidak ada kelayakan untuk memberi nasihat tersebut. Jadi kita harus berhati-hati. Saya setuju dalam hal ini walaupun saya berbeza pendapat dengan Tuanku Raja Perlis dari segi pelantikan MB tetapi dari segi tafsiran kitab Ibnu Taymiyyah, kita menyokong Duli Yang Maha Mulia Tuanku Raja Perlis dan kita akan menyokong habis-habisan.

Jadi Yang Berhormat Batu Kawan kena ingat bahawa Syiah bukan agama. Saya minta Kementerian Luar terangkan kepada Ahli Parlimen PH tentang agama itu apa dia. Agama Islam itu apa dia. Syiah bukan agama. Wahabi bukan agama, itu ialah fahaman. Jadi kalau mereka tidak faham, jadi kita ada masalah. Jadi Wisma Putra termasuk Menteri “liberal agama” supaya...

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Yang Berhormat Arau...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Mentafsirkan...

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Yang Berhormat Arau minta penjelasan sedikit...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tentang makna agama.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Sekiranya apa Yang Berhormat Arau mengatakan tadi bahawa Syiah itu ialah satu fahaman, maka di atas dasar apa penahanan dibuat ke atas golongan yang mengikut fahaman Syiah ini?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Oleh sebab Islam – Yang Berhormat, agama Hindu saya tidak tahu, agama Kristian saya tidak tahu terpulanglah kepada mereka tetapi dalam Islam, kita berfahaman Sunnah Wal Jamaah. Siapa yang tidak mengikut Sunnah Wal Jamaah, jadi kita tidak bolehlah terima. Tidak boleh ada...

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Akan tetapi Perlembagaan Persekutuan jelas mengatakan *is a clear and* Syiah *is a religion. I mean this is the first time* saya mendengar Syiah adalah satu fahaman.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ya, okey *very good*. Oleh sebab masa saya– Yang Berhormat, oleh sebab masa terlampau pendek...

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** *Very good for you also.*



**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** *No*, tetapi saya hendak beritahu Yang Berhormat bahawa agama ini hak negeri ya. Yang Berhormat, Perlembagaan Persekutuan tidak boleh menghalang agama Islam adalah hak negeri.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Okey selain daripada Syiah...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Okey Yang Berhormat *thank you very much*. Saya ada satu minit Yang Berhormat...

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Okey, baik.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Pasal Laut China Selatan Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Nanti kita minum teh.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Kementerian luar tadi bekas Menteri luar tadi menyebut bahawa ini pasal UNCLOS dan sebagainya. China tidak mengiktiraf UNCLOS. Dia tidak mengiktiraf UNCLOS jadi macam mana kita *dok* pegang kepada UNCLOS dalam keadaan dia tidak mengiktiraf. Dia pergi ke *Philippines*, dia tidak iktiraf UNCLOS. Laut China Selatan ini Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dari segi *general knowledge* sahaja kan. *[Dewan ketawa]*

Malaysia, puak-puak ini banyak tidak faham semua. Malaysia dipisahkan oleh laut yang bukan hak kita. Laut China Selatan daripada Vietnam sampai 200 batu nautika, Indonesia daripada Pulau Natuna 200 batu nautika akhirnya telah memisahkan Malaysia Barat dengan juga Malaysia Timur. Kita tidak bersambung pun laut kita. Jadi Laut China Selatan ini yang itu Vietnam punya, yang ini Indonesia punya. Hak yang lain-lain kita punya dan juga *Philippines*.

Jadi sekarang ini ada sebuah kapal yang berada di 83 batu nautika daripada Sarawak dalam kawasan Malaysia, dalam kawasan zon ekonomi eksklusif Malaysia tetapi *coast guard* daripada negara China berada di pulau ini di gugusan batu-batu karang ini dan kawasan batu karang ini ialah letaknya 400 batu nautika daripada Hainan melalui Vietnam dan juga *Philippines* selepas itu mari Malaysia. Tidak bersangkut paut pun jadi makna kata Laut China Selatan ialah dipunyai oleh negara-negara Vietnam, Indonesia, Malaysia, *Philippines* bukan orang lain.

#### ■1630

Jadi, kalau sekiranya ada kapal asing datang ke sini, maka inilah sampai masanya harus selesaikan perkara ini. Orang Sarawak pertikai, kenapa kita tidak boleh pertahankan masalah keselamatan yang melibatkan negeri Sarawak? Mereka juga memberikan sumbangan kepada Kerajaan Persekutuan. Setiap kali kita jawab, Wisma Putra akan jawab...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Arau, *time's up...*

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ini masalah diplomasi, UNCLOS. Itu bukan jawapan. Jawapannya, kita kena tangani kapal ini berada di sini. Kenapa mereka berada di sini pada tahun 2013? Saya ambil tindakan. Akan tetapi, itulah kemampuan yang saya buat selepas itu kerajaan tidak bersambung. Kalau, bersambung, saya akan mengambil tindakan yang lagi hebat. *[Dewan ketawa]* Akan tetapi, kita minta supaya kerajaan ini teruskan usaha ini dan pastikan tidak ada kapal asing ataupun kapal pemerintah negara asing berada di dalam kawasan laut kita. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih, Yang Berhormat Arau. Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Tanjong Malim.

**4.31 ptg.**

**Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ada satu lagi.

**Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengambil kesempatan ini untuk membahaskan usul yang diusulkan oleh Menteri Luar Negeri. Bagi saya, ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di *United Nations General Assembly* adalah satu dasar yang begitu berbeza daripada rejim yang dulu. Ya lah, bagi orang-orang Barisan Nasional mungkin dia tidak nampak ada perbezaan dia. Akan tetapi, bagi saya, terlalu besar perbezaan. Pertamanya, saya mengalu-alukan ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang mengiktiraf dan janji akan meratifikasikan dokumen-dokumen teras Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu yang berkaitan dengan perlindungan hak asasi manusia.

Ini merupakan satu langkah yang membawa makna yang besar kepada negara kita dan bagaimana persepsi negara lain terhadap negara kita. Kita tahu untuk meratifikasikan dokumen-dokumen ini, kita menghadapi banyak masalah dan kesukaran. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah pun mengatakan bahawa tidak mudah untuk kita sebab Malaysia adalah sebuah negara yang berbilang kaum, berbilang agama dan berbilang budaya.

Akan tetapi, janji, *pledge* untuk menandatangani dokumen-dokumen hak asasi manusia ini merupakan satu keazaman politik yang begitu kuat dan untuk menunjukkan kepada luar negara, bahawa kita komited untuk melindungi hak asasi manusia, walaupun kita mempunyai kesukaran. Ya lah, kalau dari respons Yang Berhormat

Rembau, kita tahu kenapa kerajaan dahulu tidak mahu meratifikasikan. Ini kerana, mereka tidak mahu menghadapi masalah dan kesukaran itu. Mereka tidak mahu menanganikan masalah itu dan mereka sapu ke bawah permaidani, *sweep under the carpet*.

Kalau tadi Yang Berhormat Rembau, hendak cakap dia setuju atau tidak setuju tentang *Elimination of All Forms of Racial Discrimination Convention* itu. Dia tidak berani hendak menyuarakan pendirian dia. So, bolehlah kita faham kenapa Barisan Nasional tidak berani meratifikasikan ataupun *pledge to ratify*.

**Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Saya hendak tanya Yang Berhormat Tanjong Malim, dalam kes khusus yang saya bangkitkan iaitu *International Convention Against All Forms of Racial Discrimination* kalau sekiranya ada kaitan terhadap sebagai contoh, Perkara 153, yang perlu dimansuhkan, saya mahu tanya Yang Berhormat Tanjong Malim, setuju atau tidak?

**Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]:** Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah pun mengatakan dengan izin, "*We will accord space and time for all to deliberate and to decide freely based on democracy*". Maksudnya...

**Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Bukan, bukan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Saya hendak tanya Yang Berhormat Tanjong Malim. Setuju atau tidak?

**Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]:** Saya setuju untuk kita meratifikasi *convention*...

**Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Kalau ada kesan kepada pemansuhan seperti Perkara 153, Perlembagaan Persekutuan?

**Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]:** Untuk pengetahuan am, ratifikasi ini ada banyak, beberapa jenis...

**Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Saya tanya setuju atau tidak?

**Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]:** Ada ratifikasi penuh, ada ratifikasi dengan...

**Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** *You just answer 'yes' or 'no'*.

**Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]:** Ada ratifikasi dengan *reservation*.

**Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** *Just 'yes' or 'no'*. Samalah. Maksudnya samalah. Samalah.

**Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]:** Tidak maksudnya. Tidak, bukan sama. *At least*, saya berani kata saya setuju untuk negara kita meratifikasikan *convention* ini. Yang Berhormat Rembau setuju atau tidak?

**Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Setuju. Akan tetapi, kita kena bincang kesan.

**Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]:** Ya, setuju.

**Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Samalah. Sama dengan Yang Berhormat Tanjong Malim.

**Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]:** Ya, setuju. Ya, betul. Kita kena bincang dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah pun...

**Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Setuju atau tidak? Sama dengan Yang Berhormat Tanjong Malim. Saya tanya perkara yang *simple*, setuju kah tidak kalau memberikan kesan kepada peruntukan Perlembagaan? Yang Berhormat Tanjong Malim berikan jawapan samar. Samalah.

**Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]:** Mana sama. *[Ketawa]* Tidak apa, tidak apa. Maksudnya, kita apabila mahu meratifikasikan *convention* itu kita kena melalui satu proses yang panjang termasuk *legislative process*. Maksudnya, akan dibawa ke dalam Dewan yang mulia ini untuk kita sama-sama membuat keputusan. Kalau Yang Berhormat Rembau tidak setuju, tidak apalah. Kita tidak meratifikasi secara penuh ataupun kita ratifikasi dengan bersyarat.

Akan tetapi, tidak boleh kita *sweep under the carpet* dengan izin, kita kena menghadapinya, kita kena menangani kesukaran itu. Tuan Yang di-Pertua, sebelum ini, kita hanya meratifikasikan tiga *convention*, CRC tentang *child right*, CEDAW tentang hak wanita, CRPD tentang *right of persons with disabilities*. Ada enam *convention* yang kita tidak ratifikasi.

So, maksudnya, ada enam *convention international* yang kita tidak *ratify* dan memberikan satu gambaran seolah-olah negara kita tidak melindungi hak-hak yang disebut termasuklah *the International Covenant on Civil and Political Rights* (ICCPR), *the International Covenant on Economic, Social and Cultural Rights* (ICESCR) dan yang paling memalukan adalah kita tidak meratifikasikan *United Nations Convention against Torture* (UNCAT) iaitu *convention* yang *against torture* atau penyeksaan. Ini sangat memalukan kerana ini memberikan gambaran seolah-olah negara kita mengiakan keseksaan.

Tuan Yang di-Pertua, hak asasi manusia bukan nilai barat tetapi nilai-nilai sejagat dunia. Kita harus setuju dengan benda-benda berikut seperti tidak menyeksa sesama

manusia, tidak mendiskriminasikan, tidak menahan tanpa bicara, melindungi golongan kurang berupaya, keadilan, kedaulatan undang-undang dan lain-lain. Ini bersesuaian dengan nilai-nilai timur dan juga nilai-nilai agama utama di negara kita. Ini juga bersesuaian dengan kehendak dan niat rakyat Malaysia. Kalau kita rujuk kepada teks Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, "*Malaysian want a new Malaysia that upholds the principles of fairness, good governance, integrity and the rule of law*".

Tuan Yang di-Pertua, walaupun *pledge* ini, janji untuk meratifikasikan ini saya rasa adalah berpuluh tahun lewat. Akan tetapi, *late is better than none*. Kita, harus menyokong usaha ini. Selain daripada dokumen-dokumen yang disebut, kita harus juga iktiraf dan ratifikasi Statut Rom Mahkamah Jenayah Antarabangsa secara penuh dan juga Konvensyen Pelarian 1951.

Kedua, Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebut di dalam ucapannya, rakyat Malaysia hendak Malaysia menjadi sebuah negara yang berkawan dengan semua negara dan tidak memusuhi sesiapa. Kita harap Malaysia tetap neutral dan berkecuali. Untuk tempoh masa yang lama, Malaysia adalah salah sebuah negara utama yang merupakan tunjang utama Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM). Selama dasar berkecuali ini dilaksanakan, Malaysia tidak dilihat sebagai sebuah negara yang lemah atau tidak berpendirian, malah kita dihormati sebagai negara yang berani mengutarakan pendirian kita tanpa perlu merujuk kepada mana-mana *big brother*, dengan izin sebab kita tidak bergantung pada mana-mana pihak.

Tuan Yang di-Pertua, namun sejak kebelakangan ini Malaysia tidak lagi dihormati di kalangan negara-negara NAM kerana kurang lantang dalam isu-isu yang melibatkan kedaulatan dan keselamatan serantau. Kerajaan Malaysia dianggap ada kecenderungan tertentu kerana tidak lagi berkecuali. Itu sebabnya, ini bukan *reiteration*, ini sebab kerajaan dahulu telah menyimpang daripada polisi berkecuali ini.

Kita ambil contoh Laut Cina Selatan. Laut Cina Selatan telah menjadi medan perang mulut di antara dua kuasa besar di dunia. Malaysia tidak harus membisu dalam isu ini kerana Laut Cina Selatan merupakan *backyard* kita dengan izin. Kita tidak mahu menjadi mangsa dalam pergelutan di antara dua ekor gajah. Kita tidak harus ada kecenderungan dan menjadi *proxy* kepada mana-mana kuasa besar ataupun kita tidak boleh menjadi 'budak suruhan' yang dilagakan selepas itu kita layan lagaan tersebut.

#### ■1640

Kita kena ada jalan sendiri untuk menyelesaikan kemelut Laut China Selatan ini. Tuan Yang di-Pertua, pembangunan bersama adalah cara penyelesaian yang terbaik

pada setakat ini dan saya harap negara kita akan terus berkecuali dan kita cari penyelesaian untuk membangunkan secara bersama dan tidak *militarize* dengan izin Laut China Selatan. Kita harus *utilize* institusi-institusi antarabangsa yang sedia ada seperti PCA, Tribunal Timbang Tara Antarabangsa, Konvensyen Bangsa-Bangsa Bersatu tentang Undang-undang Laut (UNCLOS).

Tadi Yang Berhormat Arau ada sebut dia kata pengetahuan am bahawa China ini tidak setuju dengan UNCLOS tetapi kalau kita semak balik China adalah antara negara yang meratifikasikan UNCLOS. Yang tidak meratifikasikan UNCLOS adalah Amerika Syarikat. Kita kena gunakan UNCLOS ataupun kerangka Kod Tatalaku Laut China Selatan antara ASEAN dengan China dan lain-lain. Saya juga setuju dengan cadangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita harus mendemokrasikan institusi-institusi antarabangsa agar tidak dikuasai oleh sesetengah pihak termasuk PBB sendiri. Sistem kuasa veto harus diubah supaya dunia ini tidak dikuasai oleh lima buah negara sahaja. Hanya dengan sifat berkecuali dan pemeraksanaan institusi-institusi antarabangsa ini, Malaysia dapat mempertahankan kepentingan dan kedaulatan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua perkara ketiga yang saya hendak sebut adalah tentang pembasmian *terrorism*. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri **sudah** pun sebut dengan panjang lebar dalam ucapan beliau di *United Nations General Assembly* iaitu dengan cara kekerasan kita tidak dapat menangani ataupun kita tidak dapat mengatasi masalah *terrorism*. Malaysia harus mengetuai usaha selesaikan kemelut di Palestin. Selagi isu itu tidak selesai, kesengsaraan rakyat Palestin akan digunakan sebagai alasan untuk mengapi-apikan sentimen ekstremisme.

Walaupun saya setuju dengan Yang Berhormat Rembau tadi, bahawa isu Palestin ini sudah berpuluh tahun, sampai hari ini mungkin ada isu-isu yang ekstremisme, *terrorism* itu tidak berkaitan langsung dengan isu Palestin. Akan tetapi kesengsaraan rakyat Palestin ini akan digunakan sebagai alasan, sebagai hujah untuk mengapi-apikan sentimen ekstremisme. Itu sebabnya saya menyeru supaya Kementerian Luar haruslah mengambil isu Palestin ini sebagai isu yang penting untuk kita meletakkan lebih usaha untuk selesaikan kemelut Palestin.

Tuan Yang di-Pertua kalaulah kekerasan itu boleh menyelesaikan *terrorism*, kita tengok selepas *9/11 terrorist attack* yang melibatkan lebih kurang 3000 kematian, pihak Amerika Syarikat telah mengadakan banyak tindakan termasuk penangkapan besar-besaran, juga berlaku di dalam negara kita. Ini termasuk mengadakan *Guantanamo Bay* dan lain-lain. Akan tetapi kalau kita tengok selepas tahun 2001, tahun 2002 berlakunya *Bali Bombing* yang melibatkan 200 nyawa. Selepas itu tahun 2004,

berlakunya, *Madrid Train Bombing* yang melibatkan lebih kurang 200 nyawa juga. *Besland School Hostage* yang berlaku di Rusia pada tahun 2004 melibatkan lebih kurang 400 nyawa.

Maksudnya usaha untuk menangani *terrorism* ini gagal kalau kita hanya menggunakan kekerasan ataupun hanya menggunakan *military* untuk mengatasi masalah itu. Oleh sebab itu, saya amat setuju dengan ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa kita kena menangani isu ini secara *holistic*, dengan izin. Itu sebabnya Tuan Yang di-Pertua, kita kena memberikan perhatian yang secukupnya terhadap krisis kemanusiaan yang berlaku di Rakhine, Myanmar. Ini akan menjadi satu lagi punca ekstremisme kalau kita tidak menangani dengan baik, kalau kita tetap mengambil sikap *non-interference*.

Tuan Yang di-Pertua *non-interference* ini tidak harus diambil sekiranya melibatkan *genocide*, ataupun pembunuhan secara besar-besaran. Kita kena ambil pengajaran daripada *genocide* yang berlaku di Rwanda dan *genocide* yang berlaku di Cambodia sebelum ini. Kita tidak harus menggunakan alasan *non-interference* untuk tidak masuk campur walaupun kita saksi dengan mata sendiri, berlakunya *genocide* secara besar-besaran.

Tuan Yang di-Pertua sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya juga ingin memberi persetujuan saya yang sepenuhnya iaitu untuk menubuhkan “*select committee* dasar luar” kerana dasar luar adalah sesuatu yang amat penting untuk negara kita. Sebelum ini saya rasa kita tidak memberi perhatian yang secukupnya untuk dasar luar ini. Oleh sebab itu saya minta “*select committee* dasar luar” ditubuhkan. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua terima kasih, Tanjong Malim menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Tanjong Malim, saya sebut tadi memang pembahas terakhir tetapi saya bagi peluang satu lagi daripada Kota Bharu.

#### 4.46 ptg.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, *Assalamualaikum*, salah sejahtera. Terima kasih kerana saya telah diberikan peluang terakhir, sepatutnya saya berucap lebih awal tetapi terlepas tadi, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua saya turut menyatakan di sini bahawa dasar luar negara kita ini adalah satu yang penting. Saya mendengar dengan penuh teliti ucapan sahabat saya Yang Berhormat Menteri Luar tadi yang seolah-olah mengatakan bahawa kita ini pada masa ini belum ada dasar luar. Akan tetapi untuk berlaku ada kepada beliau dan

secara positifnya saya mengatakan bahawa mungkin yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Menteri Luar adalah pendekatan bagi kerajaan yang ada sekarang ini berdasarkan kepada, saya sempat membuat sedikit kajian daripada *website* Wisma Putra.

Dengan izin saya membacanya, *“Malaysia's foreign policies is premise on establishing close and friendly relations with countries in the community of nations. It will continue to respect the internal affairs of other nations and advocate policies of non-interference recognizing the sovereignty of the nation”*.

Saya rasa inilah dasar luar yang ada sekarang ini, Cuma pada hari ini saya cukup berbesar hati kerana pihak kerajaan melalui kabinet telah memutuskan ucapan Yang Amat Berhormat Langkawi selaku Perdana Menteri di UNGA pada akhir bulan lepas telah dibentangkan di sini untuk membolehkan kita di sini memberikan pandangan kepada pandangan yang telah dibuat, walaupun sebelum ini saya sedar bahawa tidak ada ucapan-ucapan Perdana Menteri atau Timbalan Perdana Menteri di luar negara, di United Nations dan sebagainya telah dibentangkan semula di dalam Dewan Yang Mulia ini untuk diberikan pandangan oleh Ahli-ahli Dewan. Mungkin ini satu konvensyen yang baharu bagi Kementerian Luar dan ia adalah suatu yang cukup positif bagi pandangan saya.

Tuan Yang di-Pertua, saya sempat meneliti 45 perenggan ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di PBB baru-baru ini dan untuk masa yang terhad ini saya suka menyatakan bahawa kita amat berbesar hati kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyentuh isu-isu yang menjadi isu sejagat yang tidak boleh bagi negara kita yang berdaulat ini mengetepikan isu-isu yang melibatkan kedaulatan sejagat ini.

Perkara yang banyak disentuh oleh pembahas-pembahas sebelum ini iaitu mengenai isu Palestin. Saya juga suka menyentuh perkara ini sebagai suatu isu yang tidak sepatutnya diketepikan oleh pihak kerajaan kita kursusnyanya dasar luar negara kita. Sedikit latar belakang secara ringkas, kita tahu bahawa mengikut rekod, sejak 30 Mei 2018, lebih dari 140 rakyat Palestin telah mati dan lebih 16 ribu telah cedera di Gaza oleh tentera penganas Israel. Rakyat Palestin yang bangkit untuk kembali ke tanah mereka yang dijamin di bawah Resolusi 142 PBB telah ditembak dengan *brutal* oleh tentera kejam rejim Israel. Yang terbunuh termasuklah kanak-kanak, remaja, wanita warga tua, jurnalis dan pekerja-pekerja bantuan perubatan.



**■1650**

Kini serangan udara dan pengeboman paling sengit sejak serangan tahun 2014 lalu sedang dilancarkan oleh tentera penceroboh Israel ke atas Gaza. Paling parah ialah rakyat biasa menjadi mangsa walaupun Israel mendakwa serangan disasarkan kepada lokasi pejuang Hamas sahaja.

Hakikatnya, Tuan Yang di-Pertua, sejak tahun 2007 kepungan haram Israel ke atas Gaza dikuatkuasakan, rakyat Palestin di Gaza menderita akibat keputusan makanan, ubat-ubatan, bekalan air bersih dan elektrik, prasarana pendidikan dan kesihatan, kediaman yang musnah serta kepungan ke atas pergerakan keluar masuk rakyat Gaza. Kini, lebih dua juta rakyat Gaza hidup dalam keadaan yang amat sukar bila 80 peratus daripada penduduk bergantung pada bantuan daripada luar.

Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Yang Berhormat Kota Bharu, Sik minta sikit penjelasan.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Saya tidak cukup masa lah, minta maaf. Tuan Yang di-Pertua, kita berpendapat bahawa langkah penyelesaian yang dicadangkan oleh setengah-setengah pihak dalam isu Palestin ini secara mewujudkan dua negara Palestin adalah mustahil dan tidak lebih daripada mengiktiraf negara rompakan terhadap bumi Palestin dan menubuhkan negara haram Israel yang menjaga kepentingan kuasa besar di kawasan Asia Barat. Sejarah bangsa Yahudi sejak beribu tahun tidak boleh menjadi alasan dan bukan bangsa Yahudi yang menjadi penduduk asal Palestin. Tanpa dinafikan, bangsa Yahudi yang berada di situ berhak menjadi rakyat, beribadat dan menjadikannya tanah suci mereka.

Kalau sejarah itu diambil pakai, maka logiknya bangsa *Red Indian* lebih berhak memerintah Amerika dan orang asal di Australia dan New Zealand lebih berhak daripada bangsa kulit putih yang menjajah mereka. Akan tetapi, kita membaca peta terkini dan dalam Islam sendiri menegaskan bahawa bumi adalah kepunyaan Tuhan, kepunyaan Allah dan menjadikan manusia sebagai keluarga yang wajib bermasyarakat madani secara bersaudara.

Tuan Yang di-Pertua, sejarah juga telah membuktikan betapa bangsa Yahudi dan juga orang-orang Kristian tidak mengizinkan di antara satu sama lain dan saling berbunuh-bunuhan serta memusnahkan rumah ibadat silih berganti sehinggalah Islam mengambil alih dan mengiktiraf Baitulmuqaddis sebagai tanah suci kepada tiga penganut agama samawi iaitu Islam, Kristian dan Yahudi. Namun, kalangan pelampau Yahudi yang bergerak dengan pertubuhan Zionis berjuang untuk menguasai

Baitulmuqaddis hanya bagi penganut Yahudi sahaja, bahkan yang lebih melampau lagi mahu merobohkan Masjid Al-Aqsa, masjid suci umat Islam supaya diganti dengan kuil Yahudi yang dinamakan sebagai Haikal Sulaiman.

Oleh sebab itu, dalam isu Baitulmuqaddis dan Israel, saya menyeru dan juga menggesa kepada kerajaan kita membuat suatu pendekatan kepada polisi luar negara kita ini supaya kerajaan berperanan dengan lebih terserlah lagi terutamanya di peringkat OIC (*Organization of Islamic Conference*). Kita tidak mahu OIC menjadi 'Oh, I See'. Kita mahu ia menjadi satu organisasi yang membela keadilan dan juga ketidaksaksamaan yang diletakkan ke atas rakyat Palestin ini.

Kedua, Tuan Yang di-Pertua, isu yang juga dibangkitkan oleh Tuan Yang di-Pertua dan dibahaskan panjang lebar tadi, saya hendak sentuh sedikit isu Rohingya, di mana suasana dan situasi pada masa ini, sejumlah 1.3 juta pelarian Rohingya berada di Bangladesh manakala 200,000 lagi berada di Kem IDP di Arakan berada dalam keadaan antara hidup ataupun mati. Mereka bertarung hidup dalam keadaan sangat daif di kem-kem pelarian tanpa perlindungan, tanpa makanan dan rawatan kesihatan yang mencukupi. Hampir separuh daripada pelarian Rohingya di luar dan di dalam Myanmar adalah kanak-kanak.

*Genocide* dan pembersihan etnik masih terus berlaku di Myanmar. Situasi kemanusiaan di kem pelarian sama ada di Bangladesh mahupun di Myanmar amat menyedihkan. Perjanjian antara Bangladesh dan Myanmar untuk repatriasi pelarian Rohingya dihantar balik ke Myanmar masih lagi dalam keadaan tidak menentu kerana isu jaminan keselamatan tidak dilindungi dengan meyakinkan.

Apa yang jelas, isu Rohingya yang tempiasnya, kesannya sampai ke rantau ASEAN termasuk di dalam negara kita ini mewajarkan negara kita Malaysia ini bertindak dengan lebih tegas dengan memberi sedikit tekanan kepada ASEAN, kepada OIC, malah kepada PBB untuk memaksa rejim Myanmar tunduk kepada undang-undang antarabangsa.

Atas dasar ini, saya sekali lagi menyeru kepada kerajaan kita membuat satu penegasan khususnya mengikut Artikel 2 *Convention on the Prevention and Punishment of the Crime of Genocide* (CPPCG) yang mana artikel ini telah pun berkuat kuasa sejak 12 Januari 1951 oleh PBB. Ia sepatutnya *dienforce*, dikuatkuasakan dan dilakukan ke atas Myanmar atas jenayah kemanusiaan di peringkat antarabangsa yang dilakukan oleh pihak mereka ini.

Satu lagi perkara, Tuan Yang di-Pertua, yang mungkin tidak disebut atau tidak tersebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dalam ucapan beliau ialah

mengenai isu Kashmir. Isu Kashmir yang mana terdapat keadaan di Jammu, Kashmir yang sangat meruncing apabila pembunuhan berleluasa terhadap orang awam Kashmir oleh tentera India. Berita ini jarang tersiar. Ia mendedahkan bagaimana operasi menangkap, menyeksa dan membunuh rakyat Kashmir yang jauh lebih teruk daripada apa yang dikatakan berlaku di Palestin.

Laporan mengenai penafian hak dan operasi genosid oleh tentera India sangat berleluasa berlaku di Kashmir. Pembunuhan tanpa perbicaraan (*extrajudicial murder*) berlaku dengan sangat kerap dan tidak ada bantahan antarabangsa disuarakan oleh mana-mana pihak di dalam dunia ini.

Oleh sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi menyeru kepada pihak kerajaan dengan penuh hormatnya supaya kerajaan kita mengambil peranan yang lebih terserlah dan lebih serius di peringkat antarabangsa untuk bukan sahaja mengambil langkah berkecuali yang tidak ada had, tidak ada syarat-syaratnya. Berkecuali adalah satu amalan yang baik tetapi berkecuali adalah ada mempunyai had-hadnya.

Satu lagi perkara yang saya hendak sebut dalam masa yang ada ini iaitu mengenai ratifikasi enam konvensyen antarabangsa hak asasi manusia. Dalam saya mencari maklumat, saya terjumpa satu kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Luar sendiri semasa beliau menjadi Ketua Pegawai Eksekutif Pergerakan Kesederhanaan Global (*Global Movement of Moderates*) yang mengatakan bahawa kegagalan kerajaan untuk meratifikasikan baki enam konvensyen antarabangsa berhubung hak asasi manusia adalah amat penting dan perlu dilaksanakan oleh pihak kerajaan.

Saya bersependapat dengan Yang Berhormat Rembau tadi bahawa adalah wajar untuk kerajaan mengambil langkah yang sedemikian sebagai sebuah negara yang berdaulat tetapi mestilah melihat suasana, situasi dan juga kekangan-kekangan undang-undang dan juga geopolitik yang ada di dalam negara kita ini supaya ratifikasi ke atas konvensyen-konvensyen ini tidak terjumlah kepada pencerobohan ke atas *social contract* yang telah dipersetujui oleh seluruh rakyat kita di dalam negara kita ini sebelum kita mencapai kemerdekaan tahun 1957 dan menghasilkan Perlembagaan Persekutuan yang sama-sama menjadi panduan kepada kita pada hari ini.

Oleh sebab itu, sekali lagi saya dengan rendah diri menyokong saranan-saranan yang telah diberikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan syarat bahawa pertimbangan-pertimbangan yang telah saya sebutkan tadi diambil kira dan Malaysia tidak terjumlah kepada negara yang mementingkan diri sendiri, sebaliknya kita rela untuk

memperjuangkan walaupun pahit sesuatu keadaan di mana negara kita ini berkecuali tetapi kita bertegas dengan prinsip-prinsip tertentu.

■1700

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** 10 saat.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Ya.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Mohon sedikit penjelasan. Terima kasih Yang Berhormat Kota Bharu. Adakah Yang Berhormat setuju bahawa kita di pihak Malaysia perlu menjadikan negara kita sebagai *hub humanitarian dialogues* ataupun pusat dialog kemanusiaan untuk membawa pihak-pihak yang bertelagah di pelbagai konflik supaya akan melihat kita sangat berperanan menyelesaikan masalah-masalah yang berlaku termasuk serantau di ASEAN ataupun di negara luar? Terima kasih.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Terima kasih sahabat saya dari Sik. Saya amat bersetuju dengan *environment* dan suasana yang ada di dalam negara kita ini yang dikatakan aman dan harmoni. Memang wajar Malaysia mempromosikan dialog-dialog ataupun *round table talk* mengenai *humanitarian* yang melibatkan perkara-perkara kemanusiaan yang berlaku di dalam negara kita. Jadi atas dasar itu, saya sekali lagi menegaskan bahawa saya menyokong dengan syarat-syarat tadi dan di harap kerajaan kita mengambil tindakan, langkah yang sebaiknya. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, seramai 16 Ahli-ahli Yang Berhormat telah berbahas. Lapan daripada Pakatan Harapan, lima daripada Barisan Nasional, dua daripada Bebas dan satu daripada PAS. Jadi kita tamatkan perbahasan ini dan saya ingin menjemput Yang Berhormat Menteri dari Indera Mahkota untuk menjawab. Dipersilakan.

5.01 ptg.

**Menteri Luar Negeri [Dato' Saifuddin Abdullah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada teman-teman Ahli-ahli Yang Berhormat seramai 16 orang yang mengambil bahagian dalam perbahasan pada hari ini dan saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kerana banyak idea, banyak input, banyak juga sepakan penalti yang diberikan. Akan tetapi, kita berlaku adil dan mengambil secara positif.

Ucapan ini diangkat menjadi asas dasar luar kerana ini adalah kerajaan yang baharu dan kita harus membentangkan suatu kerangka dasar luar. Tidak bermakna setiap kali ucapan Perdana Menteri di mana-mana akan diangkat ke Dewan ini. Akan

tetapi, ucapan Perdana Menteri kali ini memang dirancang sedemikian rupa untuk memberi garis-garis besar haluan Dasar Luar Negeri. Kerana itu ia diangkat ke sini.

Kita tidak menafikan langsung yang terdahulu. Dalam ucapan saya tadi pun, saya sebut sekali sahaja. Yang ini dulu tidak ada, yang ini ada, iaitu *pledge* untuk meratifikasi enam *International Convention on Human Rights*. Akan tetapi saya dapati bahawa ada juga beberapa orang di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat sangat *defensive* sehingga merasakan seperti ada penafian, ada penolakan terhadap apa yang telah dilakukan sebelum ini.

Biar saya jelaskan dalam bahasa Melayu sebab tajuk yang saya cadangkan pun dalam bahasa Melayu. Kita dengan sangat berhati-hati tidak menggunakan dasar luar baharu. Dari mula saya menjadi Menteri Luar, saya tidak pernah kata ada dasar luar yang baharu. Perkataan yang dipilih ialah kerangka, *framework*. Kerangka dasar luar Malaysia baharu, Malaysia baharu itu. Bukan dasar luar baharu bagi Malaysia.

Jadi kalau ada orang tidak faham bahasa Melayu, yang itu yang patut pergi sekolah. Bekas Menteri Luar tidak faham bahasa Melayu. Kenapa perlu ada kerangka dasar luar ini? Kerana kita kerajaan baharu, Menteri Luar ditanya di mana-mana, *what is your new foreign policy*. Dan kita kata, *we don't have a new foreign policy but we have a framework of foreign policy*.

Jadi kita harus jelaskan bahawa kita harus ada sebuah dokumen rasmi dasar luar. Bukan hanya *slide*, bukan hanya kutipan-kutipan di sana sini. Ini yang kita maksudkan dan semua ini kita lakukan dengan *consultation* yang tidak putus-putus dengan pegawai-pegawai. Saya minta maaf kerana ada sesetengah atau seorang dua ingin seolah-olah menggambarkan yang ini Menteri buat seorang. Saya boleh sebutlah siapa Menteri Luar yang tidak pernah buat *post cabinet meeting*. Tapi ini bukan tempatnya. Tapi itu bukan saya. Kita ada *pre Cabinet meeting*, kita ada *post Cabinet meeting*. Jadi jangan main-mainlah. Hendak tembak biar betul.

Tujuan kita bawa ke sini ialah untuk mendapat input daripada Ahli-ahli Yang Berhormat. Oleh sebab itu saya sangat berterima kasih kepada cadangan-cadangan yang diberikan. Saya sebutkan dengan jelas tadi bahawa ungkapan yang saya gunakan ialah perubahan dalam kesinambungan, kecuali kita tidak faham bahasa Melayu. Kesinambungan maknanya yang dulu itu ada lah, kan. Jadi saya harap tidak timbul lagi soal kita menafikan yang dulu dan sebagainya. Dengan jelas saya sebut, bahkan tadi saya bacakan hampir satu persatu apa yang kekal, apa keberhasilan yang ingin dicapai dan apakah dia perubahan dari segi prioriti dan pendekatan. Jadi kita harus melihatnya dengan dada yang terbuka dan tidak perlu kita *defensive*.

Oleh sebab itu apabila saya menggariskan, saya mencadangkan empat komponen kerangka itu. Ia melibatkan, satu, garis-garis besar dasar luar negeri. Kedua, memperkasa Wisma Putra. Ketiga ialah mempereratkan kerjasama antara agensi-agensi dan saya sebut khusus oleh kerana kita ingin memberikan penekanan kepada diplomasi ekonomi. Memang sebelum ini itu berlaku tapi kita hendak nyatakan dengan jelas bahawa ini adalah penekanannya. Itu bezanya. Buat tidak jelas dengan buat dengan jelas, Tuan Yang di-Pertua, itu ada beza yang besar itu. Kecuali kalau memang kita memilih untuk tidak mahu jelas, maka dia tidak akan jelaslah ya.

Saya sebut spesifik tadi khususnya antara Kementerian Luar Negeri dengan MITI dan saya berterima kasih ada Yang Berhormat tadi yang dalam perbahasan malah mencadangkan, bertanya adakah kemungkinan kita mengikut contoh sesetengah negara yang Kementerian Luar dan MITI itu sebenarnya digabungkan. Saya tidak hendak jawablah yang itu. Saya menghormati pemahaman Ahli Yang Berhormat demikian terhadap kenapa kita menyebutkan soal diplomasi ekonomi dan menyebut dengan khusus. Bukan pula bermakna Kementerian Luar tidak bekerjasama dengan agensi-agensi yang lain, tidak. Akan tetapi kita hendak sebut khusus dalam hal diplomasi ekonomi, kerjasama utamanya ialah antara Kementerian Luar dengan MITI dan saya telah berbincang dengan Menteri yang berkaitan.

Kenapa kita bawa ke sini? Ini kerana kita tidak mahu berlaku keadaan seperti yang pernah berlaku sebelum ini. Tuan Yang di-Pertua, ada satu dua keputusan yang dibuat oleh kerajaan sebelum ini, Kementerian Luar tidak tahu pun. Saya hendak berlaku adil kepada Yang Berhormat Kimanis, semasa dia menjadi Menteri Luar, dia tidak setuju dengan perkara itu. Saya tidak payah sebut *detail* di sini, ya.

Ada satu atau dua— ada dua keputusan yang penting. Yang Berhormat Kimanis, saya tidak setuju dengan dia, saya tidak setuju. Yang saya setuju, saya kena puji dia tetapi tidak boleh sebutlah di sini sebab benda itu sensitif sangat. Akan tetapi, Kementerian Luar tidak dirujuk dan Yang Berhormat Kimanis menyatakan dia tidak setuju tetapi jalan juga sebab ada Menteri lain yang ada tugas-tugas. Yang Berhormat sambung sendiri tugas-tugas apa.

Jadi, kita hendak elakkan semua itu. Oleh sebab itu kita ajak berbincang, kita ajak berbahas di sini. Ada beberapa perkara yang ditimbulkan banyak kali dan oleh ramai pembahas. Pertama ialah soal hak asasi manusia. Bezanya, kerajaan sekarang ini lebih selesa bincang soal hak asasi manusia. Saya bab ini tahulah sedikit sebab saya pernah jadi anggota kerajaan yang dulu.

## ■1710

Sebut sahaja hak asasi manusia, masa saya jadi Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, nak pinda Seksyen 15 AUKU pun Kabinet disiplinkan saya. Usah nak cerita benda-benda lain, Ahli-ahli Yang Berhormat. Kena panggil dengan Perdana Menteri. [Tepuk] Nak cerita pinda Seksyen 15 AUKU sahaja. Kena peringatan oleh Kabinet. Selepas itu nak mengaku kerajaan yang dahulu tidak mengabaikan hak asasi manusia. Ahli-ahli Yang Berhormat, nak syarah biar tepat pada – ukur baju di badan sendirilah.

Bezanya ialah kerajaan ini kata kita nak meratifikasi enam lagi *International Convention of Human Rights* itu. Saya sudah sebutkan sebelum ini dalam satu kenyataan. 8 November ini, Ketua Setiausaha akan mewakili Kerajaan Malaysia untuk *Universal Periodic Process* di Geneva. Ini proses yang berlaku tiga tahun sekali. Kita setelah menyatakan bahawa selepas daripada itu, kita akan duduk dan kita akan buat laporan tahunan tentang kemajuan kita dalam hak asasi manusia. Apa yang dibuat, apa yang belum buat. Tiga yang telah kita ratifikasi itu pun perlu ada laporannya. Enam yang belum diratifikasi. Tentu ada kaedah, ada *trajectorynya*, ada *milestone* dengan izin yang perlu kita lakukan dari semasa ke semasa.

Saya ada mesyuarat berhubung dengan UPR ini dengan beberapa perwakilan daripada beberapa agensi dan dalam sejarah kita ialah kita mempunyai beberapa jawatankuasa teknikal untuk ratifikasi ini. Akan tetapi saya dapati bahawa jawatankuasa-jawatankuasa teknikal ini, dia ulang-ulang alasan untuk tidak ratifikasi daripada mencari jalan untuk ratifikasi. Apa kaedah mencari jalan untuk ratifikasi? Saya bagi satu contoh. Disebut oleh Yang Berhormat Tanjung Malim tadi tentang CAT. Tentang *anti-torture*. Tentulah bermula dengan moratorium tentang *capital punishment*. Ini kerajaan sekarang buat. Kerajaan dahulu tidak buat. [Tepuk]

Jadi kena ada itu. Kena ada proses itu. Kena diadakan. Jadi ini yang sedang kita lakukan. Sebab itu saya kata, saya berseloroh dengan jawatankuasa teknikal itu, Tuan Yang di-Pertua. Saya kata agaknya kerja tukar nama. Tidak boleh guna jawatankuasa teknikal. Asyik dok cari alasan teknikal sahaja. Dia kena ubah nama agaknya jadi jawatankuasa ratifikasi. Barulah nak kerja. Akan tetapi saya harap bila kita buat laporan tahunan, selepas daripada UPR proses 8 November, maka kita akan lebih laju untuk kita sampai ke sana.

Ada dua alasan yang sering diberikan apabila kita tidak berjalan ke depan atau melangkah ke depan untuk ratifikasi. Akan tetapi ini saya kena sebut dengan sangat cermat. Saya kena mulakan dengan mengatakan Pakatan Harapan dalam manifesto dan dalam segala ungkapan kita, sentiasa menjunjung Perlembagaan. Perkara 3,

Perkara 152, Perkara 153 dan sebagainya. Tidak ada kompromi dalam hal itu. Yang saya nak timbulkan ini ialah apabila berlaku penghujahan. Jadi bukan soal tolak Perkara 153 tetapi apabila berlaku penghujahan. Ada waktunya untuk tidak ratifikasi. Kita *overstretch* Perkara 153 sehingga seolah-olah Perkara 153 meliputi segala benda di bawah matahari sedangkan Perkara 153 tidak meliputi semua benda matahari. Itu maksudnya. Jadi kalau itu digunakan, maka sampai bila pun tidak akan selesai usaha untuk ratifikasi.

Alasan yang kedua yang selalu digunakan ialah alasan agama. Sekali lagi pendekatan hurufiah yang digunakan atau pendekatan Maqasid Syariah yang digunakan. Pendekatan yang lebih mementingkan *the higher objective* yakni objektif yang lebih tinggi atau membaca secara literal termasuklah pemahaman tentang misalnya nikah bawah umur yang bagi sesetengah orang, dia menggunakan hujah Saidatina Aisyah bernikah dengan Rasulullah S.A.W pada umur sembilan tahun sedangkan ramai sarjana sekarang seperti Jasser Auda sudah rebat itu. Jadi hujah Nabi kahwin dengan Aisyah yang berumur sembilan tahun itu sudah ditolak. Jadi yang saya katakan kalau tolak kerana guna hujah Nabi kahwin dengan Aisyah, sampai bilalah tidak selesai. Itu persoalan yang harus difikirkan apabila kita melihat ini.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapan di PBB menyebutkan kita harus bincang ini secara terbuka dan memahami. Kita tidak kata kita tidak faham tentang soal agama, soal adat dan sebagainya tetapi bukan untuk mencari alasan tidak ratifikasi tetapi mencari jalan untuk ratifikasi. Bila ratifikasi, dia ada *reservation* yang dibolehkan. Jadi kalau kita rasa benda yang kita tidak boleh setuju, kita tidak setujulah. Akan tetapi sekurang-kurangnya kita menuju ke arah ratifikasi itu. Saya ini lazimnya tidak berapa suka berkelahi. Hari ini pun tidak nak berkelahi tetapi apabila orang pukul teruk sangat itu kena jawablah.

Yang Berhormat Kimanis. Akan tetapi dia tidak ada. Dia cakap selepas itu dia lari.

**Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Sini, depan. Terima kasih. Saya faham apa yang Yang Berhormat sebutkan tadi bahawa kita cuba cari jalan ke arah ratifikasi daripada kita mengulang semula halangan dan alasan yang tidak membenarkan sebelum ini. Saya juga faham bahawa Perkara 153 sebagai contoh. Bukanlah segala-galanya di bawah matahari tetapi maksud saya bangkitkan isu ini bukan untuk saya sebut secara khusus Perkara 153 tetapi ada beberapa perkara yang telah dipateri kemas dalam Perlembagaan kita. Maksudnya dikunci habis dan hanya dapat dipinda bukan hanya dengan pindaan di



dalam Dewan ini tetapi dengan perkenan dari Majlis Raja-raja. Jadi saya sebut itu bukan kerana nak cari alasan.

Saya nak pergi terus kepada *the crux of the matter* dalam hal ini. Dalam hal ini, sekian lama jawatankuasa teknikal di Wisma Putra baik di kamar Peguam Negara, memang inilah *the crux of the matter* yang tidak membenarkan kita untuk meratifikasi *at least this one convention*. Jadi dalam hal ini, walaupun apa jua usaha kita untuk menggalakkan *engagement* dan sebagainya, kita akan pulang kepada perkara-perkara yang telah dipateri kemas ini yang mempunyai masalah.

Jadi bagi saya, saya iktiraf usaha ke arah ratifikasi. *But it still comes back to that*. Jadi apakah cara Yang Berhormat sebab apabila kita sudah ada *pledge* untuk melakukannya, sudah pasti kita nak melakukannya. Akan tetapi saya melihat itu penghalang utama untuk kita mendapat ratifikasi konvensyen tersebut.

**Dato' Saifuddin Abdullah:** Yang Berhormat tidak termasuklah dalam kumpulan yang saya maksudkan itu dan saya faham apa yang Yang Berhormat cuba sampaikan. Cuma bagi menyantuni soalan Yang Berhormat tadi, kita tahu di mana limitnya. Kita tahu di mana limitnya. Jadi sebab itu tadi, di akhir tadi saya ada mengatakan ada waktunya kita harus buat *reservation*. Seandainya sudah tidak boleh nak buat juga dan kerana banyak sangat *reservation*, maka kita tidak boleh nak *ratify*. Maka itu persoalan yang harus kita fikirkan pada masa itu. Kita bukanlah nak *ratify* itu sehingga sampai kepada kita nak menanggalkan simpul yang mati. Itu tidak. Tidak begitu, Yang Berhormat. Saya fikir tidak ada orang dalam Dewan ini yang sampai ke tahap itu tetapi persoalannya ialah selama ini kita tidak mengorak langkah untuk pergi dan dengan izin *ask the hard question* dan cari jawapan-jawapan yang sebaik-baiknya.

**Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Cuma sikit sahaja, Yang Berhormat. Ada sikit sahaja. Saya rasa tidak adil untuk kita cakap sebelum ini tidak pernah pergi. Saya rasa apabila kita sudah tandatangan satu konvensyen, sudah pasti *the next step* adalah ratifikasi. Tidak adil untuk mengatakan bahawa tidak pernah ada pemikiran untuk kita ke arah itu. Cuma yang saya hendak sampaikan adalah dalam perkara-perkara tertentu seperti mana yang saya sebutkan tadi. *I have no problem with some of the other convention*. *This convention* adalah kita sudah sampai ke penghujung pun dan saya cuma nak maklumkan kepada Yang Berhormat bahawa Yang Berhormat akan sampai juga ke tempat yang sama.

■1720

**Dato' Saifuddin Abdullah:** Itu mungkin berbeza juga, Yang Berhormat. Kalau sekiranya— ini saya nak *addressed* Yang Berhormat Kimanis. Kalau Yang Berhormat

Kimanis telah berucap di Majlis Hal Ehwal Hak Asasi Manusia PBB di Geneva, pasti beliau sedia maklum bahawa Pesuruhjaya Tinggi PBB untuk Hak Asasi Manusia, *UN High Commissioner on Human Rights* sendiri telah menyuarakan kebimbangan dan kekesalannya di majlis tersebut mengenai kemerosotan hak asasi manusia di Malaysia. Pada April 2015, Pesuruhjaya Tinggi PBB untuk Hak Asasi Manusia menggesa Malaysia untuk membatalkan pindaan kepada Akta Hasutan dan untuk memansuhkan akta tersebut selaras dengan janji kerajaan semasa UPR 2013. Beliau menyeru Malaysia selaku Pengerusi ASEAN untuk memastikan kepimpinan ini disusuli dengan komitmen penuh untuk memelihara hak asasi rakyat Malaysia.

Pada September 2015, pihak PBB menzahirkan kekesalan bahawa sebuah negara yang yakin dan dinamik seperti Malaysia perlu mengintimidasi dan menekan suara-suara yang kritikal. Secara khususnya, PBB membangkitkan kebimbangan mengenai penahanan individu-individu yang membuat *Tweet* mengenai rasuah dan salah laku oleh kerajaan.

Pada Mac 2016, Pesuruhjaya Tinggi PBB untuk Hak Asasi Manusia menyatakan kekhuatirannya dengan kekangan terhadap ruang demokratik di Malaysia, ini termasuk penggubalan dan pelaksanaan Akta Majlis Keselamatan Negara dan Akta Pencegahan Keganasan serta pemenjaraan Yang Berhormat Port Dickson yang dinilai oleh PBB sebagai *arbitrary detention*. [*Dewan tepuk*]

Pelapor-pelapor khas PBB bagi isu-isu hak asasi manusia juga sentiasa menghantar aduan kepada Kerajaan BN atas pelbagai kejadian. Ini termasuk penahanan Yang Berhormat Petaling Jaya di bawah SOSMA, pengharaman laman-laman— semasa itu dia belum lagi Yang Berhormat, sekarang Yang Berhormat. Pengharaman laman-laman web yang mengkritik kerajaan, larangan terhadap perhimpunan-perhimpunan aman, pelaksanaan hukuman mati dan sebagainya.

Sekiranya Yang Berhormat Kimanis benar-benar ikhlas mengenai perlindungan hak asasi manusia, mungkin beliau boleh memberikan pencerahan mengapa Malaysia gagal dilantik sebagai anggota Majlis Hak Asasi Manusia PBB. Saya merujuk kepada pemilihan pada tahun 2016, bukan pada tahun 2017. Mungkin Yang Berhormat Kimanis boleh merujuk kepada panggilan telefon yang tergesa-gesa oleh Menteri Luar Negeri sebuah negara.

Tuan Yang di-Pertua, lain kali duduk Dewan ini biar beradab sikit. Kalau tidak, saya malu jadi Menteri Luar Negeri menggantikan Menteri Luar Negeri yang ganas dan kasar macam ini. [*Dewan tepuk*]

Soal China dibangkitkan, dari segi perdagangan Perdana Menteri telah menjawab sebelum ini dan juga pagi tadi. Tentang keselamatan Laut China Selatan, saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Arau, sebelum ini pun saya sudah jawab soalan Yang Berhormat. Pada masa itu Yang Berhormat ada soalan tapi masa itu Yang Berhormat tidak sihat. Jadi– [*ketawa*] tapi sudah dijawab dan saya difahamkan Yang Berhormat pun tahu jawapan itu.

Soal *UNCLOS*, itu mahu tidak mahu, kita harus menerimanya. Sekarang ini kita sedang berusaha untuk meningkatkan daripada hanya ada *declaration of conduct* supaya menjadi *code of conduct* antara ASEAN dengan China. Soal China akan bersetuju atau tidak, kita tahu ini bukanlah satu perkara yang mudah. Apa yang pasti ialah dalam ASEAN, kita dan terutamanya Vietnam, selalu bersama-sama mempertahankan soal kebebasan dan kedamaian di Laut China Selatan. Ungkapan yang selalu kami gunakan di pentas-pentas ASEAN ialah *non-militarization*.

Sebelum ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir, saya kira telah memperkenalkan satu doktrin baharu yang sudah mula dibincangkan di kalangan teman-teman di ASEAN. Apabila beliau mengatakan bahawa masalah sebenar di kawasan ini adalah lanun. Jadi, kalau masalah sebenarnya lanun, yang diperlukan bukan kapal besar, yang diperlukan ialah bot-bot kecil. Cuma persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Arau itu persoalan yang sangat rumit. China ada *coast guard boat*, bot kawalan *coast guard*. Kita pun ada tapi saiz *coast guard boat* China ini selalunya dan lazimnya dan ada masanya lebih besar daripada kita punya kapal tentera laut. Jadi, itulah gambaran kerumitannya.

Akan tetapi soal keselamatan itu sangat penting. Saya bagi contoh, pada bulan yang lalu ada satu kes, sebuah kapal perang Amerika Syarikat dengan sebuah kapal perang China, saya tidak kata ia hampir berlanggar sebab ini berlain versi laporan, berlainan ia punya kisah dan penceritaan. Akan tetapi pokoknya, mereka berada 45 ela antara satu sama lain. Dalam konteks *navy*, Yang Berhormat Arau fahamlah, 45 ela untuk dua kapal perang yang besar, itu sebenarnya dekat dan itu bukannya suatu perkara yang menyenangkan. Negara-negara ASEAN risau dengan keadaan yang sedemikian dan kita harap perkara yang sedemikian tidak akan berlaku lagi pada masa akan datang.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat, minta penjelasan. Tentang kapal bergesel ini cerita itu diulang tayang tiap-tiap bulan tapi sebenarnya telah berlaku setahun yang lalu, Yang Berhormat. Cerita yang kapal hampir bergesel ini, video ini dihantar. Saya sudah dapat tiap-tiap bulan. Jadi, saya harap

macam mana mereka boleh berlakon dekat Laut China Selatan ini seolah-olah 45 ela, 90 kaki. Jadi, mereka bagi yang itu. Akan tetapi saya harap Yang Berhormat dapat yang terbaru.

Ini fasal Beting Patinggi Ali ini, ia diletak 83 batu nautika daripada pantai Sarawak. Saya ingat daripada Bintulu ataupun daripada Miri, 83 batu. Pada hal kita punya kawasan zon ekonomi eksklusif ialah 200 kilometer batu nautika. Jadi, ia berada di situ dan ia tidak mahu bergerak. Jadi, sekarang apakah Yang Berhormat bercadang? Oleh sebab dulu saya tidak dibenarkan bercakap sebab saya bukan Menteri Luar Negeri, Menteri Pertahanan pun tidak boleh bercakap perkara itu, yang boleh bercakap hanya Menteri Luar Negeri tentang perkara ini tapi kita ikut arahan Kementerian Luar Negeri iaitu kapal TLDM dan juga APMM mesti berada dalam tahap 3-1. Maka, kapal TLDM satu, kapal APMM dua. Kapal *coast guard* ia kita tahu bahawa dua kali lebih besar daripada kapal perang kita.

Jadi, apakah polisi ini nak diteruskan supaya kita mesti berada dalam keadaan kita nak beritahu ini adalah negara kita. Sekarang ini TLDM berada— saya pergi sendiri Yang Berhormat. Saya harap Yang Berhormat boleh pergi ke sana, minta tolong Menteri Pertahanan bawa *heli* atau pun apa-apa yang patut pergi ke sana. Yang Berhormat tengok sendiri, kapal *coast guard*-nya berada di situ, kapal kita mengambil giliran untuk pergi. Pernah ada satu masa yang saya pergi pada hari raya, kapal perang kita pun tidak ada, APMM pun tidak ada. Oleh sebab mungkin kita cuti raya dan sebagainya. Kita mesti berada dalam keadaan— Ia berada 24 jam, kita kena berada dalam 24 jam dalam jarak yang dekat. APMM sebab bot ia kecil, ia berada dalam jarak saya ingat tiga batu, TLDM 20 batu. Saya cadangkan supaya mereka datang lebih dekat dan menghimpit kepada keadaan. Kita tidak boleh pada bila-bila masa membenarkan sebuah kapal asing berada di perairan kita. Oleh sebab tiga batu nautika daripada kapal *coast guard* ialah telaga minyak. Telaga minyak kita berkecamuk di situ. Kalau sekiranya kita biar kapal asing berada di situ, apa akan jadi kalau kapalnya rosak suatu hari, terlanggar telaga minyak kita, apa akan jadi?

Jadi, polisi ini kena jelas. Benda yang sama berlaku di Indonesia. Indonesia telah menghalau keluar kapal *coast guard* China dan ia lari datang ke Malaysia. Vietnam kejar keluar, dia lari. Philippines kejar keluar, berperang sedikit, ada kematian dan sebagainya tetapi selepas itu mereka tidak masuk lagi kawasan Philippines. Akan tetapi mereka terus berada di Malaysia. Jadi, apakah yang Kementerian Luar Negeri akan buat supaya kapal ini mesti keluar, Yang Berhormat. Ini adalah sebab kita tahu di negara mereka

keluar artikel yang menunjukkan bahawa, pencuri harta negara China yang besar ialah Malaysia. Dia tuduh macam itu.

■1730

Ini bukan, ini Laut China Selatan. Kalau sekiranya mereka berkata Laut China Selatan China punya, Yang Berhormat tukar laut ini kepada Laut Melayu Utara, North Malaysia. Ini saya ada buat cadangan dulu. Terima kasih.

**Dato' Saifuddin Abdullah:** Terima kasih Yang Berhormat. Ya macam saya sudah sebut daripada ketika pembentangan tadi dasar luar ini dia punya pelaksanaan ini pelbagai. Kementerian Luar Negeri ini dia punya wajahnya. Akan tetapi ia banyak melibatkan agensi-agensi yang lain. Kebetulan Yang Berhormat Menteri Pertahanan mendengar kupasan Yang Berhormat Arau. Kami di Kementerian Luar Negeri apabila sampai kepada Laut China Selatan ini, pakarnya itu ialah daripada *navy*, daripada Kementerian Pertahanan. Jadi saya harap perkara ini bukan sahaja ditujukan kepada Kementerian Luar tetapi juga kepada Kementerian Pertahanan dan agensi-agensi yang lain. Terima kasih yang itu.

Tuan Yang di-Pertua, bab Rohingya. Bab Rohingya ini ada tiga perkara. Pertama, kita bersama dengan pandangan sebahagian daripada negara bahawa penjenayah yang terlibat perlu dibawa ke muka pengadilan. Soalnya ialah bila dan bagaimana prosesnya. Akan tetapi kita bersama-sama dengan cadangan untuk membawa penjenayah ke pengadilan antarabangsa.

Kedua ialah soal repatriasi, membawa balik pelarian-pelarian Rohingya ini terutamanya yang berada di Bangladesh untuk balik ke dalam negara mereka. Di sini ada dua persoalan. Pertama, antara dua buah kerajaan yang terlibat itu mereka saling menyalahkan antara satu sama lain. A kata B tidak bagi masuk. B kata A tidak bagi balik. Jadi Menteri-menteri Luar ASEAN baru-baru ini berbincang dan kami menyatakan kami cuba menjadi orang tengah.

Myanmar berkata mereka bersedia mengambil balik 30,000 orang pelarian dan katanya mereka sudah ada senarai 4,000 orang yang bersedia untuk balik. Jadi kita kata tidak apalah, 4,000 orang kah, 8,000 orang kah, 30,000 orang, pokoknya mesti mula. Kalau tidak mula, ia tidak akan berlaku. Akan tetapi saya faham bahawa sebahagian besar daripada pelarian ini tidak berani balik kerana mereka tidak yakin bahawa mereka balik dan mereka selamat. Jadi itu adalah antara perkara yang sedang Menteri-menteri Luar ASEAN bincangkan bagaimana hendak pastikan supaya mereka balik dengan mendapat keselamatan dan sebagainya.

Ketiga ialah soal bantuan kemanusiaan. Bantuan kemanusiaan yang diberikan oleh negara dan rakyat Malaysia ini ada dua bentuk. Satu kepada pelarian yang di luar daripada Malaysia khususnya di Bangladesh dan ini dikepalai oleh Kementerian Pertahanan. Kita ada hospital di Cox's Bazar dan keduanya ialah bagaimana membantu mereka yang berada di dalam negara ini. Pernah Kementerian Sumber Manusia memberikan permit kerja kepada 300 orang tetapi projek itu gagal dan sudah ada cadangan untuk bagaimana memperbaikinya, mencari jalan yang lebih baik supaya permit kerja boleh diberi dan ia tidak gagal seperti yang sebelum ini.

Begitu juga usaha-usaha sedang dilaksanakan bahkan ada lebih kurang enam NGO tempatan Malaysia yang menjalankan pusat-pusat pendidikan untuk anak-anak Rohingya di sini. Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah mempengerusikan suatu mesyuarat khas untuk melihat bagaimana dana daripada luar negara boleh dibawa masuk atau yang sudah masuk boleh dibelanjakan khusus untuk pendidikan dan kesihatan dan kebajikan anak-anak Rohingya yang berada di Malaysia. Satu lagi isu yang banyak...

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Yang Berhormat Menteri, minta penjelasan.

**Dato' Saifuddin Abdullah:** Ya.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri saya hendak balik kepada isu repatriasi orang Rohingya balik kepada Myanmar. Seperti telah saya katakan dalam perbahasan saya, saya telah pergi kepada Cox's Bazar dan telah berjumpa dengan lebih kurang 40 hingga 50 *victims* Rohingya yang di Cox's Bazar.

Masalah di sana, mereka pertama tidak percaya dengan *military* di Myanmar, itu pertama. Kedua, kehendak mereka ialah untuk *right to worship* itu kedua. Ketiga adalah *the right to the* pampasan dan juga untuk pulang balik semua yang mereka telah hilang. Satu lagi isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Menteri ialah berkait dengan keselamatan. So, isu keselamatan ini bukan senang. So, sebab mereka tidak langsung percaya dengan *military* di Myanmar sebab merekalah yang mengakibatkan *genocide* ini.

So, saya cadangkan mungkin Yang Berhormat Menteri boleh bincang dengan kawan-kawan di ASEAN untuk membentuk satu ASEAN Peacekeeping Force kalau kita betul-betul hendak *arbitration* proses ini berjaya. Oleh sebab sekarang kita dapati di Cox's Bazar lebih kurang satu juta orang, terlalu besar di sana dan mereka hendak balik kepada Myanmar pun susah itu satu. So, we need the ASEAN Peacekeeping Force.

Isu yang kedua berkait dengan *aerial views* atau *satellite views* menunjukkan bahawa Rakhine State telah di-*level* sekarang, *completely level for development by the Chinese and by the Japanese including the Indians*. So, soal di sini ialah macam mereka hendak tahu mana kampung mereka, halaman mereka, macam mana hendak pergi ke kawasan mereka. *They will find difficulty* dengan izin untuk *locate* kawasan itu. So, *this is two issue that we have*.

Saya juga telah berbincang dengan ketua perunding di Bangladesh, yang telah runding dengan pihak Myanmar dan beliau jelas mengatakan kepada rombongan kita bahawa *Myanmar have no intention of one thing repatriation process to succeed*. Minta pendapat Yang Berhormat. Terima kasih.

**Dato' Saifuddin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat. Dua, tiga perkara yang Yang Berhormat timbulkan itu antara perkara yang kami bincang. Perkara yang belum kami bincang ialah ASEAN Peacekeeping Force itu perlu penelitian yang lebih mendalam dan setiap anggota negara ASEAN masing-masing kena ada dasar masing-masing dahulu di peringkat kebangsaan. Akan tetapi terima kasih banyak kerana menimbulkannya dan bolehlah kita melihat sejauh mana kita boleh memikirkan dan melaksanakannya.

Tuan Yang di-Pertua, banyak ditimbulkan tentang *terrorism*. Ada beberapa cadangan yang baik. Saya cuma hendak sebut saya bersetuju dengan cadangan-cadangan yang ditimbulkan itu. Cuma saya hendak mengingatkan juga Dewan yang mulia ini bahawa kalau kita kata sekarang sebagai contoh kita ada masalah Daesh. Yang Berhormat Rembau ada sebut dan hujah beliau soal ini saya fikir tepat. Cuma kita ada satu kebimbangan lain. Yang Berhormat Arau, Daesh hilang, ia muncul dalam bentuk lain. Jadi kita harus juga melihat kemungkinan. Mudah-mudahan tidak jadi begitu tetapi apa yang berlaku sebelum ini, itu yang berlaku. Mereka muncul di tempat lain dalam bentuk lain, dengan nama lain. Kemudian dia kalah di situ, dia tewas di situ, kemudian dia pergi ke tempat lain dan dia muncul dalam bentuk yang lain. Jadi kita harus melihat supaya perkara ini dapat kita elakkan dan kita jauhkan.

Satu perkara yang timbul oleh beberapa Ahli Yang Berhormat. Ada yang sebut dengan jelas, ada yang sebut dengan izin *in passing*. Akan tetapi saya hanya hendak melontarkan ini kerana ini harus difikirkan dengan mendalam. Adakah Malaysia sentiasa mengamalkan dasar berkecuali dan tidak campur tangan dalam negara lain itu walau apa pun berlaku atau dalam hal-hal tertentu akan ada pengecualian.

Contohnya sewaktu dalam kes Myanmar, kita ada dasar berkecuali dan kita ada dasar tidak campur tangan termasuk di kalangan negara-negara ASEAN. Akan tetapi

khusus untuk isu Rohingya, kita cipta satu pendekatan baru yang dipanggil *constructive engagement*. Jadi saya dapat bayangan tadi bahawa ada persoalan ini ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya harus jujur menyatakan bahawa kita belum ada dasar tentang hal ini tetapi ini antara perkara yang mungkin kalau kokus Ahli-ahli Parlimen ditubuhkan, perkara ini boleh dilihat dengan cara yang mendalam.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk dengan ringkas sahaja untuk menyentuh beberapa perkara yang lain yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya ucap terima kasih Yang Berhormat Pontian yang menyebut tentang lima perkara. Saya ambil nota satu persatu dan kita banyak persamaan dalam hal itu. Cuma soal gerakan kesederhanaan yang disebutkan oleh Yang Berhormat Pontian, saya kira itu memang sifat kita tetapi pada waktu yang sama dan ini disebut oleh salah seorang pembahas atau dua orang pembahas tadi. Sekarang ini penumpuan kita bukan sahaja soal itu tetapi soal yang lebih besar ataupun konsep yang lebih besar yakni *rahmatan lil alamin*, rahmat untuk semua dan pendekatan *maqasid syariah* yakni melihat kepada objektif syariah yang lebih tinggi dan untuk kita melahirkan model Malaysia atau *manhaj Malizi* dalam kita mengetengahkan isu-isu yang berkaitan dengan pemikiran Islam dan sebagainya.

#### ■1740

Soal *trade war* dan kesannya kepada Malaysia dan ASEAN, antara perkara yang sedang dibincangkan ialah bagaimana di kalangan negara-negara ASEAN kita perlu meningkatkan perdagangan intra-ASEAN. Itu antara perkara yang walaupun sebelum perang dagangan itu berlaku ini juga sudah mula dibincangkan tetapi oleh kerana *trade war* itu sedang berlaku, saya fikirkan ini akan dipercepatkan untuk dilakukan.

Soal bantuan kepada Palestin dan sebagainya itu kita teruskan dari semasa ke semasa, setiap tahun Kerajaan Malaysia memberikan bantuan kepada *United Nations Relief and Works Agency (UNRWA)* dan lebih dahsyat sekarang ini UNRWA langsung tidak dapat bantuan daripada kuasa besar seperti Amerika Syarikat. Tanggungjawab kita besar dan kita akan teruskan bantuan ini.

Sungai Petani ada menyebut tentang kita perlu menjadi *champion* kepada negara-negara Islam seperti dahulu. Saya yakin perkara ini akan diteruskan, kita terus menjuarai isu-isu negara-negara Islam dan negara-negara kecil tetapi di samping kaedah-kaedah yang sedia ada, saya fikir, Kerajaan Pakatan Harapan juga akan *champion* isu-isu negara Islam dan umat Islam daripada sudut yang berbeza juga.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Minta penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Arau minta laluan.



**Dato' Saifuddin Abdullah:** Misalnya dari sudut yang apa namanya yang sekarang ini disebut sebagai demokrat Muslim atau pun Muslim demokrat. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Penjelasan Yang Berhormat. Yang Berhormat bercakap pasal fahaman tadi saya sokong, kita serupa ya. Yang Berhormat, pasal hubungan dengan timur tengah tadi. Yang Berhormat, hubungan dengan timur tengah ini hubungan yang paling utama terutama kita sebagai umat Islam ialah dengan Saudi. Apakah Yang Berhormat sedar bahawa apabila kita tarik balik tentera kita dan apabila kita tutup, *King Salman Centre* sebenarnya kita telah menghiris hati Saudi. Kita menghiris Saudi, dia boleh kata hampir mewakili timur tengah. Jadi apakah usaha-usaha yang dibuat supaya kita boleh pulih hubungan dengan Saudi. Lebih-lebih lagi bila Saudi sendiri polisinya kita tahu agak keras tetapi kita ada dua kepentingan dengan Saudi.

Pertama ialah dari segi lain-lain hubungan. Keduanya, dari segi umat Islam sendiri yang ada hubungan dengan Mekah dan Madinah. Jadi apa usaha yang dibuat untuk hendak pastikan hubungan ini dipulihkan semula supaya contohnya kuota Haji, dulu kita dapat lebih, kali ini kita akan menghadapi laluan sukar kalau kita tidak pulihkan hubungan dengan Saudi.

**Dato' Saifuddin Abdullah:** Saya yakin hubungan kita dengan Saudi masih baik dan kita menerangkan mengapa keputusan-keputusan itu dibuat. Saya menerangkannya kepada Duta Saudi di sini dan saya menerangkannya kepada Menteri Luar Saudi Arabia, Adel al-Jubeir. Pagi tadi dia ada telefon saya tetapi waktu dia telefon itu saya tidak sempat angkat dan saya telefon dia tidak sempat angkat. Lepas ini hendak telefon balik. Apa-apa perkara kita bersetuju, saya bertemu dengan dia di New York semasa persidangan PBB dan kita bersetuju kalau ada apa-apa kita berhubung dengan segera antara satu sama lain. Kalau boleh ada benda-benda yang sedemikian ini kita tidak payah cerita dekat media pun sebab ada masanya bila cerita dekat media ini yang dia boleh jadi kelam kabut sikit.

Yang Berhormat Sungai Petani timbulkan soal komitmen kita berkaitan pelarian, kita belum ada dasar untuk mengiktiraf mereka sebagai pelarian. Kita dah bincang dengan UNHCR. Walaupun Pakatan Harapan komitmennya untuk *rectify* tentang *refugees* ini tetapi yang kita hendak tingkatkan ialah soal bagaimana kita hendak jaga kebajikan mereka yang berada di Malaysia pada hari ini.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat, sikit sahaja pasal UNHCR. Yang Berhormat, kita tahu bahawa negara yang tandatangani perjanjian berhubung dengan pelarian ini adalah Cambodia dan Philippines, Malaysia tidak tanda tangan tetapi Malaysia dibebani dengan masalah pelarian. Tidak ada pelarian pergi ke

Cambodia dengan Philippines, daripada Cambodia dengan Philippines juga datang ke sini.

Saya ingin tanya kepada Yang Berhormat, siapakah yang mengiktiraf kehadiran UNHCR di sini sebab UNHCR tugasnya telah selesai. Bila Terengganu dah tutup Pulau Bidong, tugas UNHCR habis tetapi mereka terus berada di sini. Berada di Jalan Bellamy, sebelah rumah apa itu— Saya lupa. Okey, kemudian di sana mereka tidak patut keluarkan kad UNHCR tetapi dia keluarkan kad, cuma di Parlimen ini kita dah jawab hari itu, kita kata dia tidak keluarkan kad tetapi dia keluarkan kad setelah dia dapat pelarian daripada Depot Imigresen. Akan tetapi *walk-in*, kalau kita, Yang Berhormat pergi ke sana, pergi lah ke sana, Yang Berhormat akan tengok ratusan teksi berada di luar dan teksi di sana membawa penumpang. Penumpangnya ialah pelarian yang tidak ada pasport. Mereka tidak ada pasport, mereka tidak boleh berada di negara ini kerana mereka pun main cerdik juga, sebelum datang ni mereka campak pasport.

Jadi, apakah Yang Berhormat akan berunding dengan UNHCR bahawa mereka tidak boleh keluarkan kad secara *walk-in* dengan izin tetapi keluarkan setelah diluluskan oleh Depot Imigresen. Sekarang ini mereka setuju tetapi mereka masih buat. Jadi, apakah langkah yang dibuat untuk menghalang mereka berbuat demikian?

**Dato' Saifuddin Abdullah:** Terima kasih Yang Berhormat Arau. Memang polisi kita begitu tetapi kalau ada kebocoran itu nanti kita akan siasat dan kita lihat apa yang ditimbulkan itu.

Yang Berhormat Sungai Besar ada menyebutkan beberapa perkara dan tadi saya telah menyebutnya secara sekali gus di awal jawapan ini. Yang Berhormat Sungai Besar juga mencadangkan supaya ditubuhkan satu kokus di kalangan Ahli-ahli Parlimen dan beliau mencadangkan Yang Berhormat Permatang Pauh sebagai pengerusi. Ini terserah kepada Ahli-ahli Parlimen bila hendak tubuh, berapa orang ahli dan sebagainya, kami terima sahaja sesiapa yang dicadangkan tetapi pokoknya kami merasakan bahawa kokus Ahli-ahli Parlimen untuk dasar luar itu satu benda yang sangat penting.

Yang Berhormat Padang Terap menimbulkan beberapa perkara tentang *treaty* antarabangsa, sebagai contoh hak asasi saya dah jawab. Tentang *treaty* antarabangsa, persoalannya ialah kita hendak memastikan bahawa apabila kita menandatangani apa-apa *treaty* antarabangsa khususnya soal perdagangan, ia bukan *treaty* yang berat sebelah dan ia bukan *treaty* yang membebaskan rakyat. Itu persoalannya. Jadi, kalau *treaty* itu membebaskan rakyat maka sebab itu ada waktunya kita harus membuat

penilaian semula dan membuat apa yang patut untuk kita menyelamatkan daripada rakyat dibebankan.

Yang Berhormat ada bertanya tentang beza antara Yaman dan Lubnan, penglibatan Malaysia. Jawapannya begini Yang Berhormat, ada beza antara kita terlibat dengan tentera pengaman PBB, dengan terlibat dengan gabungan yang bukan di bawah PBB. Jadi, di situ ada beza. Prinsip kita sama, yakni kita tidak suka peperangan, kita tidak menyokong *unilateral action* dan sebab itu apabila kita terlibat dengan apa-apa aktiviti ketenteraan yang bersifat pengaman, maka biasanya dan selama ini pun kita buat di bawah PBB dan bukan daripada yang lain.

Yang Berhormat bertanya tentang apakah dia kayu ukur keuntungan apabila kita melibatkan diri dalam pelbagai bentuk aktiviti antarabangsa. Sebenarnya kayu ukurnya tidak sama dengan kayu ukur dalam berniaga. Kalau berniaga ini ada *return on investment*, boleh diukur secara kuantitatif tetapi dalam hubungan diplomasi yang diukur ialah menjaga martabat, yang diukur ialah menjaga nama baik. Kalau ada satu angka yang boleh digunakan mengukur kejayaan kita di peringkat antarabangsa ialah apabila kita bertanding, menawarkan diri memegang apa-apa jawatan, menjadi apa-apa keahlian dalam mana-mana pertubuhan antarabangsa sama ada di PBB, Majlis Hak Asasi Manusia dan Majlis Ekonomi dan Sosial PBB.

#### ■1750

Kalau kita diterima, bermakna kita mendapat 'keuntungan' daripada penglibatan kita dan kalau kita tidak diterima, kita harus periksa, adakah kita selama ini efektif dengan apa yang kita lakukan dengan penglibatan kita dari masa ke semasa.

Terima kasih Yang Berhormat Batu Kawan, menyentuh beberapa perkara yang sangat mustahak. Saya dah sebutkan tadi tentang jawatankuasa teknikal dan *roadmap* yang perlu diadakan untuk kita melihat jalan ke hadapan bagaimana kita boleh *ratify International Convention of Human Rights*. Akan tetapi dalam konteks negara-negara ASEAN, saya fikir kita harus beri tumpuan yang lebih kepada AICHR atau *ASEAN Intergovernmental Commission on Human Rights*. Saya tahu tidak semua negara begitu aktif dalam hal ini. Akan tetapi saya puji Yang Berhormat Klang yang aktif dengan *ASEAN Parliamentarian Association on Human Rights*. Ini perkara-perkara yang kita harus rapatkan hubungan kita dan kita harus bekerjasama dalam banyak perkara begini.

Tentang kebebasan agama dan kepercayaan, saya fikir jawapan ringkas saya ialah Menteri— ini Yang Berhormat Arau atau siapa tadi tuduh sahabat saya Yang Berhormat Parit Buntar Menteri liberal agama. Dia Menteri agama ya. Beliau dan juga seorang lagi Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Menteri yang jaga perpaduan, dua

orang Menteri ini dan saya terlibat secara tidak langsung sedang melihat antara isu kebebasan agama dan kepercayaan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Batu Kawan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat.

**Dato' Saifuddin Abdullah:** Begitu juga dengan soal pemansuhan Akta Hasutan...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat, saya yang sebut Menteri liberal agama itu. Saya pujilah itu.

**Dato' Saifuddin Abdullah:** Oh puji? Oh bagus.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Bukan saya mengata, ya.

**Dato' Saifuddin Abdullah:** Kalau puji, saya tarik balik saya punya komen tadilah.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ya, saya puji itu.

**Dato' Saifuddin Abdullah:** Okey, terima kasih. Nanti saya beritahu dia yang Yang Berhormat Arau puji Yang Berhormat Parit Buntar sebab liberal agama.

Ia telah disebutkan bahawa ada masanya meminda ataupun memansuhkan itu mengambil sedikit masa tetapi sekurang-kurangnya ada keputusan Kabinet tidak lagi membenarkan Akta Hasutan ini digunakan. Sama juga keputusan kalau CAT kita belum boleh untuk *ratify* tetapi sekurang-kurangnya kita ada moratorium tentang *capital punishment*. Ini yang saya katakan sekurang-kurangnya kita ada langkah yang ke hadapan.

Yang Berhormat Rembau, saya tidak banyak hendak komen sebab banyak benda itu sebenarnya saya setuju. Cadangan yang Myanmar tadi saya dah jawab di awal. Tentang ucapan yang perlu dijadikan dasar dan tindakan, saya faham. Persoalannya ialah bagaimana kita membentuk yang saya katakan di awal tadi, menggunakan momen ini untuk membentuk perdebatan, untuk mempengaruhi keputusan dan dalam hal-hal tertentu membolehkan kita membuat keputusan. DAESH tadi saya dah jawab. Tentang Laut China Selatan, doktrin Mahathir, saya dah sebutkan.

Ya, saya faham tentang bagaimana mengimbangi antara ideal dan realiti. Ini persoalan yang pecah kepala lah untuk kita memikirkannya. Akan tetapi hakikat bahawa Yang Berhormat juga membicarakan hal itu bermakna kita senada bahawa sekurang-kurangnya kita melihat perkara itu, jauh lebih baik daripada ada orang yang langsung tidak mahu melihat perkara yang sedemikian.

Saya juga bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat Rembau bahawa kita bukan hanya melihat keanggotaan dalam badan-badan tetapi juga keanggotaan rakyat

Malaysia dalam badan-badan tertentu. Yang terakhir kita ada seorang wanita daripada Pulau Pinang, bekas Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Jaya yang sekarang ini menjadi *Executive Director UN Habitat*. Dia punya *level* itu ialah *Deputy Secretary General*. Jadi *level* itu merupakan *level* paling tinggi, Tuan Yang di-Pertua, yang perlu dipegang oleh seorang rakyat Malaysia di PBB.

Saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Ledang...

**Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Yang Berhormat, *sorry*. Pendirian kerajaan berkenaan dengan minoriti etnik Uighur di China?

**Dato' Saifuddin Abdullah:** Perkara ini, Yang Berhormat, sedang kami uruskan dengan pihak negara China. Kita bincang minum kopi selepas ini.

**Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Ini pendirian kerajaan. Mana boleh minum kopi, Yang Berhormat. Ini *foreign policy*, Yang Berhormat.

**Dato' Saifuddin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, suatu ketika tadi saya kata ada masanya ada benda ini kita tidak sebut dengan media dan sebagainya. Jadi ini antara perkara yang saya minta izin untuk saya dikecualikan buat masa ini untuk sebut secara terbuka.

**Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Okey, tidak apalah. Samalah macam dulu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Minum kopilah dulu.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat, ini fasal perjawatan tadi ya. Apakah Yang Berhormat sedar bahawa perjawatan di kedutaan kita di luar sepatutnya kita bagi ruang, peluang kepada orang Malaysia untuk jadi *local staff*, dengan izin? Akan tetapi sekarang ini kita tengok *local staff* banyak daripada India, Sri Lanka dan juga lain-lain negara. Akan tetapi *Malaysian* yang ada di sana kita tidak bagi peluang. Dulu saya pernah zaman saya belajar di *Holland* dulu, awal 80-an, di mana *student* daripada Mesir datang bercuti dan dia tidak balik belajar lagi dah, tetapi dia jadi *local staff* di kedutaan kita di *Holland* dan juga di beberapa negara *Europe*. Akan tetapi sekarang ini saya tengok trend itu dah berubah. Sepatutnya rakyat Malaysia diberi peluang untuk bekerja di kedutaan kita di luar negara termasuk sesetengah *student* yang mungkin tak nak balik, dia boleh bekerja sebagai *local staff*. Jadi, adakah Yang Berhormat bercadang supaya bagi syarat supaya kedutaan kita bagilah peluang rakyat Malaysia bekerja sebagai *local staff* di semua kedutaan di seluruh dunia?

**Dato' Saifuddin Abdullah:** Yang Berhormat, sebenarnya tidak ada langsung dasar yang tidak membenarkan. Ada masanya ini soal elaun dan gaji yang mampu diberikan oleh— malah wakil di luar negara, ada waktunya gaji yang kita bagi itu

sebenarnya sangat rendah dan itu menyebabkan mungkin sebahagian daripada diaspora Malaysia yang berada di luar tidak berminat untuk bekerja. Akan tetapi kalau memang ada contoh khusus yang mereka dinafikan, itu bolehlah, Yang Berhormat— yang ini tidak payah minum kopi— beritahu saja pada saya.

Saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Jeli. Jauh beza Yang Berhormat Jeli dengan Yang Berhormat Kimanis dari segi kesopanan dan kesantunannya apabila berbicara. Samalah, Yang Berhormat Rembau pun jauh lebih baik. Soal cadangan, ini saya ambil nota terus, ada lima cadangan yang spesifik yang disebutkan oleh Yang Berhormat Jeli iaitu soal sumber kewangan, soal memperkasa sumber manusia, soal hubungan KLN-MITI, soal diplomasi budaya. Diplomasi budaya ini tadi ada, saya ingat, Yang Berhormat Kangar mencelah. Hari ini pencilah utama adalah Yang Berhormat Kangar. Saya ambil nota itu dan juga soal pelaksanaan. Peringatan yang sangat baik daripada Yang Berhormat Jeli.

Yang Berhormat Klang, saya terima baik teguran supaya kita jangan berlengah dalam kita menunaikan janji untuk meratifikasi konvensyen itu. Tentang AICHR disebutkan, bagaimana kita hendak *navigate*. Tadi saya sudah sebut secara ini, yang penting ialah kita perlu ada dasar sebab sekarang ini kita ad hoc. Beberapa orang pembahas tadi seolah-olah mencadangkan kita perlu ada dasar. Dasar belum ada tetapi kita harus lihat bagaimana dasar itu dilakukan.

Tentang LBI, kita sedang berbincang dengan Bahagian Hal Ehwal Undang-undang dan juga dengan Jabatan Integriti Tadbir Negara. Mudah-mudahan kita dapat laporan tentang perkembangannya.

Yang Berhormat Tuaran...

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Yang Berhormat Menteri, Tuan Yang di-Pertua, saya juga telah bangkit satu lagi isu berkaitan dengan *open-ended intergovernmental binding treaty on TNCs*. Saya minta pendapat kerajaan dalam isu ini. Cadangan saya ialah kerajaan untuk menyokong proses UN dalam hal ini. Terima kasih.

**Dato' Saifuddin Abdullah:** Saya ambil maklum Yang Berhormat Klang tentang hal ini.

Yang Berhormat Tuaran menyebut tentang Duta Malaysia ke *Holy See and Vatican*. Duta yang lama itu dipanggil balik kerana kita menamatkan perkhidmatan duta-duta lantikan politik. Duta yang baru namanya telah pun kita hantar ke *Holy See* dan *Vatican* dan menunggu proses untuk diluluskan. Beliau seorang Kristian, Katolik dan seorang diplomat daripada Wisma Putra.

## ■1800

Saya telah maklumkan perkara ini secara lisan juga kepada *Permanent Representative* daripada Holy See dan Vatican ke *United Nations* semasa di New York baru-baru ini.

Soal tuntutan Filipina ke atas Sabah, setakat yang saya boleh maklumkan, kita tidak mendapat apa-apa nota diplomatik yang baru dan sebagainya daripada pihak Filipina dalam pertemuan antara Presiden Duterte dan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir dua bulan yang lalu di Kuala Lumpur juga perkara ini tidak ditimbulkan. Jadi, saya faham bahawa hal tuntutan itu masih ada di atas meja. Ia belum diselesaikan, tetapi yang paling mustahak pada saya ialah tidak ada *move* yang baru daripada Manila untuk mereka melanjutkan tuntutan itu.

**Tuan Awang Husaini bin Sahari [Putatan]:** Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Putatan.

**Tuan Awang Husaini bin Sahari [Putatan]:** Ya, saya ingin menambah sedikit tentang apa yang dikatakan daripada Yang Berhormat Tuan tadi, tentang perkembangan terbaru tuntutan daripada Presiden Duterte ke atas Sabah. Pada awal tahun ini, Presiden Duterte melalui – dia telah menubuhkan satu jawatankuasa yang dipanggil *Philippines Consultative Committee*. *Committee* ini untuk *review 1987 Philippine Constitution* yang mana tujuannya adalah untuk penstrukturan semula dasar *federal* Filipina. *Okey*, di dalam penstrukturan semula itu, Sabah telah diletakkan di dalam wilayah ketiga belas, di dalam struktur *federal* Filipina. Ini adalah yang terbaru. Jadi apa yang saya ingin bertanya, apa pendekatan yang akan diambil oleh kerajaan? Terima kasih.

**Dato' Saifuddin Abdullah:** Kerajaan tentunya tidak akan kompromi soal Sabah ini. Filipina, dia buatlah penstrukturan semula dan dia kempen macam mana pun di kalangan rakyat mereka, kita tidak akan sekali-kali membenarkan walau seinci pun bumi Sabah terlepas daripada Persekutuan Malaysia [*Dewan tepuk*]. Kita mengiktiraf bahawa Sabah dan Sarawak bersama-sama dengan Semenanjung Tanah Melayu membentuk Persekutuan Malaysia yang ada pada hari ini. Jadi, jaminan daripada kerajaan ialah kita tidak akan sekali-kali melayan permintaan daripada mereka.

Saya sebutkan tadi *move* yang baru itu maksud saya ialah *move* daripada Manila ke Putrajaya itu tidak ada yang terbaru. Akan tetapi, saya ambil nota tentang perkara Yang Berhormat timbulkan itu dan kita akan buat siasatan – bukan siasatan, kita melihat apa yang kalau ada di sebalik itu yang sedang mereka lakukan.

Yang Berhormat Hulu Langat, saya mengucapkan terima kasih kerana memberikan kupasan yang begitu baik tentang pendekatan maqasid syariah yang cuba kita laksanakan pada hari ini, tentang kedudukan peperangan dan sebagainya. Saya ambil maklum bahawa satu perkara yang penting yang disebutkan tadi ialah bagaimana kita menjaga dan melihat kebajikan mereka yang berada di kem-kem tahanan kerana itu termasuk juga dalam konsep *Rahmatan Lil Alamin* kita.

Soal kita negara kecil, tetapi sering dibuli, tidak kira lah orang hendak buli kah atau tidak buli kah tetapi pokoknya, kita kena mempertahankan diri dan kita terpaksa mempertahankan pertahanan kita. Memanglah kita bukannya membeli aset perang ataupun aset pertahanan untuk kita berperang, tetapi kita membeli aset pertahanan untuk kita mempertahankan diri seandainya berlaku perkara-perkara yang tidak diingini.

Yang Berhormat Lembah Pantai – tidak banyak lah ini Tuan Yang di-Pertua, saya laju saja. Soal peruntukan, saya berterima kasih sangatlah Yang Berhormat bertanya soal peruntukan untuk Wisma Putra ini. Peruntukan memang tidak cukup. Untuk 2018 sahaja, kami tidak cukup RM133 juta. Saya tulis kepada Menteri Kewangan selepas berbincang dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Menteri Kewangan kata, “*Kita memang tidak ada duit*”, tetapi dalam pada tidak ada duit itu, dia bantu juga. Saya minta RM50 juta, dia bagi RM40 juta. Terima kasihlah Menteri Kewangan. Saya sudah puji ini, lepas ini bagi lah banyak sedikit. [*Dewan ketawa*]

Saya hendak cerita, saya hendak bagi tiga contoh saja. Ini kebajikan pegawai-pegawai kita di Malawakil. Tuan Yang di-Pertua, cuba bayangkan, oleh sebab tidak cukup bajet, kita ada duta yang dihantar untuk lebih daripada satu negara. Jadi dia duduk negara A, tetapi dia kena jaga negara B. Dia hendak terbang pergi ke negara B untuk menghantar *credentials* itu pun, Wisma Putra kata tangguh dulu sebab duit tiada. Punyalah azabnya, daif [*Ketawa*]. Dia boleh memandu kereta, tetapi kena jaga standard lah. Takkanlah duta kita pergi naik kereta lapan jam ke negara B. Dia kenalah naik kapal terbang. Kalau naik kapal terbang takkan hendak naik ekonomi. Dia kenalah naik *Business Class*. Bukan hendak suruh dia *stylo*, tetapi hendak jaga statuslah. Takkanlah daif sangat.

Kedua, contoh, ada pegawai-pegawai kita oleh sebab kita punya *ceiling* untuk sewa rumah dia rendah sebab kita potong bajet, dia terpaksa duduk jauh sedikit daripada kedutaan. Bila duduk jauh daripada kedutaan ini, dia ada dua masalah. Satu ialah, tambahlah kos pengangkutan dia. Keduanya, ada yang terpaksa melalui kawasan-kawasan yang mungkin tidak begitu sesuai untuk seorang pegawai diplomatik. Ada



kuarters kita yang rosak tetapi ini nasib baik Menteri Kewangan sudah bagi duit, kami boleh *repair* lah.

Contoh yang paling tragis ialah kuarters pegawai kita di Paris yang bocor, sampai ia ganggu rumah sebelah, rumah sebelah sudah saman kita sudah [*Ketawa*]. Jadi ini apa namanya, keadaan. Jadi Yang Berhormat Menteri Kewangan, dengarlah keluhan Menteri Luar Negeri yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Lembah Pantai. Saya tidak *plan* dia pun. Dia dengan penuh prihatin menyebut soal ini.

Soal koordinasi, kita akan baiki antara agensi-agensi dan juga soal tahap pemahaman rakyat, soal pendidikan, saya mendapat cadangan daripada Menteri Belia dalam mesyuarat Kabinet dan kami bersetuju antara lain yang perlu dibuat ialah bagaimana kita mengaktifkan modul *UN programme* di sekolah-sekolah dan universiti. Nanti kami akan bincang dengan lebih *detail* dengan Kementerian Belia dan Sukan dan dengan Kementerian Pendidikan.

Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat Arau ini dia memang sangat bijaksanalah orangnya. Dia boleh tahu *Coast Guard boat* China ini lebih besar daripada kapal-kapal *Navy*. Memang betul pun, memang keadaannya begitu dan kita memang sangat prihatin dan kita dari semasa ke semasa *update* Dewan tentang perkembangan-perkembangan. Cuma yang tadi itu Yang Berhormat Arau, yang cerita yang saya sebutkan itu memang yang terbaru. Ia berlaku pada 30 September yang lalu.

Yang Berhormat Tanjong Malim ...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat.

**Dato' Saifuddin Abdullah:** Lah sudah puji pun hendak celah lagi?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Saya hendak puji Menteri Luar Negeri. Saya menyokong supaya Menteri Kewangan tambah peruntukan kepada Kementerian Luar. Jadi itu yang pertama Yang Berhormat.

Ini fasal kapal, sebab saya cukup prihatin apa yang berlaku sebab dalam peraturan secara *United Nations* ini, negara yang berada di satu tempat itu melebihi daripada negara yang menuntut, negara itu akan mendapat tuntutan. Contohnya apa yang berlaku di Pulau Batu Puteh, mereka duduk di sana, hak kita. Akan tetapi, oleh sebab hak kita, kita bagi orang lain guna, orang yang guna itu tuntutan kata hak dia, *United Nations* bagi.

Jadi sekarang ini, kita bimbang di Beting Patinggi Ali, mereka berada di sana 24 jam satu hari dan dari tahun 2013 sampai sekarang dan kita pula berulang-ulang, kadang ada kadang tidak ada. Jadi apakah Yang Berhormat bercadang untuk meletakkan *mothership* dengan izin, iaitu dua buah kapal. Kalau saya tidak silap, Bunga

Raya yang berada di Sepanggar yang dihadiahkan kepada *Navy* supaya diberikan *mothership*, berada di sana. Kapal itu tidak perlu balik. Kalau sampai masa dia hendak tenggelam, tenggelamlah di situ. Sebab tuntutan China ke atas Beting Patinggi Ali, kerana ada sebuah kapal Laksamana Cheng Ho yang tenggelam di situ. Dia kata, oleh sebab kapal tenggelam di situ, maka dia hendak tunggulah kapal itu, lebih kurang macam itu. Jadi, apakah mereka memerlukan sebuah kapal kita untuk tenggelam untuk membolehkan kita menuntut hak kita? Jadi apakah cadangan supaya sistem *mothership* diperkenalkan supaya dia berada di situ sepanjang masa sehingga tempoh hayatnya tamat?

■1810

**Dato' Saifuddin Abdullah:** Saya akan bincang dengan Abang Mat, Menteri Pertahanan tentang - sebab ini perkara yang baru yang melibatkan juga implikasi kewangan.

Yang Berhormat Tanjong Malim saya sudah jawab sebahagian besar daripada pendebatan saudara. Akan tetapi satu perkara yang Yang Berhormat timbulkan, ungkapkan kepada saya itu sangat penting iaitu sebenarnya kita perlu ada keazaman politik. Kalau kita hendak *ratify International Convention on Human Rights* dengan izin, kita kena ada keazaman politik dan bukan menyapunya ke bawah permaidani. Bahasa Melayu Yang Berhormat Tanjong Malim *baguih*.

Yang Berhormat Kota Bharu sahabat lama daripada universiti. Saya rasa saya sudah jawab sebelum daripada ini perkara-perkara yang beliau timbulkan. Akan tetapi, ada pencelahan tadi tentang Pusat Dialog Kemanusiaan, saya rasa itu cadangan yang baik. Mungkin sebelum ini pun telah diadakan, cuma...

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Sik. Tadi saya mencelah. Terima Yang Berhormat .

**Dato' Saifuddin Abdullah:** Ya, terima kasih dan..

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Boleh sekejap ya, Tuan Yang di-Pertua. Berkaitan dengan Pusat Dialog Kemanusiaan itu khususnya dalam isu Myanmar. Kita melihat isu pokoknya ialah hal kemanusiaan yang masih belum selesai di peringkat *grassroot* ataupun di Rakhine itu sendiri. Ketika ini pihak Myanmar tidak membenarkan mana-mana agensi luar untuk masuk menghantar bantuan ke sana termasuklah kita daripada NGO-NGO Malaysia. Beberapa kali saya sendiri pernah mencuba untuk masuk ke wilayah Maungdaw dan Buthidaung itu tempat berlakunya krisis yang paling teruk.

Jadi, saya mencadangkan untuk kita Kementerian Luar juga melantik *attache* kemanusiaan seperti mana yang telah kita buka di Bangladesh. Maksudnya, pegawai ini boleh menyelaras bantuan yang banyak diurus oleh pihak NGO Malaysia untuk sampai terus ke kawasan konflik itu. Di situ dapat kita bantu untuk mereka tidak lagi bersedia keluar, termasuklah masuk ke Malaysia ini. Terima kasih.

**Dato' Saifuddin Abdullah:** Ini yang saya maksudkan antara perkara yang di bincang oleh Menteri-menteri Luar ASEAN sebab kalau kita hendak hantar, saya yakin Myanmar takkan terima. Kita hendak hantar *military, attache*, kita hendak hantar pegawai atas nama pegawai diplomatik ke mana-mana negara dia kena setuju. Kalau kita hantar dia tidak setuju, dia tak jadi jalan. Jadi kita terpaksa juga buat masa ini menggunakan platform ASEAN. Ada satu lagi platform ASEAN yang kita sedang usaha untuk lakukan ialah AIPR, yakni *ASEAN Institute for Peace and Reconciliation* yang baru sahaja dihidupkan dalam setahun, setahun setengah yang lalu berpusat di Jakarta.

Kita akan cuba gunakan platform-platform yang sedemikian untuk kita menjalankan kerja-kerja yang lebih baik bagi membantu pelarian dan mereka yang menjadi mangsa di Rakhine State yakni orang-orang Rohingya. Yang Berhormat Arau tak nak mencelah kah? Hendak sokong bajet kah, apa-apa? Tak payah lah, tak payah lah. Saya tanya sahaja. Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan banyak-banyak terima kasih..

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Sedikit, sedikit sahaja. [*Dewan riuh*] Saya harap Menteri Luar ini jadi Menteri Luar yang hebat seperti Allahyarham Ghazali Shafie, jadi macam tu ya. Kita hendak bertaraf itu ya. Ini ialah di antara dan saya ingat Yang Berhormat nampaknya jalan ke situ ada, jalan yang agak dekat di situ. Akan tetapi, Menteri Kewangan kena tolonglah ya. Kalau tidak nanti apa yang diucapkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri nanti tidak menjadi kenyataan. Hendak bagi kenyataan, kedutaan kita di luar kena kuat.

Yang Berhormat, saya hendak sebut satu sebab saya tak sempat sebut tadi iaitu fasal *environment*. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyebut bahawa 48 peratus daripada negara ini masih lagi *virgin jungle*. Saya rasa yang itu kena diperbetulkan sebab yang mereka *complaint* sekarang ini, kita campur dengan hutan kelapa sawit itu sebagai salah satu daripada hutan. Jadi, Yang Berhormat kena keluarkan satu kenyataan yang mereka akan saya rasa dia tidak akan pulaukan minyak kita. Iaitu kita haramkan balak yang mereka berbulu sekarang ni dengan Malaysia ialah kerana pembalakan halal dan juga sah ini dibuat dengan cara berleluasa di semua negeri di Malaysia kecuali baru-baru ini kita lihat Sarawak telah mengharamkan balak.

Bolehkah Yang Berhormat Menteri tunjukkan satu kenyataan bahawa Malaysia sudah mengharamkan balak? Tidak ada balak lagi yang hendak di balak, sebab kita sudah melebihi daripada yang sewajarnya. Kita tahu bahawa kalau kita sebut ia takut ia menyentuh beberapa individu kenamaan yang mempunyai lesen balak. Yang Berhormat, Yang Berhormat bertanggungjawab dengan Allah Taala. Yang Berhormat sealiran dengan saya bahawa kalau yang benar, Yang Berhormat kena bercakap benar, kalau sekiranya balak ini boleh menyebabkan kehancuran kepada kemanusiaan, balak ini patut dihentikan. Yang Berhormat isytiharkan bahawa kita mengharamkan balak di Malaysia. Esok minyak kelapa sawit dapat dijual dengan baik. Terima kasih. Pembalakan.

**Dato' Saifuddin Abdullah:** Yang Berhormat, saya bukan Menteri jaga balak. Akan tetapi tak apa lah, saya seloroh sahaja tadi Tuan Yang di-Pertua. Kita tanya dia, dia syok pula. Tak apa lah, ni abang lama, terima kasih banyak Tuan Yang di-Pertua atas kesempatan. Terima kasih semua.

**Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]:** Minta laluan satu ya. Terakhir.

**Dato' Saifuddin Abdullah:** Teman-teman yang..

**Tuan Yang di-Pertua:** Dah habis sudah.

**Dato' Saifuddin Abdullah:** Saya sudah hendak baca *ma'assalamah* dah ni.

**Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]:** Satu sahaja. Mungkin Yang Berhormat Indera Mahkota terlupa apa yang disebut oleh Yang Berhormat Kubang Kerian berkaitan dengan pencerobohan tentera di sempadan Singapura ke Malaysia. Itu yang saya ingat apa di cakap oleh Yang Berhormat Kubang Kerian. Cuma persoalan saya Tuan Yang di-Pertua, kita menghormati jiran. Jiran ataupun tetangga kita, sejauh manakah kita memastikan jiran juga menghormati kita untuk menjaga keselamatan dan keharmonian di rantau Asia ini. Terima kasih.

**Dato' Saifuddin Abdullah:** Terima kasih. Itulah lama-lama sangat sudah kena. Yang Berhormat, ini yang tadi saya sebutkan bahawa kita ada prinsip berkecuali, menghormati jiran, tidak campur tangan dan sebagainya. Akan tetapi, ada waktu-waktu tertentu kita kena ada pengecualiannya dan ada masanya pengecualian itu kita buat secara ad-hoc dan ada waktunya dia menjadi ada masa tidak menjadi. Yang Berhormat juga sama seperti beberapa orang yang lain sebelum tadi mencadangkan atau membayangkan keperluan untuk itulah yang disoal itu.

Saya fikir saya tidak mampu untuk menjawabnya sekarang, tetapi ini antara perkara-perkara yang kita haru fikirkan. Adakah dasar itu dia akan kekal begitulah apa jadi pun, orang *ligan* kita macam mana pun kita tetaplah khusyuk macam itu saja

ataupun ada waktu-waktunya kita berkalih sedikit dan kita membuat pengecualian daripada dasar demi menjaga keselamatan negara dan demi untuk memastikan kepentingan negara di luar, di peringkat antarabangsa sentiasa terjamin. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, *Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. [*Dewan tepuk*] Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul Yang Berhormat Menteri Luar Negeri seperti yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini di bawah Perkara 1, hendaklah disetujui.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

### **USUL MENTERI KEWANGAN**

#### **Akta Pendanaan Kerajaan 1983**

##### **6.19 ptg.**

**Menteri Kewangan [Tuan Lim Guan Eng]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon membentangkan satu resolusi berkaitan ketetapan mengenai pemindahan wang Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) daripada Akaun Pinjaman Disatukan kepada Kumpulan Wang Pembangunan mengikut keperluan seksyen 4(b) Akta Pendanaan Kerajaan 1983 (Akta 275).

Resolusi ini dibentangkan supaya kerajaan memindahkan baki bersih wang terimaan dari Akaun Pinjaman Disatukan sehingga 30 September 2018 sebanyak RM23,500 juta dan pada masa ini berada dalam Akaun Pinjaman Disatukan kepada Kumpulan Wang Pembangunan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kumpulan Wang Pembangunan ialah satu kumpulan wang amanah kerajaan yang ditubuhkan mengikut Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 bagi tujuan membiayai projek pembangunan. Salah satu sumber dana yang terdapat dalam akaun Kumpulan Wang Pembangunan adalah melalui pindahan dari Akaun Pinjaman Disatukan.

Seksyen 4(b) Akta Pendanaan Kerajaan 1983 memperuntukkan bahawa terimaan daripada Terbitan Pelaburan Kerajaan hanya boleh dipindahkan kepada Kumpulan Wang Pembangunan setelah mendapat kelulusan Dewan Rakyat dengan resolusi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sekuriti pinjaman berasaskan syariah ini telah diterbitkan oleh kerajaan di bawah Akta Pendanaan Kerajaan 1983 dan antara

tujuan utama terbitan berasaskan syariah adalah bagi meningkatkan pembangunan pasaran kewangan Islam.

Dengan ini saya memohon mencadangkan resolusi berkaitan ketetapan pemindahan baki sehingga 30 September 2018 bagi MGII sebanyak RM23,500 juta daripada Akaun Pinjaman Disatukan kepada Kumpulan Wang Pembangunan untuk diluluskan oleh Dewan Rakyat yang mulia ini. Sekian terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada Yang Berhormat yang menyokong usul?

**Menteri Luar Negeri [Dato' Saifuddin Abdullah]:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahas. Akan tetapi saya tidak pun menerima senarai pembahas, tidak ada bahas?

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul Yang Berhormat Menteri Kewangan seperti yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini di bawah Perkara 2, hendaklah disetujui.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi, hari Selasa 16 Oktober 2018. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 6.22 petang]***